

**DEWAN  
RAKYAT**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH ]**  
**TARIKH : 23.9.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mendedahkan hasil kajian penyalahgunaan dadah di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2005 Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjalankan “Kajian Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia”.

Kajian ini bertujuan mengenal pasti bilangan pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah, membina profil pelajar yang positif urin dan meninjau risiko pelajar terhadap penyalahgunaan dadah.

Berdasarkan hasil kajian yang dilaksanakan menunjukkan bahawa Institusi Pengajian Tinggi Awam adalah bebas dadah iaitu di bawah 1.0 peratus mengikut tafsiran *ASEAN Senior Officials on Drug Matters*.

Rjm 01

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [ KAPAR ]**  
**TARIKH** : **23.9.2013**  
**SOALAN** :

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) mengapa Pusat Anak PERMATA Negara dikawal selia oleh Jabatan Perdana Menteri dan bukannya Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi; dan
- (b) apakah usaha Kementerian untuk memperbaiki *ranking* Universiti Awam dalam Negara ke tahap yang lebih membanggakan setanding dan setaraf dengan Universiti-universiti Antarabangsa seperti Harvard dan Oxford.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Program asuhan dan didikan awal kanak-kanak PERMATA merupakan program yang dibangunkan untuk membantu kanak-kanak dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah dari kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Program ini memberi fokus kepada kesepaduan asuhan dan didikan awal kanak-kanak, di samping memberi penekanan kepada penglibatan menyeluruh ibu bapa dan ahli masyarakat. Pelaksanaan program ini menggunakan Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA yang merangkumi asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berumur di bawah 4 tahun, manakala program pendidikan prasekolah pula bermula dari umur 4 hingga 6 tahun.

Antara objektif Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA ialah menggalakkan kanak-kanak di bawah umur 4 tahun mendapat asuhan dan didikan yang berkualiti bagi merangsang perkembangan awal mereka yang sesuai mengikut kumpulan umur daripada segi fizikal, bahasa, kognitif, sosio-ekonomi dan rohani dalam persekitaran yang selamat, sihat dan menyeronokkan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan menggalakkan penubuhan TASKA yang dikelola oleh agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan agensi lain termasuk Jabatan Perdana Menteri. Semua agensi ini mengawal selia pengurusan dan pengoperasian TASKA masing-masing.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berperanan membantu semua agensi pelaksana dalam aspek kurikulum, keperluan dan latihan guru khusus bagi keperluan Pusat Anak PERMATA Negara, Jabatan Perdana Menteri.

- (b) KPM melalui institusi pengajian tinggi (IPT) telah melaksanakan beberapa langkah dalam meningkatkan ranking universiti agar berdaya saing di peringkat global. Program yang dilaksanakan bagi melonjakkan IPT tempatan ialah:
- i) Pengiktirafan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai universiti bertaraf APEX (*Accelerated Programme for Excellence*) yang turut merupakan usaha ke arah universiti terbaik dunia. Ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang menetapkan sasaran supaya menjelang tahun 2020 tiga IPT tempatan berada dalam kedudukan 100 universiti terbaik dunia di mana satu daripadanya antara 50 yang terbaik.
  - ii) Pengiktirafan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai Universiti Penyelidikan. Dengan pengiktirafan ini, kelima-lima institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) tersebut akan mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi.
  - iii) Pada tahun 2010, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengiktiraf enam (6) Pusat Kecemerlangan di IPTA sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCoE) untuk melaksanakan penyelidikan kolaborasi penyelidikan dan kepakaran serta menghasilkan penerbitan berimpak tinggi bagi melonjakkan pencapaian masing-masing di peringkat antarabangsa.
  - iv) Pemberian autonomi kepada IPTA.

KPM yakin UM dapat melonjakkan lagi kedudukannya di mana sasaran adalah supaya UM berada dalam 100 universiti terbaik menjelang 2015 dan 50 terbaik pada tahun 2020. UM akan terus memperkukuhkan aspek fundamental seperti reputasi akademik dan penyelidikan serta

melaksanakan program *High Impact Research* (HIR) yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 15 Oktober 2010 bagi melaksanakan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi.

Lain-lain program yang dilaksanakan oleh UM ialah:

- i) Pelan Strategik UM yang lebih berfokus melalui penubuhan *Global Planning and Strategy Centre*, UM.
- ii) Menambahbaik kriteria kenaikan pangkat staf akademik melalui *Standard Academic Performance Target* (SAPT).
- iii) Program Skim Akademik Ikon bagi membolehkan ahli akademik ulung dan penyelidik tersohor berkhidmat di UM.
- iv) Skim *Bright Spark* bertujuan merekrut pelajar cemerlang yang mempunyai minat mendalam dalam penyelidikan untuk menjadi staf akademik UM.

### **Usaha melonjakkan IPT di Peringkat Antarabangsa**

Antara perkara yang perlu dititikberatkan oleh IPT adalah:

- i) Memperkukuh usaha dalam menghasilkan modal insan.
- ii) Memperkayakan kreativiti dan inovasi.
- iii) Mendapatkan yang terbaik daripada ekosistem pendidikan tinggi.
- iv) Mendapat manfaat daripada globalisasi.
- v) Transformasi kepimpinan daripada pengurusan IPT.
- vi) Penilaian sendiri pencapaian R&D&C setiap tahun melalui Penilaian Pencapaian Penyelidikan Malaysia (MyRA<sup>®</sup>).

Rjm02

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**

**TARIKH : 23.9.2013**

**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dalam 10 tahun ini bilangan menteri dan pegawai kanan yang telah menghantar anak-anaknya ke sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan serta IPTA. Jika ada yang tidak, mengapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejajar dengan dasar pendidikan untuk semua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa bersikap terbuka kepada ibu bapa atau penjaga termasuklah golongan menteri dan pegawai kanan untuk memberi pendidikan kepada anak-anak mereka. Namun, KPM menggalakkan agar anak-anak mereka dihantar ke sekolah aliran perdana, terutama berhampiran di kawasan tempat tinggal mereka. Ini adalah kerana sekolah aliran perdana merupakan sekolah untuk semua kaum dan menyediakan persekitaran yang dapat mewujudkan integrasi antara kaum di peringkat awal pendidikan selaras dengan dasar pendidikan kebangsaan. Namun begitu, kewujudan Sekolah Jenis Kebangsaan tidak pernah dinafi dan diabaikan seperti mana yang telah termaktub dalam Akta Pendidikan 1996.

Begitu juga untuk mendapatkan pendidikan di peringkat pengajian tinggi, kerajaan menyediakan peluang melanjutkan pengajian sama ada di institut pengajian tinggi awam dan juga swasta.

Rjm03

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI**  
**[ BAGAN SERAI ]**  
**TARIKH : 23.9.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah Kementerian untuk meningkatkan tahap kesedaran, kefahaman dan kebertanggungjawaban rakyat terhadap keperluan pembayaran semula pinjaman PTPTN ini; dan
- (b) di samping subsidi terhadap yuran pengajian yang dikenakan oleh IPTA, apakah langkah-langkah lain yang boleh diambil bagi mengurangkan kos mendapatkan pengajian tinggi tanpa menjejaskan kualiti pengajian tinggi negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam usaha meningkatkan tahap kesedaran, kefahaman dan kebertanggungjawaban rakyat terhadap keperluan pembayaran semula pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), pelbagai langkah telah dilaksanakan. Antaranya adalah melalui pendekatan mesra pelanggan. PTPTN telah mengadakan beberapa aktiviti dalam mendekati lagi PTPTN dengan penerima biaya PTPTN. Antara aktiviti yang dilakukan adalah kempen dan ceramah di institusi kerajaan dan swasta, taklimat bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Bank Negara kepada pelajar-pelajar tahun akhir di institusi pengajian tinggi serta agihan buku pengurusan kewangan peribadi secara percuma. PTPTN juga telah membuka 12 pejabat PTPTN Negeri, 2 *One Stop Centre* dan empat (4) pejabat PTPTN Cawangan di lokasi strategik di seluruh negara iaitu PPN Selangor, PPN Perak, PPN Negeri Sembilan, PPN Kelantan, PPN Pulau Pinang, PPN Sarawak, PPN Melaka, PPN Pahang, PPN Terengganu, PPN Sabah, PPN Kedah/Perlis dan PPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Johor. *One Stop Centre* KL Sentral dan *One Stop Centre* Putrajaya serta PPC UTC Perak, UTC Pahang, UTC KL dan UTC Kedah.

Bermula 1 Disember 2012, PTPTN juga telah mewujudkan sistem Pegawai Tanggungjawab (PTJ) di mana setiap pegawai PTPTN ditugaskan menyelia hampir 6,500 penerima biaya PTPTN. PTJ akan berhubung secara terus dengan penerima biaya berkaitan soal bayaran balik dan juga menjawab setiap persoalan berkenaan pembiayaan pendidikan. Mereka juga akan bertindak dalam melakukan pemantauan dan tindakan susulan untuk sentiasa mengemaskini rekod penerima biaya di bawah seliaan masing-masing.

Tindakan penguatkuasaan seperti saman dan menyenarai hitam di Jabatan Imigresen adalah sebagai langkah terakhir dalam memberikan peringatan kepada peminjam tegar, setelah pelbagai langkah peringatan supaya mula membayar balik pinjaman tidak dipedulikan oleh mereka. Tindakan tersebut di ambil bagi meningkatkan tahap kesedaran, kefahaman dan kebertanggungjawaban rakyat terhadap keperluan pembayaran semula pinjaman PTPTN ini. Berdasarkan prosedur kerja sedia ada, PTPTN telah pun melaksanakan pendekatan yang fleksibel di dalam mendapatkan bayaran balik pinjaman sebelum menyenarai hitam peminjam.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam menggalakkan penerima biaya PTPTN membuat bayaran balik, beberapa insentif kepada peminjam PTPTN di bawah inisiatif mengurangkan kos pembelajaran pelajar telah diperkenalkan oleh YAB. Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2013 pada 28 September 2012 seperti berikut:-

- i) **Pertama:** Bagi peminjam yang menyelesaikan hutang sekali gus dalam tempoh setahun bermula 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013, diskaun 20 peratus akan diberikan ke atas baki pinjaman mereka.
  - ii) **Kedua:** Bagi mereka yang membayar pinjaman secara konsisten mengikut jadual mulai 1 Oktober 2012, diskaun 10 peratus setahun akan diberikan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah lain yang diambil bagi mengurangkan kos mendapatkan pengajian tinggi adalah melalui kaedah pembiayaan alternatif yang lebih luas dan mempelbagaikan saluran sumber kewangan tambahan termasuk daripada alumni dan kerusi *endowment* seperti yang dilakukan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) bertaraf dunia. Kebanyakan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mempunyai dana sumbangan daripada beberapa pihak. Selain itu, alumni-alumni IPTA diseru untuk menderma atau menyumbang dana di IPTA masing-masing. Justeru, dana yang disumbangkan (didermakan) dilihat dapat menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan seterusnya dapat mengurangkan pergantungan kepada kerajaan dalam bidang pengajian tinggi.



Selain itu, di bawah Pelan Tindakan PSPTN, autonomi merupakan salah satu agenda kritikal (CAPs) yang bertujuan memperkasakan IPTA supaya setaraf dengan universiti bertaraf dunia. Bidang Kewangan dan Penjanaan Pendapatan merupakan salah satu komponen yang diberi perhatian khusus dalam agenda autonomi IPTA. Melalui komponen tersebut, IPTA perlu menjana pendapatan sendiri melalui sumber dalaman untuk memastikan menjelang tahun 2020, Universiti berfokus dan komprehensif dapat menjana 35 peratus bagi perbelanjaan mengurus dan 15 peratus bagi perbelanjaan pembangunan daripada peruntukan tahunan bagi menampung keperluan perbelanjaannya. Bagi Universiti Penyelidikan pula, dijangka menjana sekurang-kurangnya 45 peratus dan 10 peratus masing-masing bagi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan menjelang tahun 2020.

Perkara-perkara yang dinyatakan di atas secara tidak langsung merupakan langkah-langkah yang sedang diambil bagi mengurangkan kos bagi mendapatkan pengajian tinggi tanpa menjejaskan kualiti pengajian tinggi itu sendiri.

Rjm04

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI**  
**[ SIPITANG ]**  
**TARIKH : 23.9.2013**  
**SOALAN :**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha dan pendekatan diambil untuk memberi '*autonomi*' kepada Jabatan Pelajaran Negeri, khususnya di Sabah dalam memastikan pelaksanaan projek berkaitan pendidikan dapat dijayakan secara berkesan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan secara sebut harga (RM500 ribu dan ke bawah), Kementerian melalui perwakilan kuasa Pegawai Pengawal di bawah Arahan Perbendaharaan 11 (AP11) telah pun menurunkan kuasa kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk melaksanakan sendiri proses perolehan termasuklah membuat pertimbangan untuk melantik kontraktor yang berjaya tertakluk kepada peraturan dan pekeliling perolehan yang sedang berkuatkuasa.

Manakala, perolehan secara tender (melebihi RM500 ribu) bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Bekalan Makanan Bermasak serta Kebersihan Kawasan dan Bangunan dilaksanakan oleh Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama JPN bagi menguruskan sebahagian daripada proses perolehan seperti pengiklanan, penerimaan dokumen tender, pembukaan tender dan juga penilaian tender. Walau bagaimanapun, pertimbangan perolehan secara tender hanya boleh dibuat oleh Lembaga Perolehan Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilantik oleh Perbendaharaan Malaysia.

Sehubungan dengan itu, Kementerian akan meneruskan amalan ini dan tidak bercadang untuk menurunkan kuasa bagi membuat pertimbangan perolehan secara tender kepada JPN.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [ TUARAN ]**  
**TARIKH : 23.9.2013**  
**SOALAN :**

**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan penurunan kuasa daripada Menteri kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri dalam hal pelantikan Pengusaha Kantin, Penjaga Keselamatan Sekolah, Kontraktor Kebersihan Sekolah dan Pembekal Alat Tulis Sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan secara sebut harga (RM500 ribu dan ke bawah), Kementerian melalui Perwakilan kuasa Pegawai Pengawal di bawah Arahan Perbendaharaan 11 (AP11) telahpun menurunkan kuasa kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk melaksanakan sendiri proses perolehan termasuklah membuat pertimbangan untuk melantik kontraktor yang berjaya tertakluk kepada peraturan dan pekeliling perolehan yang sedang berkuatkuasa.

Manakala, perolehan secara tender (melebihi RM500 ribu) bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Bekalan Makanan Bermasak serta Kebersihan Kawasan dan Bangunan dilaksanakan oleh Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama JPN bagi menguruskan sebahagian daripada proses perolehan seperti pengiklanan, penerimaan dokumen tender, pembukaan tender dan juga penilaian tender. Walau bagaimanapun, pertimbangan perolehan secara tender hanya boleh dibuat oleh Lembaga Perolehan Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilantik oleh Perbendaharaan Malaysia.

Sehubungan dengan itu, Kementerian akan meneruskan amalan ini dan tidak bercadang untuk menurunkan kuasa bagi membuat pertimbangan perolehan secara tender kepada Jabatan Pendidikan Negeri.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**  
**TARIKH** : **23.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan punca masalah jualan Dimensi 108 di sekolah-sekolah tertentu. Siapakah pihak yang bertanggungjawab dan apakah langkah-langkah pencegahan insiden serupa berlaku lagi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia tidak membenarkan jualan terus ke sekolah dan tindakan akan diambil sekiranya pihak sekolah mempromosi atau memaksa murid membeli produk kesihatan.

Rjm07

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN SEAH LEONG PENG [ TELOK INTAN ]**  
**TARIKH : 23.9.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Seah Leong Peng [ Telok Intan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap keberkesanan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) pada perkembangan / pencapaian pelajar yang terlibat dan bagaimana pelaksanaan PBS dilakukan pada pelajar secara tiba-tiba tidak hadir ke sekolah pada hari ujian tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Fokus utama Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) adalah untuk mengumpul maklumat tentang perkembangan pembelajaran murid melalui pelbagai instrumen dan seterusnya memberi maklum balas bermakna bagi memperbaiki dan mempertingkatkan pembelajaran murid. PBS bukanlah pendekatan pentaksiran yang baharu. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menstrukturkan semula sistem pentaksiran di sekolah ke arah satu pentaksiran holistik dan mentaksir aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pelaporan PBS juga bersifat deskriptif dan lebih holistik dengan setiap komponen mempunyai pelaporan yang tersendiri lagi diiktiraf bagi memberi gambaran lebih tepat tentang seseorang murid yang telah melengkapkan satu program persekolahan. Dalam pendekatan baharu ini, pelaporan tidak lagi bertumpu pada satu gred/markah oleh satu agensi tetapi pelbagai maklumat daripada pelbagai sumber.

Komponen PBS terdiri dua (2) kategori iaitu akademik dan bukan akademik. Kategori akademik terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala kategori bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Akitviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). PP dijangka dilaksanakan dalam tahun 2016 bagi tahap 2 sekolah rendah manakala bagi sekolah menengah pada tingkatan 3 tahun 2014. Pentaksiran formatif bagi PS, PPsi dan PAJSK dilakukan boleh dilakukan seiring proses pembelajaran dan pengajaran. Manakala pentaksiran sumatif dilakukan

pada akhir unit pembelajaran, penggal, bulan atau tahun. KPM ada menyediakan panduan dan prosedur pengurusan kes-kes khas seperti murid yang tidak hadir ke sekolah. Pentaksiran boleh dijalankan bila-bila masa apabila murid hadir ke sekolah.

Rjm08

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATUK HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]**

**TARIKH** : **23.9.2013**

**SOALAN** :

**Y.B. Datuk Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan berhubung isu yang melibatkan peminjam dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan apakah terdapat sebarang cadangan untuk mengadakan perbincangan “Meja Bulat” dengan pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan Majlis Perwakilan Pelajar bagi menangani masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan keputusan Kerajaan menangguhkan cadangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menghantar maklumat peminjam PTPTN kepada “*Central Credit Reference Information System*” atau CCRIS, satu sesi dialog bertajuk “Perundingan Awam Ke Arah Kelestarian PTPTN” dengan pelbagai pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah diadakan pada 28 Ogos 2013, bertempat di Hotel Seri Pasific, Kuala Lumpur. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YB Dato’ Seri Idris Bin Jusoh, Menteri Pendidikan II. Antara NGO dan MPP yang hadir adalah GPMS, PERKASA, Alumni Kelab UMNO Luar Negara, Persatuan Pesara Pegawai Pendidikan Malaysia, PEMBINA, MPP-MPP IPT, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia dan lain-lain. Peserta yang hadir telah dimaklumkan mengenai kedegilan segelintir peminjam yang tidak ingin berunding dengan PTPTN untuk pembayaran balik hutang mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil perbincangan telah menghasilkan pelbagai reaksi dan pandangan berhubung cadangan pelaksanaan CCRIS kepada peminjam serta perbincangan ke arah memperkasakan kelestarian PTPTN. Semua cadangan dan pandangan akan diperhalusi dan akan dikaji secara mendalam sebelum tindakan selanjutnya diambil. Walau bagaimanapun perlu diperjelaskan sekiranya hutang PTPTN tidak dibayar, ia tidak berlaku adil kepada peminjam yang melaksanakan pembayaran balik mereka dengan teratur. Ia juga

menafikan hak generasi akan datang yang memerlukan pembiayaan pendidikan. Oleh itu, peminjam yang gagal menunaikan tanggungjawab membayar balik pembiayaan perlu diberikan kesedaran tentang tanggungjawab mereka selain memperjelaskan fungsi dan peranan PTPTN yang ditubuhkan pada 1997 bertujuan meningkatkan akses kepada pengajian tinggi dan menggalakkan pendemokrasian pendidikan serta menyediakan sumber manusia yang mencukupi untuk menampung pertumbuhan ekonomi negara selari dengan wawasan Kerajaan untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

Rjm 09



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**  
**TARIKH : 23.9.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kerajaan bersedia menilai semula penempatan pelajar cemerlang kita untuk belajar ke negara-negara luar yang lebih stabil dari aspek keselamatan politik, ekonomi dan geografi fizikal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kemelut politik yang melanda negara Mesir sejak akhir bulan Jun 2013 hingga kini telah mencetuskan keadaan yang tidak stabil. Memandangkan Mesir sebagai salah sebuah negara yang menjadi destinasi utama bagi pelajar Malaysia melanjutkan pengajian, kemelut ini telah menimbulkan kebimbangan terhadap ibu bapa dan para pelajar daripada aspek keselamatan. Selain daripada ibu bapa, kerajaan juga risau tentang keselamatan warganegara khususnya para pelajar. Kesan Ops Pyramid 1 dan 2 sangat menjejaskan pengajian pelajar serta menyebabkan kerugian yang besar bagi pelajar, ibu bapa dan kerajaan Malaysia. Krisis di Mesir ini boleh dijadikan sebagai asas pertimbangan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menilai semula penempatan pelajar untuk belajar ke negara-negara luar dan di institusi pengajian tinggi tempatan yang bersesuaian selain dari Mesir. KPM sedang mengkaji semula polisi dan dasar penghantaran pelajar ke Mesir. Oleh itu, satu kajian akan dibuat untuk meninjau peluang pengajian bagi bidang perubatan, pergigian dan farmasi di negara-negara lain.

Lawatan kerja khas delegasi KPM ke Mesir adalah penting untuk memastikan masa depan pengajian serta kelancaran pengajian pelajar Malaysia terjamin. Selain itu, melalui maklumat yang dikumpulkan strategi yang sesuai dapat dirangka ke atas penghantaran pelajar Malaysia ke Mesir pada masa hadapan. Pada masa yang sama usaha ini juga dapat membina kerjasama serta persefahaman yang lebih erat di antara Malaysia dan Mesir dalam bidang pengajian tinggi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**  
**TARIKH** : **23.9.2013**  
**SOALAN** :

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bayaran yang diberikan pada syarikat konsultan McKinsey & Co pada tahun 2012 dan 2013 untuk menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di- Pertua,

McKinsey & Co. adalah syarikat konsultan yang dilantik untuk membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan Penilaian Semula Pendidikan Negara (PSPN), menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) 2013-2025 dan menyediakan sokongan pelaksanaan PPPM. Pada tahun 2012, KPM telah membayar sebanyak RM4,706,400 untuk Fasa 1 (melibatkan PSPN), dan RM15,860,000 untuk fasa 2 (penyediaan PPPM). KPM sedang mengkaji untuk mendapatkan khidmat McKinsey & Co sekali lagi bagi menyokong pelaksanaan awal PPPM dengan melibatkan kos sebanyak RM21,155,000 bagi tahun 2013

Rjm11

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**  
**TARIKH** : **23 .9. 2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jenis-jenis peruntukan yang telah diberikan kepada Sekolah-Sekolah Menengah Jenis Bantuan dan Sekolah-Sekolah Rendah yang beraliran Bahasa Cina di Bahagian Sarikei dalam masa 5 tahun yang lepas dan akan terus diberikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan belanja mengurus bagi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan serta pemberian dan kenaikan bayaran. Selain daripada itu, KPM juga melaksanakan 25 jenis Bantuan Persekolahan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM3.4 billion untuk seluruh Malaysia bagi menjamin Pengajaran dan Pembelajaran dilaksanakan dengan sempurna.

Rjm12

Soalan No :

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL  
ANUAR BIN WAN AHMAD [ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH** : **23.9.2013**

**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa ramai jumlah pelajar-pelajar IPT di luar negara dan berikan pecahan pelajar-pelajar yang ditaja oleh pihak Kerajaan dan swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Data pelajar Malaysia yang melanjutkan pengajian di luar negara bagi tahun 2010 adalah seramai 79,254 di mana seramai 50,963 (64%) merupakan pelajar persendirian dan 28,291 (36%) adalah pelajar yang ditaja oleh kerajaan. Pada tahun 2011, bilangan pelajar bertambah kepada 89,686 orang di mana seramai 62,683 (70%) merupakan pelajar persendirian. Manakala sehingga 31 Disember 2012 seramai 81,282 orang pelajar melanjutkan pengajian di luar negara. Daripada jumlah tersebut, 54,710 (67%) merupakan pelajar persendirian dan selebihnya adalah pelajar yang ditaja oleh kerajaan.

Berdasarkan pecahan mengikut negeri pada tahun 2012 bagi pelajar Malaysia yang melanjutkan pengajian di luar negara, seramai 1,325 orang pelajar berasal daripada Johor, 1,239 pelajar daripada Kedah, 1,131 pelajar Kelantan, 435 orang daripada Melaka, 558 merupakan pelajar daripada Negeri Sembilan, 630 orang daripada Pahang, 1,745 orang adalah daripada Perak, 115 daripada Perlis, 800 daripada Pulau Pinang, 431 daripada Sabah, 597 daripada Sarawak, 2,976 daripada Selangor, 888 daripada Terengganu, Kuala Lumpur daripada 1,770, seramai 20 daripada Labuan dan 13 orang pelajar adalah daripada Putrajaya. Data berikut merupakan data yang terdapat dalam rekod jabatan. Terdapat beberapa negara yang tidak dapat membekalkan maklumat data pelajar-pelajar disebabkan Akta Rahsia Rasmi negara tersebut.

Rjm13

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**[ BATU KAWAN ]**  
**TARIKH : 23.9.2013**  
**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa peruntukan RM30juta belum lagi diberikan kepada sekolah tersebut dan bilakah status SMJK Jit Sin di Pulau Pinang akan ditukar kepada status SMK.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan sebanyak RM30 juta telahpun disalurkan kepada 66 buah sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) pada 4 September 2013. Peruntukan ini diberikan berdasarkan permohonan dan keperluan pihak sekolah. SMJK Jit Sin Pulau Pinang telah telah diperuntukkan sebanyak RM350,000.00.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SMJK Jit Sin adalah salah sebuah sekolah menengah Cina yang ditubuhkan oleh masyarakat Cina di Pulau Pinang. Sama seperti sekolah menengah cina yang telah *conform* atau akur kepada dasar pendidikan kebangsaan, sekolah ini telah dibenarkan secara pentadbiran untuk mengekalkan nama masing-masing sebagai "sekolah menengah jenis kebangsaan". Sehubungan dengan itu, tiada sebarang cadangan atau permintaan untuk menukar status SMJK Jit Sin di Pulau Pinang kepada status SMK.

Rjm14

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]**  
**TARIKH** : **23.9.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah faedah tahunan (serta bayaran berkaitan kos peminjaman yang lain) yang dibayar PTPTN kepada pemegang-pemegang bonnya dan institusi kewangan yang memberinya hutang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bayaran faedah/keuntungan/kupon tahunan adalah sekitar RM1 bilion setahun di samping kos-kos lain yang terlibat adalah terlalu minimum iaitu di bawah RM50 ribu setahun sehingga pinjaman/sukuk selesai/matang.

Rjm 15

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**[ TELOK KEMANG ]**

**TARIKH** : **23.9.2013**

**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan semenjak melaksanakan moratorium terhadap penubuhan IPTS baharu, berapa banyakkah IPTS terpaksa melalui kaedah penggabungan dan pemerolehan, kolaborasi atau penstrukturan semula demi kelangsungan dan kelestarian sebagai usaha mengatasi masalah kewangan dan juga meningkatkan kualiti program pengajian IPTS tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Moratorium penubuhan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) telah dikuatkuasakan selama dua tahun bermula dari Februari 2013. Moratorium ini dikuatkuasakan bagi tujuan memastikan IPTS mampu daya saing supaya tahap kelestarian adalah tinggi. Bagi menyokong tujuan tersebut, rasionalisasi sektor IPTS dirancang dan dilaksanakan. Rasionalisasi adalah bertujuan untuk memastikan bahawa kuantiti dan kualiti IPTS adalah ideal untuk membenarkan IPTS mencapai tahap lestari yang tinggi supaya mampu memberikan perkhidmatan yang berkualiti.

Antara aktiviti yang menyokong rasionalisasi dan dirancang oleh KPM adalah kaedah penggabungan dan pemerolehan, kolaborasi atau penstrukturan semula, inisiatif semakan semula terhadap peraturan dan garis panduan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555], memperkemaskan Garis Panduan Penubuhan IPTS baru, analisa risiko bagi profil IPTS berstatus Kolej dan pengukuhan perkhidmatan pengajian tinggi swasta kepada pelajar antarabangsa demi kelangsungan dan kelestarian perkhidmatan IPTS berkenaan.

Kaedah penggabungan dan pemerolehan (M&A) merupakan perkara lazim yang diamalkan bagi mencapai skala ekonomi serta meningkatkan daya saing untuk kekal relevan dan produktif di dalam industri. Secara amnya, proses M&A adalah terbuka kepada IPTS yang ingin melaksanakannya secara strategik dan ditentukan oleh IPTS di dalam pasaran. IPTS perlu

mengenalpasti rakan kongsi yang strategik mengikut acuan masing-masing bagi memastikan kejayaan kaedah ini. Dengan kaedah ini, adalah diharapkan IPTS yang kurang berdaya saing dapat bersaing dengan IPTS sedia ada mahupun dengan IPTS dari luar negara. Bagi IPTS yang kukuh, kaedah ini juga dapat mengukuhkan lagi daya saing yang sedia ada.

Selain itu, usaha-usaha meningkatkan keupayaan (capacity building) dan kualiti pengajian sedang dijalankan oleh Kementerian melalui program Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) , program Penilaian Penarafan Kualiti Kolej Swasta (MyQUEST) dan MyRA .

Rjm16



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**  
**TARIKH** : **23.9. 2013**  
**SOALAN** :

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian pihak Kementerian terhadap Institut Pendidikan Guru (IPG). Apakah benar IPG sekarang seolah-olah diabaikan dari segi peruntukan kewangan dan penempatan graduan-graduan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Institut Pendidikan Guru (IPG) masih kekal dengan fungsi melaksanakan latihan perguruan bagi program pra perkhidmatan guru-guru sekolah rendah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan mengkaji semula sebarang perubahan fungsi dan dasar berkaitan apabila penggabungan Kementerian selesai dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengagihkan sejumlah RM894,330,840 kepada IPG meliputi peruntukan untuk emolumen, perkhidmatan dan bekalan serta pemberian dan kenaikan bayaran bagi tahun 2013.

KPM juga melaksanakan penempatan graduan pendidikan tahun 2012 yang telah lulus pengajian secara berperingkat-peringkat berdasarkan kekosongan jawatan melalui dua fasa. Fasa pertama melibatkan sejumlah 2,907 graduan IPG yang tamat pengajian bulan Jun 2012 dan lulus temu duga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, telah dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswaah pada 16 Mac 2013. Fasa kedua melibatkan sejumlah 7,804 graduan IPG dan Institut Pendidikan Tinggi Awam yang tamat September - Disember 2012 dan telah melepasi Penilaian Khas serta temu duga SPP, ditempatkan ke seluruh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mulai 1 Julai 2013.

Rjm 17

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**  
**[ PENKALAN CHEPA ]**

**TARIKH** : **23.9.2013**

**SOALAN** :

**Y.B. Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauhmanakah perkembangan pembangunan Universiti Malaysia Kelantan (Pengkalan Chepa, Padang Tembak, Bachok dan Jeli). Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan dan berapakah yang diperlukan untuk menyiapkan sepenuhnya pembangunan universiti ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok dipecahkan kepada dua (2) fasa, di mana Fasa Pertama sebanyak tiga (3) komponen telah disiapkan daripada keseluruhan perancangan asal sebanyak sembilan (9) komponen. Komponen-komponen yang telah siap dibangunkan adalah Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan, Blok Akademik & Pembelajaran serta Pejabat Pembangunan, Infra & Perkhidmatan. Terbaharu, pembangunan sebuah Asrama Pelajar berkonsep IBS berkapasiti 800 pelajar telah disiapkan bagi memenuhi keperluan tempat tinggal pelajar. Pembangunan Fasa Kedua masih belum dimulakan.

Pembangunan Kampus Jeli juga dipecahkan kepada dua (2) fasa, iaitu Fasa Satu sebanyak tiga (3) komponen telah disiapkan daripada keseluruhan perancangan asal sebanyak enam (6) komponen. Komponen-komponen yang telah siap dibangunkan adalah Fakulti Agro Industri & Sumber Asli, Dewan Peperiksaan dan Asrama Pelajar. Terbaru, pembangunan sebuah Asrama Pelajar berkonsep IBS berkapasiti 600 pelajar juga telah disiapkan bagi memenuhi keperluan tambahan tempat tinggal pelajar. Pembangunan Fasa Kedua masih belum dimulakan.

Kampus Kota adalah sebuah kampus yang dibangunkan dari sebuah kawasan rumah kedai sedia ada yang mengandungi sebanyak tiga (3) buah blok rumah kedai. Pembangunannya agak terhad kepada pengubahsuaian blok-blok rumah

kedai tersebut kepada ruang-ruang pembelajaran dan pengajaran serta pejabat pentadbiran.

Sehingga kini kos pembangunan Kampus Bachok, Kampus Jeli dan Kampus Kota yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM252 juta. Mengikut perancangan sehingga tahun 2015, Universiti Malaysia Kelantan memerlukan sebanyak RM310 juta lagi untuk pembangunan kesemua kampus berdasarkan kepada senarai permohonan projek pembangunan bagi *Third Rolling Plan* (Tahun 2015) RMKe-10. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pembangunan dijangka akan terus diperlukan bagi tahun 2016 dan tahun-tahun berikutnya selaras dengan keperluan pembangunan sebuah universiti.

Rjm 18

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM**  
**[ KUBANG PASU ]**

**TARIKH** : **24.9.2013**

**SOALAN** :

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang kenapa pihak Unit Pusat Universiti (UPU) terlepas pandang atau tidak memberi peluang kepada 18 ribu pelajar cemerlang mengikuti pengajian mereka di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam sesi pengambilan 2013/2014 ini sedangkan mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Apakah ruang masih dibuka untuk mereka di dalam sesi pengambilan yang akan datang kerana persaingan yang semakin sengit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada sesi akademik 2013/2014, seramai 3,584 pelajar telah mendapat PNGK 4.0 dan daripada jumlah tersebut 3,545 pelajar telah ditawarkan tempat ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Berdasarkan statistik tersebut, jelas menunjukkan 99 peratus pelajar yang mendapat PNGK 4.0 telah mendapat tawaran tempat di IPTA dan hanya 1 peratus pelajar sahaja yang tidak mendapat tawaran ke IPTA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegagalan pelajar cemerlang mendapat tempat di IPTA adalah kerana faktor-faktor yang berikut:

- a) Pelajar tidak memenuhi syarat khas program pengajian;
- b) Unjuran tempat telah penuh, terutamanya program pengajian perubatan, pergigian dan farmasi;
- c) Pelajar membuat pernyataan "tidak setuju" sekiranya ditawarkan program pengajian selain daripada yang dipohon;
- d) Pelajar gagal dalam saringan temu duga; dan
- e) Pelajar berada pada merit yang rendah kerana markah kokurikulum yang rendah.

Sekiranya calon gagal dalam mendapat tawaran ke IPTA, mereka masih boleh dipertimbangkan dalam proses permohonan rayuan melalui sistem untuk mengikuti program pengajian berkaitan atau sekiranya mereka setuju untuk menerima tawaran selain daripada program pengajian yang dipohon. KPM akan cuba memastikan pelajar ditawarkan tempat berdasarkan kelayakan dan kekosongan tempat di IPTA.

Rjm19

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[ IPOH BARAT ]**

**TARIKH** : **24.9.2013**

**SOALAN** :

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa beliau mendiamkan diri dan tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap guru besar dan guru-guru yang membuli dan "*ostracizing*" anak perempuan Guneswari Kelly di SK Seri Pristana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada dasarnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpuas hati dengan siasatan serta penjelasan yang diberi oleh pihak sekolah. Malah KPM dari semasa ke semasa telah mengambil tindakan-tindakan seperti yang disarankan oleh pihak-pihak yang terlibat. Antara tindakan-tindakan tersebut adalah:

- a) Menutup bilik persalinan tersebut daripada digunakan sebagai tempat makan;
- b) Kantin sekolah ini telah dinaik taraf iaitu dengan menambah tempat duduk murid yang mencukupi; dan
- c) Guru Besar, Penolong Kanan serta guru-guru di sekolah berkenaan telah diberi nasihat berkaitan keharmonian murid pelbagai kaum di sekolah ini sebanyak dua kali oleh Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Selangor.

Berdasarkan siasatan pihak KPM, sehingga kini tidak terdapat bukti yang boleh dikaitkan dengan dakwaan yang mengatakan bahawa ada antara guru atau pihak pentadbiran sekolah cuba mewujudkan keadaan tidak tenteram dalam kalangan murid pelbagai kaum dengan membuat tekanan atau gangguan (*harassment*) terhadap murid-murid tertentu. Malahan tuduhan yang menyatakan bahawa murid terlibat telah disisih "*ostracizing*" daripada aktiviti sekolah juga didapati tidak berlaku.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU  
[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH** : **24.9.2013**

**SOALAN** :

**Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai niat untuk menubuhkan sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang baru. Jika ya, adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk membina sekolah Tamil di kawasan Jelapang yang mempunyai lebih kurang 20% kaum India.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia amat mengambil berat akan keperluan sekolah untuk semua kaum. Kementerian juga sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pembelajaran yang terbaik untuk semua kaum. Permohonan penubuhan sekolah-sekolah jenis kebangsaan mengikut keperluan komuniti sesuatu kaum sentiasa diberikan perhatian serta pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian dari semasa ke semasa. Walaubagaimanapun, penubuhan serta pembinaan sekolah tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan tertinggi Kerajaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 24.9.2013**

**SOALAN :**

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang insiden yang berlaku di Sekolah Kebangsaan Seri Pristana di mana murid-murid yang tidak beragama Islam disuruh makan di bilik salinan yang berhampiran dengan tandas. Adakah sebarang siasatan telah diambil, jika ya, siapa yang mengetuai siasatan dan apakah hasil siasatan dan tindakan yang telah diambil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menjelaskan bahawa isu berkaitan dakwaan sesetengah pihak mengenai murid-murid di SK Seri Pristana, Selangor, makan di dalam tandas adalah tidak benar. Berdasarkan siasatan KPM yang diketuai oleh Pengarah Pendidikan Negeri Selangor, tempat makan tersebut adalah merupakan bilik persalinan sekolah yang tidak pernah digunakan. Bilik persalinan itu juga telah digunakan sebagai tempat makan oleh bukan sahaja murid-murid India, tetapi juga murid-murid Melayu dan Cina serta guru-guru sejak bulan Mac 2013 lagi. Hal ini disebabkan kantin sedia ada terlalu sempit untuk menampung bilangan murid yang ramai pada waktu rehat.

Walaupun demikian, pihak KPM tetap memandang serius terhadap isu tersebut dan telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut;

- a) Bilik persalinan tersebut telah pun ditutup.
- b) Kantin sekolah ini telah dinaik taraf iaitu dengan menambah tempat duduk murid yang mencukupi.
- c) Guru Besar, Penolong Kanan serta guru-guru di sekolah berkenaan telah diberi nasihat berkaitan keharmonian murid pelbagai kaum di sekolah ini dari semasa ke semasa.



KPM juga berharap di samping tindakan-tindakan tersebut, semua pihak yang terlibat termasuk guru-guru, ibu bapa dan masyarakat setempat dapat memainkan peranan masing-masing bagi mewujudkan persekitaran yang harmoni dan kondusif di sekolah serta memberi fokus utama terhadap pembelajaran murid-murid di sekolah berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak KPM juga dari semasa ke semasa sentiasa mengingatkan semua sekolah agar sentiasa menjaga sensitiviti kaum dan agama dalam hal ehwal menguruskan program dan aktiviti murid di sekolah mereka. Dalam hal ini juga, KPM tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang boleh mengganggu-gugat keharmonian guru-guru dan murid-murid pelbagai kaum di sesebuah sekolah.

Dengan penjelasan ini juga, semua pihak diharap dapat memahami situasi sebenar isu ini supaya tidak lagi berpanjangan demi kemajuan pendidikan anak bangsa kita.

Rjm 22

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH ]**  
**TARIKH** : **24.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bantuan per kapita yang telah diberikan kepada Sekolah Agama Rakyat peringkat rendah dan menengah dari tahun 2010 hingga 2012.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyalurkan bantuan kewangan kepada SAR sebanyak RM95 juta yang telah diluluskan oleh Kerajaan secara *one-off* pada tahun 2011, setelah pemberian tersebut diberhentikan mulai tahun 2001.

Walau bagaimanapun, bagi SAR-KAFA bantuan kewangan telah disalurkan sejak 2008-2012 membabitkan peruntukan berjumlah RM79,282,391.00

Rjm 23

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**  
**TARIKH** : **24.9.2013**  
**SOALAN** :

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai aturan khas (special arrangement) dengan institusi-institusi pengajian tinggi tertentu di luar Negara untuk mengambil atau melatih pelajar-pelajar daripada Malaysia dan apakah butir-butir aturan khas tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menyokong dan menggalakkan syarikat-syarikat dan agensi tempatan membantu memberikan latihan berbentuk kemahiran kepada pelajar bagi mempertingkatkan kemahiran pelajar bagi persediaan untuk menghadapi alam pekerjaan. Institut pengajian tinggi dengan kerjasama MIGHT METEOR Advanced Sdn. Bhd. telah berjaya menghantar pelajar-pelajar Malaysia keluar negara untuk mengikuti latihan industri melalui program-program yang telah diaturkan oleh pihak MIGHT METEOR. Latihan-latihan yang dijalankan adalah menjurus kepada teknologi berkemahiran tinggi yang selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKEA).

Kementerian juga sedang bergiat aktif dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar secara praktikal melalui program mobiliti Republik Rakyat China. Secara asasnya, pelaksanaan program ini adalah dengan penghantaran pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam ke universiti-universiti di Republik Rakyat China untuk mengikuti kursus bahasa Mandarin dan seterusnya menjalani latihan industri di syarikat-syarikat yang terpilih. Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2012 bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pengetahuan dan kemahiran khususnya pendedahan kepada industri kecil dan sederhana di negara China. Melalui program mobiliti, pelajar juga berpeluang untuk menimba pengalaman belajar dalam persekitaran yang berbeza bagi meningkatkan pencapaian akademik dan potensi kerjaya.

Antara inisiatif lain bagi meningkatkan budaya pengantarabangsaan dalam kalangan pelajar, Kementerian telah mengikat perjanjian secara *government to government* bagi program mobiliti pelajar di antara institusi pengajian tinggi awam khususnya bersama institusi luar negara. Ianya melalui penyertaan Malaysia dalam program mobiliti *ASEAN International Mobility for Student (AIMS)* yang dahulunya dikenali sebagai program Malaysia-Indonesia-Thailand (M-I-T) yang diperkenalkan pada tahun 2010. Program ini merupakan perjanjian yang diikat secara kerjasama di antara negara-negara Asia Tenggara iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Vietnam, Filipina dan Brunei di bawah penyelarasan *Southeast Asean Ministers of Education Organization Regional Centre for Higher Education and Development (SEAMEO RIHED)*. Seramai 198 pelajar Malaysia telah terlibat dalam program mobiliti AIMS sejak mula diperkenalkan pada tahun 2010. Pada tahun 2013, seramai 118 orang pelajar Malaysia akan dihantar ke Indonesia (51 orang) dan Thailand (67 orang) bermula bulan September 2013.

Selain daripada itu, program pengajian seperti *Dual-Degree* dan *Joint-Degree* yang dijalankan di antara institusi pengajian tinggi Malaysia bersama institusi pengajian tinggi luar negara juga memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar Malaysia mengikuti pengajian di luar negara. Ianya juga merupakan antara aturan khas yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi meningkatkan kualiti pembelajaran seterusnya melahirkan pelajar yang bertaraf antarabangsa.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 24.9.2013**

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pecahan peruntukan dan kegunaannya bagi sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang dan nyatakan sebab mengapa tiada komitmen yang realistik dan serius dalam membantu sekolah vernakular ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan mengurus bagi bagi sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang pada tahun 2012 sebanyak RM35,353,148.58. KPM sentiasa komited dalam membantu sekolah vernakular ini daripada segi penyaluran peruntukan mengurus dan bantuan-bantuan kepada murid. Peruntukan dan kegunaan bagi sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang (Tahun 2012):

- |    |  |                |
|----|--|----------------|
| a) | Kerja baiki lantai bilik darjah SJKT Ladang Juru                               | RM155,000.00   |
| b) | Kerja penyelenggaraan 9 buah sekolah SJKT.                                     | RM481,823.76   |
| c) | Sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Sekolah-sekolah Tamil – 21 buah sekolah. | RM574,880.00   |
| d) | Projek pembinaan blok tambahan SJKT yang diselia oleh JKR Pulau Pinang:        |                |
|    | ✓ SJKT Permatang Tinggi  | RM2,950,000.00 |
|    | ✓ SJKT Ladang Jawi   | RM1,860,000.00 |
|    | ✓ SJKT Azad  | RM1,860,000.00 |
|    | ✓ SJKT Bayan Lepas   | RM2,879,000.00 |

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN**  
**[ TEMERLOH ]**

**TARIKH** : **24.9.2013**

**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan membenarkan para mahasiswa dalam dan luar negara yang terlibat dengan mana-mana organisasi parti politik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan berkenaan mahasiswa di Malaysia ditadbir oleh beberapa Akta. Takrifan 'pelajar' dalam Akta AUKU 1971 [Akta 30], Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555], Akta UiTM 1976 [Akta 173] dan Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [Akta 174] tidak membuat sebarang perbezaan antara mahasiswa tempatan dan pelajar antarabangsa. Takrifan tersebut walau bagaimanapun hanya terpakai kepada 'pelajar' yang menuntut di institusi pengajian tinggi dalam Malaysia sahaja. Oleh yang demikian, peruntukan di dalam Akta-akta tersebut adalah terpakai secara keseluruhannya kepada pelajar yang menuntut di institusi pengajian tinggi berkenaan di dalam Malaysia.

Mulai tahun 2012, pelajar adalah dibenarkan untuk menyertai politik namun aktiviti tersebut dihadkan kepada penglibatan politik di luar kampus sahaja selaras dengan pindaan undang-undang yang dibuat dalam tahun 2012 iaitu peruntukan seksyen 15(2)(c) Akta 30, seksyen 47(2)(c) Akta 555 dan seksyen 10(1)(c) Akta 174. Penglibatan pelajar di dalam politik di dalam kampus walau bagaimanapun adalah tidak dibenarkan dan setiap institusi pengajian tinggi adalah bertanggungjawab mengawal selia aktiviti pelajarannya di dalam kampus.

Walaupun bagaimanapun, pelajar Malaysia yang menuntut di institusi pengajian tinggi luar negara adalah tidak tertakluk kepada akta-akta ini. Namun demikian, pelajar warganegara Malaysia yang menuntut di institusi pengajian tinggi luar negara adalah masih tertakluk kepada syarat-syarat kontrak penajaan yang telah ditandatangani dengan penaja yang berkaitan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI**  
**[ TITIWANGSA ]**

**TARIKH** : **24.9.2013**

**SOALAN** :

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah faktor penetapan Purata Nilai Gred Kumultif (PNGK) untuk setiap institusi pengajian tinggi bagi melayakkan graduan mendapat Ijazah kelas pertama dan seterusnya melayakkan graduan tersebut di kecualikan daripada membayar balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ; dan
- (b) siapakah yang dipertanggungjawabkan ke atas penilaian penentuan tahap gred PNGK bagi institusi pengajian tinggi di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman, Dasar Pinjaman Boleh Ubah (pengecualian bayaran) kepada peminjam PTPTN diberikan kepada pelajar yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya telah diperkenalkan mulai tahun 2003. Namun, akibat kedudukan kewangan PTPTN yang terhad, dasar ini telah dimansuhkan mulai permohonan pinjaman bagi pelajar sesi kemasukan Julai 2005 (1 Julai 2005). Namun, atas dasar keprihatinan Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar yang cemerlang di institusi pengajian tinggi (IPT), ketika sesi pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan supaya pinjaman/pembiayaan pendidikan PTPTN ditukar kepada biasiswa bagi graduan Ijazah Kelas Pertama diperkenalkan semula.

Pelajar yang tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama adalah layak untuk menikmati pengecualian bayaran balik ini. Berkenaan pertanyaan Yang Berhormat berkenaan nilai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi membolehkan membolehkan pelajar dikecualikan bayaran balik, untuk makluman, PTPTN tidak menetapkan nilai tertentu gred PNGK bagi membolehkan pelajar dikecualikan bayaran balik. Pengecualian bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN akan diberikan kepada pelajar

yang mendapat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama yang ditetapkan oleh IPT yang lazimnya telah melalui kelulusan senat sesebuah IPT.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan dan penentuan kategori PNGK untuk setiap institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi melayakkan graduan mendapat Ijazah adalah di bawah bidang kuasa Senat Universiti masing-masing, selaras dengan kedudukan Senat Universiti sebagai kuasa akademik tertinggi di sesebuah IPTA dan berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain. Dalam hal ini, Kementerian ini berpandangan atas semangat dan prinsip autonomi akademik yang telah diberikan kepada IPTA, penetapan kategori atau tahap PNGK terus ditetapkan sendiri oleh IPTA masing-masing.

Rjm 27



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]**  
**TARIKH** : **24.9.2013**  
**SOALAN** :

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah graduan pendidikan yang akan dilahirkan oleh semua IPTA yang mempunyai fakulti pendidikan serta 27 buah IPGM bagi tahun 2013 hingga 2017; dan
- (b) adakah senario lambakan guru terlatih berlaku dalam tempoh terdekat dan adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan norma perjawatan berdasarkan nisbah guru kepada kelas yang lebih tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Keputusan Jemaah Menteri pada 12 Julai 2006 bersetuju bahawa latihan perguruan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) bagi guru-guru yang akan ditempatkan ke sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan dikendalikan oleh 13 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang menawarkan program berkenaan. Pemilihan pelajar pula dilaksanakan berasaskan Guru Standard Malaysia (GSM) dan profesionalisme keguruan yang diperakukan oleh KPM. Unjuran ambilan guru bagi keperluan sekolah menengah disediakan oleh Jawatankuasa Unjuran Guru KPM yang dianggotai bahagian-bahagian berkaitan KPM. Pemprosesan dan pemilihan pelajar pula dilaksanakan berdasarkan unjuran ambilan yang ditetapkan oleh KPM. Unjuran ditetapkan bersandarkan kepada parameter seperti dasar ambilan guru, jumlah guru pencen, norma guru, jumlah sekolah baharu dan mata pelajaran baharu.

Bagi Sesi Akademik 2013/2014, terdapat 9 buah IPTA iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),

Universiti Teknologi MARA (UiTM), dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang menawarkan tempat bagi program pengajian ISMP dalam pelbagai bidang pengkhususan seperti bahasa, kemahiran, sains dan matematik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dianggarkan juga jumlah keluaran bagi graduan ISMP akan meningkat sebanyak 4 peratus pada setiap tahun.

Kementerian sedang menjalankan Kajian Unjuran, Keperluan dan Bekalan serta Dasar Penempatan dan Pertukaran Guru dan Kumpulan Pelaksana melalui perunding yang dilantik. Salah satu objektif kajian ialah mewujudkan kerangka baru norma perjawatan guru yang responsif terhadap keperluan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan mengambil kira perubahan dasar-dasar pendidikan, tugas guru dan enrolmen murid. Kajian ini telah dijalankan mulai Februari 2013 dan mengambil tempoh masa selama 12 bulan. Hasil kajian ini akan dikemukakan kepada pengurusan tertinggi Kementerian untuk memutuskan norma perjawatan yang terbaik.

Rjm 28

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]**  
**TARIKH : 24.9.2013**  
**SOALAN :**

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan atas dasar ketelusan dan urus tadbir baik Kerajaan (*good governance*), nyatakan markah *cut-off* berdasarkan setiap IPTA bagi 8 kursus kritikal untuk sesi pengambilan pelajar ke IPTA tahun ini. Apakah tindakan dan langkah Kementerian untuk menyelesaikan kekusutan yang timbul semasa pengambilan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia tidak pernah membuat penetapan *cut-off point* bagi mana-mana program pengajian yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA). IPTA membuat penetapan syarat khas program pengajian berdasarkan kelulusan daripada Senat Universiti. KPM telah menetapkan bahawa semua IPTA perlu memastikan calon yang dipilih memenuhi sekurang-kurangnya syarat minimum bagi semua program pengajian yang ditawarkan. Mana-mana calon yang tidak memenuhi syarat minimum tersebut, tidak layak untuk ditawarkan tempat di mana-mana IPTA.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]**  
**TARIKH** : **24.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai kemajuan memperkenalkan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) di ke semua 45 Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di seluruh negara serta bilangan pelajar yang mendaftar, guru yang terlibat, dan belanja yang dilakukan bagi keseluruhan program ini dan juga belanja bagi setiap satu sekolah. Mengapakah sekolah menengah harian tidak boleh menawarkan program yang sama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semua sekolah yang di bawah pentadbiran kerajaan adalah tertakluk menggunakan kurikulum kebangsaan dan ditaksir melalui sistem peperiksaan kebangsaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membenarkan penawaran peperiksaan daripada mata pelajaran lain atau kurikulum lain di luar kurikulum kebangsaan untuk memantapkan pengetahuan murid dalam mata pelajaran tersebut serta memberi nilai tambah untuk membolehkan murid bersaing di peringkat antarabangsa seperti Diploma *International Baccalaureate* (IB), dan *International Benchmark Test* (IBT).

Merujuk kepada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) bahagian V, seksyen 69, jika sesebuah institusi pendidikan ingin mengendalikan atau mengadakan apa-apa peperiksaan bagi mana-mana murid institusi pendidikan, maka ianya hendaklah mendapat kelulusan bertulis Pengarah Peperiksaan terlebih dahulu dan pihak Pengarah Peperiksaan boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma dan syarat yang difikirkannya patut.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [ SEKIJANG ]**  
**TARIKH** : **24.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) sejauh mana transformasi pendidikan menerusi inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 membantu melahirkan golongan ilmuan Islam, terutama selepas pengambilalihan Sekolah Rendah Agama Bersepadu atau SRAB yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Johor sebelum ini; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk membantu meningkatkan nilai profesional dalam sesi pengajaran dan pembelajaran guru-guru SRAB seperti di garis dalam PPPM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap pembangunan pendidikan secara holistik termasuklah Pendidikan Agama ke arah melahirkan golongan ilmuan Islam, ulamak *versetile* dan teknokrat yang kuat pegangan agama . Dalam hal ini, transformasi pendidikan menerusi inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) KPM 2013-2025, KPM akan meneruskan program pendaftaran Sekolah Agama sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) termasuklah sekolah pondok dan maahad tahfiz. Dalam tempoh pelaksanaan PPPM itu KPM juga akan menambah bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sebanyak 22 buah.

Daripada segi infrastruktur sekolah agama, KPM akan mempertingkatkan prasarana dan kemudahan-kemudahan di sekolah bagi menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif untuk murid-murid bersaing dalam arena pendidikan negara. Sementara daripada segi kurikulum pula, KPM akan mempercepatkan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBDKBT) sebagai Kurikulum Kebangsaan (KK) daripada

tahun 2015 kepada tahun 2014. Pelaksanaan KBDKBT sebagai KK akan membolehkan SABK mendapat pelbagai bantuan seperti peruntukan waktu dalam jadual waktu, guru, buku teks, geran perkapita (PCG) dan sebagainya seperti yang dinikmati oleh kurikulum lain dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan.

KPM juga akan melaksanakan pensijilan yang khusus kepada aliran agama. Selain itu, KPM akan melaksanakan program Tahfiz di sekolah-sekolah tertentu ke arah mewujudkan Sekolah Tahfiz di bawah KPM.

- (b) KPM memang melaksanakan kursus dan latihan untuk meningkatkan profesionalisme dalam aspek kepemimpinan, pengurusan dan pentadbiran serta kemahiran keguruan kepada guru-guru di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) secara berperingkat. KPM juga telah melaksanakan kursus pengurusan kewangan kepada Pengetua/Guru Besar SABK yang telah berdaftar dan yang terkini pada 3 hingga 5 Julai 2013 kepada SABK di Johor yang baru berdaftar. KPM juga sedang melaksanakan Kursus Dalam Cuti (KDC) kepada guru-guru di sekolah-sekolah tersebut.

Rjm 31

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]**  
**TARIKH : 24.9.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pelaksanaan 1M1S (Satu Murid Satu Sukan) mencapai matlamatnya. Apakah kos yang ditanggung oleh Kementerian dan pecahan perbelanjaan yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Matlamat utama Dasar 1Murid 1Sukan adalah untuk membangunkan modal insan melalui penyertaan menyeluruh murid-murid dalam sukan sepanjang tahun. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif untuk memastikan Dasar 1Murid 1Sukan dapat dilaksanakan dengan berkesan di peringkat sekolah melalui pelaksanaan Kajian Impak Pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan pada bulan Jun 2013.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, dapatan kajian tersebut mendapati bahawa:

- a) 96% murid daripada 6541 orang yang terlibat di dalam kajian tersebut memberi persetujuan bahawa mereka seronok menjalankan aktiviti sukan di sekolah sejak Dasar 1Murid 1Sukan dilancarkan. Perkembangan ini menggambarkan bahawa murid memberi sokongan kepada aktiviti sukan di sekolah kerana minat mereka terhadap aktiviti sukan.
- b) 94% murid telah mendaftar sebagai ahli kelab sukan dan permainan di sekolah dan 85% daripada mereka mewakili kelab dan permainan dalam pertandingan kelas di sekolah.

Sebanyak RM 10 juta telah diperuntukkan untuk semua program di bawah Dasar 1Murid 1Sukan. Anggaran perbelanjaan adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>RM</b>
1.	Kem Sukan Sekolah	6 juta
2.	Kejohanan Sukan Untuk Murid Penan Dan Pendalaman	500 ribu
3.	Kejohanan Sukan Untuk Murid Orang Asli	500 ribu
4.	Kejohanan Piala Menteri Pelajaran 1Murid 1Sukan	1 juta
5.	Kejohanan Sukan Sekolah Premier	1 juta
6.	Peralatan Sukan Untuk Kem Sukan Sekolah	500 ribu
7.	Bulan Kecergasan	500 ribu

Rjm 32



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL  
TOYAD ABDULLAH [ MUKAH ]**

**TARIKH** : **24.9.2013**

**SOALAN** :

**Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bila sekolah gantian Kampung Tellian Tengah akan dibina memandangkan telah diletakkan pada rolling plan Kedua.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan pembinaan sekolah baru di bawah Rancangan Malaysia adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan semasa kewangan negara. Permohonan projek pembinaan sekolah gantian Kampung Tellian Tengah telah tidak diluluskan dalam *Rolling Plan* Kedua. Namun bagi membuktikan komitmen yang berterusan daripada pihak kementerian, projek tersebut telahpun dipohon semula dalam *Rolling Plan* Keempat untuk pelaksanaan pada tahun 2015.

Rjm33

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [ SIPITANG ]**

**TARIKH : 25.9.2013**

**SOALAN :**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar Malaysia yang terjejas dengan pergolakan di Mesir, dan apakah langkah diambil kerajaan untuk memastikan proses pembelajaran pelajar-pelajar kita tidak terjejas pada masa hadapan, terutama di negara-negara yang berisiko menghadapi konflik dalaman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat enam (6) pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah berkaitan dengan pelajar Malaysia di Mesir. Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut ialah:

- |    |                 |   |                       |
|----|-----------------|---|-----------------------|
| a) | Y.B. Sipitang   | - | 25.9. 2013 (Hari Ini) |
| b) | Y.B. Marang     | - | 25.9. 2013 (Hari Ini) |
| c) | Y.B. Ketereh    | - | 25.9. 2013 (Hari Ini) |
| d) | Y.B. Parit      | - | 26.9.2013             |
| e) | Y.B. Putatan    | - | 30.9.2013             |
| f) | Y.B Bagan Serai | - | 1.10.2013             |

Oleh kerana isu yang dibangkitkan saling berkaitan, izinkan saya menjawab ke semua pertanyaan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kemelut politik yang melanda negara Mesir sejak akhir bulan Jun 2013 hingga kini telah mencetuskan keadaan yang tidak stabil sehingga mewujudkan ketidaktentuan dalam pelbagai aspek. Memandangkan Mesir merupakan salah satu destinasi utama bagi pelajar Malaysia melanjutkan pengajian ke luar negara, maka kemelut ini telah menimbulkan kebimbangan terhadap ibu bapa dan para pelajar daripada aspek keselamatan.

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan evakuasi pelajar secara sukarela mulai 21 Ogos 2013 dan membawa pulang seramai **2,791** orang. Selebihnya telah pulang bercuti di Malaysia sebelum Ops Pyramid 2 dijalankan. Masih terdapat seramai **583** orang yang tidak pulang atas sebab-sebab tertentu seperti akademik dan peribadi.

Berdasarkan tinjauan lapangan ke Mesir oleh pasukan khas yang diketuai oleh YB Menteri Pendidikan II pada 24 hingga 26 Ogos 2013, **pergolakan di Mesir akan berlarutan dan tidak akan berakhir dalam jangka masa terdekat**. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi memberi alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin menyambung pengajian di institut pengajian tinggi (IPT) di Malaysia.

Susulan daripada pertemuan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan para ibu bapa dan pelajar-pelajar pada 12 September 2013, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 18 September 2013 telah mengambil keputusan untuk membenarkan pelajar-pelajar Malaysia dari universiti di Mesir yang memilih untuk menyambung pengajian di IPT di Malaysia dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi dibolehkan melaksanakan pemindahan kredit berdasarkan prinsip "parallel" (*minus one rule*) berdasarkan tahun pengajian secara "one-off". **Penempatan pelajar-pelajar di IPT di Malaysia tidak melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program klinikal bagi bidang perubatan dan pergigian**. Bagi pemindahan kredit bidang Pengajian Islam pula adalah mengikut syarat yang ditetapkan oleh Malaysian Qualification Agency (MQA).

Bagi melicinkan pengurusan pengajian pelajar yang akan meneruskan pengajian di IPT di Malaysia, maka satu jawatankuasa yang dinamakan **Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia di Mesir (JPPMM)** telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi yang turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada Majlis Perubatan Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Lembaga Farmasi Malaysia dan agensi penaja Kerajaan Persekutuan serta Negeri. Jawatankuasa ini berfungsi bagi merancang, menyelaras dan mengurus hal-hal berkaitan dengan pengurusan pengajian dan pemindahan kredit pelajar-pelajar berkenaan.

Semua pelajar Malaysia di Mesir yang berminat bagi meneruskan pengajian di IPT di Malaysia boleh memohon untuk berdaftar dengan Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia di Mesir di Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, bermula **24 September 2013 sehingga 8 Oktober 2013** atau melalui laman web Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pihak Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di IPT di Malaysia tetapi **tidak menghalang pelajar-pelajar yang memilih untuk melanjutkan pengajian mereka ke Mesir**.

Rjm35

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL**  
**[ PAYA BESAR ]**  
**TARIKH** : **25.9.2013**  
**SOALAN** :

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian telah memperkenalkan program Ijazah Sarjana Muda di setiap politeknik premier dalam usaha memastikan politeknik di negara ini kekal relevan dan kompetitif.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Politeknik telah membuat pengambilan pelajar bagi empat (4) program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di tiga (3) Politeknik Premier bermula 2 September 2013.

Program ijazah yang diperkenalkan pada tahun 2013 ialah Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam di Politeknik Ungku Omar (PUO), Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembungkusan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Manakala, Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti Antarabangsa di Politeknik Ibrahim Sultan (PIS).

Tiga daripada empat program tersebut dibangunkan sendiri oleh politeknik (*home-grown*), manakala Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembungkusan dilaksanakan secara kerjasama di antara PSA dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Pelajar yang mengikuti program ini perlu mengikuti program pengajian selama dua tahun di PSA sebelum menamatkan pengajian pada tahun berikutnya di UTHM.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**  
**[ BACHOK ]**  
**TARIKH** : **25.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah sudah terdapat cadangan untuk memusatkan kampus UMK di Bachok sahaja untuk memastikan pentadbiran lebih baik dan keselesaan staf dan pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) akan memusatkan kampus UMK di Bachok merangkumi Pentadbiran serta beberapa buah fakulti sedia ada seperti Fakulti Keusawanan dan Perniagaan, Fakulti Perubatan Veterinar dan fakulti-fakulti yang akan ditubuhkan pada masa akan datang.

Rjm37

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]**

**TARIKH : 25.9.2013**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk penempatan semula pelajar-pelajar Malaysia yang telah kembali daripada Mesir ekoran krisis rampasan kuasa, dan bagaimana pula penempatan pelajar-pelajar baru yang terhalang untuk memulakan pengajian di sana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan evakuasi pelajar secara sukarela mulai 21 Ogos 2013 dan membawa pulang seramai 2,791 orang. Manakala, selebihnya telah pulang bercuti di Malaysia sebelum Ops Piramid 2 dijalankan. Masih terdapat seramai 583 orang yang tidak pulang atas sebab-sebab peribadi dan akademik. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi memberi alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia.

Susulan daripada pertemuan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan para ibu bapa dan pelajar-pelajar pada 12 September 2013, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 September 2013 telah mengambil keputusan untuk membenarkan pelajar-pelajar Malaysia dari universiti di Mesir yang memilih untuk menyambung pengajian di IPT di Malaysia dalam bidang perubatan, pergigian, dan farmasi di mana penempatan ini tidak melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program klinikal bagi bidang perubatan, pergigian dan pengajian Islam.

Bagi melicinkan pengurusan pengajian pelajar yang akan meneruskan pengajian di IPT di Malaysia, maka satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia di Mesir (JPPPM) telah ditubuhkan yang berfungsi bagi merancang, menyelaras dan mengurus hal-hal berkaitan dengan pengurusan pengajian dan pemindahan kredit pelajar-pelajar berkenaan.

Semua pelajar Malaysia di Mesir yang berminat untuk meneruskan pengajian di IPT di Malaysia adalah dipohon untuk berdaftar dengan JPPM di Sektor Pengajian Tinggi (SPT), KPM.

Pihak Kerajaan menerusi KPM menyediakan alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di IPT di Malaysia tetapi tidak menghalang pelajar-pelajar yang memilih untuk melanjutkan pengajian mereka ke Mesir.

Rjm38



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**  
**TARIKH** : **25.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan terperinci sistem meritokrasi yang diperkenalkan sejak 2002. Bagaimanakah sistem ini berfungsi sedangkan negara kita mengadakan sistem kemasukan universiti yang berbeza STPM dan Matrikulasi. Adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk menghapuskan STPM dan jadikan sistem kemasukan universiti setara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengguna pakai pelbagai kelayakan masuk ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang merangkumi kelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Matrikulasi, Asasi IPTA, 'A'-Level, *International Baccalaureate Diploma* (IBD) dan kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf oleh kerajaan serta diperaku oleh Senat Universiti.

Sehubungan dengan itu, kelayakan Matrikulasi dan STPM adalah setara, yang mana proses penyamataaraan kelayakan Matrikulasi dan STPM telah dilaksanakan secara bersepadu oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Bahagian Matrikulasi (BMKPM) dan IPTA melalui Jawatankuasa Pembangunan Akademik (JPA) yang dianggotai oleh Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Akademik) IPTA. Justeru, penyamataaraan ini diguna pakai sebagai kelayakan masuk kepada calon untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama IPTA.

Pada masa ini, KPM tidak bercadang untuk menghapuskan STPM dan menggantikannya dengan satu sistem kemasukan yang lain.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**  
**TARIKH : 25.9.2013**  
**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap memorandum yang dibentangkan oleh pertubuhan-pertubuhan Cina terhadap Pelan Induk Pendidikan. Apakah Kementerian akan mendengar pandangan dan bantahan daripada masyarakat umum terhadap Pelan Induk Pendidikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendengar dan mempertimbangkan setiap pandangan daripada semua pihak sebelum pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pada 6 September 2013. Semua cadangan yang terkandung dalam PPPM adalah selari dengan dasar dan perlembangaan Malaysia khususnya yang melibatkan sistem sekolah pelbagai aliran, memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuh bahasa Inggeris,

Ke arah itu, PPPM telah mengariskan beberapa inisiatif yang melibatkan penambahbaikan kurikulum dan pertambahan waktu mengajar. Dengan keyakinan bahawa inisiatif ini dapat melahirkan enam (6) aspirasi pelajar yang telah ditetapkan, KPM bertekad untuk terus melaksanakan PPPM

Rjm40

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**  
**TARIKH** : **25.9.2013**  
**SOALAN** :

Tuan Anyi Ngau [ Baram ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan “*modus operandi*” Kementerian untuk memastikan bilik-bilik darjah/asrama/kemudahan-kemudahan lain yang usang/tidak berfungsi di kawasan luar bandar dibaikpulih ke tahap yang memuaskan supaya tidak menjejaskan sesi pembelajaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang dilancarkan oleh Y.A.B Menteri Pendidikan pada 6 September 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan keperluan pembangunan infrastruktur sekolah secara berfasa berdasarkan gelombang 1, gelombang 2 dan gelombang 3. KPM sedar bahawa keperluan infrastruktur sekolah adalah berbeza mengikut lokasi dan jenis sekolah. Sehubungan dengan itu, Gelombang 1 PPPM (2013-2015) akan menumpukan kepada usaha untuk memastikan infrastruktur asas setiap sekolah mempunyai standard yang baik untuk semua sekolah. Oleh yang demikian, proses pembaikan dan menaik taraf sekolah secara berperingkat akan dilaksanakan dan menjelang 2015, KPM akan memastikan semua infrastruktur asas sekolah memenuhi standard yang baik agar tidak menjejaskan sesi pembelajaran murid-murid.

Melalui Trasformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak, KPM telah menggarisi tujuh (7) teras utama iaitu:

- a) Meningkatkan kualiti kepimpinan dan kemahiran mengurus di semua peringkat terutamanya di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah.
- b) Memberikan tumpuan pada isu yang berkaitan dengan kurikulum, penyusunan pengajaran, pendekatan pedagogi dan penilaian pengajaran.

- c) Meningkatkan pembangunan infrastruktur fizikal, akses internet dan persekitaran pembelajaran maya.
- d) Kualiti murid dan prasekolah akan terus ditingkatkan dengan harapan semua murid mampu meningkatkan diri sendiri untuk belajar dan berjaya.
- e) Memastikan kualiti dan kebajikan guru terjamin.
- f) Meningkatkan kemudahan asrama yang kondusif serta terapeutik.
- g) Ekosistem pembelajaran akan dibentuk bagi membina jaringan yang harmonis dengan masyarakat setempat dan rakan sinergi, di mana usaha sama antara masyarakat setempat dan sekolah di kawasan tersebut akan dipertingkatkan.

Rjm41

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**  
**TARIKH** : **25.9.2013**  
**SOALAN** :

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peringkat penguasaan digital 4G atau 5G di kalangan lebih 5 juta pelajar termasuk peruntukan setiap tahun dan prestasinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berpandukan kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan, keperluan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), murid sekolah aliran perdana (rendah dan menengah) tidak perlu menguasai bidang pengetahuan “digital 4G atau 5G”. Penguasaan teknologi komunikasi 4G (*fourth generation*) dan 5G (*fifth generation*) *cellular* hanya untuk pelajar peringkat pengajian tinggi (*tertiary*) yang berpenghususan Sains Fizik atau telekomunikasi.

Rjm42

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DR. ISMAIL BIN DAUT [ MERBOK ]**  
**TARIKH** : **25.9.2013**  
**SOALAN** :

**Dr. Ismail bin Daut [ Merbok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha untuk menambah bilangan pensyarah Bumiputera di IPTA melalui Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB). Setakat ini apakah pencapaiannya. Apakah rancangan Kementerian untuk meneruskan skim tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB) merupakan satu bentuk penajaan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada tutor, felo dan pensyarah di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pendidikan di IPTA melalui pewujudan tenaga akademik yang berpendidikan tinggi. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti anggota akademik berkelayakan Ijazah Kedoktoran atau setaraf bagi mencapai 75 peratus di Universiti Penyelidikan dan 60 peratus di Universiti bukan penyelidikan pada tahun 2015.

Sebagai usaha untuk meningkatkan tenaga akademik Bumiputera di IPTA yang berpendidikan tinggi, Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan IPTA bagi mengenal pasti calon tenaga pengajar Bumiputera yang berkelayakan untuk ditaja di bawah SLAB bagi mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

Pada tahun 2009 sehingga 2012, seramai 3,985 orang tenaga akademik Bumiputera telah ditaja di bawah Skim ini dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM466,535,985.01. KPM akan meneruskan pelaksanaan penajaan di bawah SLAB dengan kerjasama IPTA selaras dengan strategi untuk memperkasakan pengajian tinggi negara bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi serantau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi melahirkan tenaga akademik berpendidikan tinggi yang berkualiti, syarat tambahan penajaan bagi permohonan pengajian di luar negara dikenakan seperti berikut:

- a) mendapat tawaran tempat pengajian dan diterima masuk ke universiti yang mempunyai *ranking* atau *rating* yang ditetapkan;
- b) mempunyai kemahiran Bahasa Inggeris sama ada *TOEFL* 600 (*paper based*) atau 240 (*computer-based*) atau 92 (*internet-based*) atau *IELTS* sekurang-kurangnya lulus *band* 6.5; dan
- c) lulus dengan jayanya Kursus Khas Kenegaraan anjuran Biro Tatanegara.

Rjm43

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN HEE LOY SIAN**  
**[ PETALING JAYA SELATAN ]**  
**TARIKH** : **25.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula atau menarik larangan ke luar negara oleh peminjam PTPTN yang disenarai hitam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan prosedur kerja sedia ada, PTPTN telah pun melaksanakan pendekatan yang fleksibel di dalam mendapatkan bayaran balik pinjaman sebelum menyenarai hitam peminjam. Semua peminjam PTPTN adalah tertakluk kepada perjanjian pinjaman yang telah diterima dan dipersetujui, yang menyatakan dengan terperinci terma-terma serta syarat yang perlu dipatuhi oleh peminjam. Antaranya peminjam diberikan kelonggaran untuk memulakan bayaran balik selepas enam bulan daripada tarikh tamat pengajian/pengeluaran pinjaman.

Pelaksanaan tindakan senarai hitam bagi ke luar negara adalah antara langkah untuk memberi kesedaran dan peringatan kepada penerima pembiayaan pendidikan PTPTN untuk membuat bayaran balik sekaligus menunaikan tanggungjawab mereka sebagai peminjam. Sehingga kini PTPTN masih melaksanakan tindakan menyenarai hitam peminjam yang ingkar bagi ke luar negara dan, masih belum ada cadangan untuk mengkaji semula atau menarik larangan ke luar negara kepada peminjam PTPTN yang disenarai hitam. Walaubagaimanapun, tindakan menyenarai hitam di Jabatan Imigresen adalah sebagai langkah terakhir dalam memberikan peringatan kepada peminjam tegar, setelah pelbagai langkah peringatan supaya mula membayar balik pinjaman tidak dipedulikan oleh mereka.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**TARIKH** : **25.9.2013**

**SOALAN** :

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) bilangan sekolah khas atau kelas khas untuk pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di setiap negeri; dan
- (b) sama ada Kementerian menyediakan sistem pengajaran dan pengujian yang berlainan untuk golongan OKU memandangkan golongan ini memerlukan lebih prihatin daripada Kerajaan dan masyarakat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

- a) Bilangan Sekolah Khas dan Sekolah yang menjalankan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di negara ini bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:-

Bil.	Sekolah Khas		Program Pendidikan Khas Integrasi		Jumlah
	Rendah	Menengah	Rendah	Menengah	
	28	5	1,345	698	2,055

*(Data Jun 2013 tidak termasuk Pendidikan Khas Inklusif)*

- b) Calon-calun pendidikan khas ini merupakan calon buta, calon pekak, calon rabun atau cacat anggota. Setiap calon daripada kumpulan tersebut apabila menduduki peperiksaan kendalian Lembaga Peperiksaan, diberi kelonggaran daripada segi masa, bentuk kertas soalan atau instrumen pentaksiran, atau ayat-ayat yang digunakan dalam tugas soalan. Perkara ini dilakukan dengan mengadakan moderasi instrumen pentaksiran di mana item-item yang ditadbirkan untuk murid normal dimoderasikan supaya sesuai untuk murid pendidikan khas.

Pihak sekolah dikehendaki mendaftarkan murid-murid ini dengan menyatakan jenis kecacatan mereka. Ini bertujuan membantu Lembaga Peperiksaan menyediakan kertas soalan mengikut keupayaan mereka. Bagi calon buta, Lembaga Peperiksaan menyediakan kertas soalan dalam tulisan Braille. Ini dapat membantu calon tersebut membaca dan memahami soalan dan menjawabnya dengan menggunakan mesin Braille. Masa yang diberikan untuk mereka juga ditambah memandangkan mereka memerlukan masa yang lebih untuk memahami dan menaip jawapan. Bagi soalan yang mempunyai graf dan gambar rajah, usaha dibuat supaya bentuk grafik ini diterjemahkan dalam bentuk ayat-ayat yang memudahkan mereka memahaminya.

Namun begitu, pengubahsuaian atau moderasi ini tidak mengubah kehendak soalan atau perkara sebenar yang hendak diuji. Perkara ini dilakukan supaya kertas soalan tersebut mempunyai kredibiliti dan tidak dipertikaikan terutamanya dalam aspek pengiktirafan pencapaian mereka. Bagi calon pekak pula, semenjak tahun 2002, Lembaga Peperiksaan telah menyediakan kertas soalan terutamanya kertas soalan Sains dan Matematik yang dimoderasikan. Ini kerana calon pekak tersebut menghadapi masalah memahami istilah-istilah yang terdapat dalam kertas soalan tersebut. Kertas-kertas yang dimoderasikan sebenarnya mengubahsuaikan ayat-ayat dalam soalan supaya mudah difahami calon bermasalah pendengaran tersebut. Ini kerana calon-calon tersebut sukar memahami istilah-istilah tertentu memandangkan perbendaharaan kata untuk berkomunikasi adalah terhad. Bagi calon yang mempunyai kecacatan anggota, misalnya kudung kedua-dua belah tangan, mereka akan mendapat kertas soalan sebenarnya tetapi dibenarkan untuk menjawab secara lisan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR  
BIN MUSA [ KETEREH ]**

**TARIKH : 25.9.2013**

**SOALAN :**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang bakal diambil bagi membantu pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Mesir setelah mereka dibawa pulang berikutan situasi tidak selamat di negara berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan evakuasi pelajar secara sukarela mulai 21 Ogos 2013 dan membawa pulang seramai 2,791 orang. Manakala, selebihnya telah pulang bercuti di Malaysia sebelum Ops Piramid 2 dijalankan. Masih terdapat seramai 583 orang yang tidak pulang di atas sebab-sebab tertentu seperti akademik dan peribadi.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan sebagai laluan alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Susulan daripada pertemuan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan para ibubapa dan pelajar-pelajar pada 12 September 2013, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 18 September 2013 telah mengambil keputusan untuk membenarkan pelajar-pelajar Malaysia dari universiti di Mesir yang memilih untuk menyambung pengajian di IPT tempatan dalam bidang perubatan, pergigian, dan farmasi di mana penempatan ini tidak melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program klinikal bagi bidang perubatan, pergigian dan pengajian Islam.

Bagi melicinkan pengurusan pengajian pelajar yang akan meneruskan pengajian di IPT di Malaysia, maka satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia di Mesir (JPPPM) telah ditubuhkan yang berfungsi bagi merancang, menyelaraskan dan mengurus hal-hal berkaitan

dengan pengurusan pengajian dan pemindahan kredit pelajar-pelajar berkenaan. Semua pelajar Malaysia di Mesir yang berminat untuk meneruskan pengajian di IPT tempatan adalah dimohon untuk berdaftar dengan JPPPMM di Sektor Pengajian Tinggi, KPM.

Pihak Kerajaan menerusi KPM menyediakan alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di IPT tempatan tetapi tidak menghalang pelajar-pelajar yang memilih untuk melanjutkan pengajian mereka di Mesir.

Rjm46

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**  
**[ BUKIT GANTANG ]**  
**TARIKH** : **25.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rasional Sekolah Vokasional ditukar kepada Kolej Vokasional.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Menengah Vokasional telah dinaik taraf kepada Kolej Vokasional bermula pada tahun 2012 dengan program rintis. Kolej Vokasional bertujuan untuk melahirkan pelajar yang dapat mengisi keperluan tenaga mahir yang diperlukan oleh industri. Ini kerana menjelang tahun 2020, negara kita memerlukan sekurang-kurangnya 3.3 juta pekerja mahir bagi menampung kehendak industri tempatan. Selain itu, objektif Kolej Vokasional ialah:

- a) Melahirkan pelajar berkompentensi pekerjaan aras tinggi dan menepati kehendak industri.
- b) Memupuk watak profesional.
- c) Melahirkan pelajar berkompentensi usahawan dalam bidang vokasional pilihannya.
- d) Membekalkan ilmu untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
- e) Memupuk kecintaan kepada pembelajaran sepanjang hayat.

Menaik taraf Kolej Vokasional dibuat selepas mendapat pandangan daripada pihak industri dan perjumpaan bersama ibu bapa serta "*gallery walk*" yang mendapat maklum balas positif daripada masyarakat seluruhnya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH ]**  
**TARIKH : 25.9.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar lepasan Matrikulasi, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dan Program Asasi yang tidak diterima masuk ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dari tahun 2010-2012.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah calon lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia / Matrikulasi / Asasi yang tidak mendapat tempat bagi program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di institusi pengajian tinggi awam bagi Sesi Akademik 2010/2011 adalah seramai 8,728 orang (17.7%). Manakala, pada Sesi Akademik 2011/2012 adalah seramai 11,949 orang (22.4%) dan 2012/2013 adalah seramai 13,381 orang (25.5%).

Rjm48

Soalan No :

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN SEAH LEONG PENG [ TELOK INTAN ]**  
**TARIKH : 26.9.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Seah Leong Peng [ Telok Intan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelaksanaan yang dilakukan oleh Kementerian untuk menyeragamkan dasar-dasar pendidikan Kementerian bagi menyelaraskan dan memperhalusi dua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) sekali gus dan bagaimana pula bentuk penyelarasan dan penjajaran dibuat untuk menjayakan akses, kuantiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang menyelaraskan dan memperhalusi dua (2) pelan pendidikan iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSTPN) 2007-2020. Penyelarasan dan penjajaran bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang merangkumi lima (5) perkara utama iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Ini termasuklah melaksanakan kajian semula terhadap PSPTN untuk penambahbaikan dan penjajaran dengan PPPM, yang akan selesai pada akhir tahun 2013.

Sehubungan itu, PADU telah dipertanggungjawab untuk menyelaraskan semua inisiatif yang terkandung dalam PPPM 2013 - 2025 dan PSTPN 2007-2020 dengan kerjasama PMO Sektor Pengajian Tinggi. Satu laporan lengkap akan dihasilkan pada penghujung 2013 bagi menjajarkan strategi dan pelan pelaksanaan di bawah kedua-dua laporan ini bagi memperlihatkan kesinambungan sistem pendidikan merentas peringkat prasekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

Rjm49

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**  
**TARIKH** : **26.9.2013**  
**SOALAN** :

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Pelan Pembangunan Pendidikan akan dilaksanakan ekoran bantahan dari golongan yang tidak ingin melihat satu transformasi modal insan untuk anak-anak pelbagai kaum di samping melahirkan dan membentuk mengikut acuan negara kita Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang menyelaras dan memperhalusi dua (2) pelan pendidikan iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSTPN) 2007-2020. Penyelarasan dan penjajaran bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang merangkumi lima (5) perkara utama iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Ini termasuklah melaksanakan kajian semula terhadap PSPTN untuk penambahbaikan dan penjajaran dengan PPPM.

PADU telah dipertanggungjawab untuk menyelaraskan semua inisiatif yang terkandung dalam PPPM 2013 - 2025 dan PSTPN 2007-2020 dengan kerjasama PMO Sektor Pengajian Tinggi. Satu laporan lengkap akan dihasilkan pada penghujung 2013 bagi menjajarkan strategi dan pelan pelaksanaan di bawah kedua-dua laporan ini bagi memperlihatkan kesinambungan sistem pendidikan merentas peringkat prasekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

Rjm50



Soalan No :

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA**  
**[ TASEK GELUGOR ]**  
**TARIKH** : **26.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan kadar bayaran pencen kepada guru-guru yang telah bersara dan nyatakan bila semakan terbaru akan dibuat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini pembayaran pencen kepada guru / Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dilaksanakan berdasarkan peraturan-peraturan pencen yang termaktub di bawah Akta Pencen 1980. Peraturan-peraturan ini adalah terpakai untuk semua pegawai Perkhidmatan Awam. Sebarang semakan adalah di bawah bidang kuasa Agensi Pusat.

Rjm51

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**  
**[ SUNGAI SIPUT ]**  
**TARIKH** : **26.9.2013**  
**SOALAN** :

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perbelanjaan pengurusan untuk tahun 2010, 2011 dan 2012 yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan untuk sekolah-sekolah rendah mengikut jenis sekolah Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan China dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2010 hingga 2012, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan belanja mengurus kepada Sekolah Kebangsaan (SK) sebanyak RM25,357,582,060, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sebanyak RM4,609,382,928 dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) sebanyak RM1,701,457,021.

Rjm52

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**  
**TARIKH : 26.9.2013**  
**SOALAN :**

Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan untuk pembangunan sekolah yang telah diberikan kepada Sekolah-Sekolah Menengah Jenis Bantuan dan Sekolah-Sekolah Rendah Beraliran Cina di Bahagian Sarikei dalam 5 tahun yang lepas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jenis-jenis peruntukan yang diberikan kepada Sekolah-Sekolah Menengah Jenis Bantuan dan Sekolah-Sekolah Rendah yang beraliran Bahasa Cina di Bahagian Sarikei adalah Peruntukan Pembangunan (*Development Expenditure*) dan Peruntukan Mengurus (*Operation Expenditure*).

Mulai tahun 2012, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM900 juta di bawah Pakej Rangsangan Khas bagi tujuan kerja-kerja penyelenggaraan dan projek ubah suai naik taraf sekolah. Bagi parlimen Sarikei secara khususnya, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) telah mendapat sebanyak RM490 ribu pada tahun 2012 dan RM620 ribu pada tahun 2013. Manakala bagi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) pula, telah diperuntukkan sebanyak RM70 ribu tahun 2013.

Kementerian sentiasa prihatin akan keperluan pembangunan dan penyelenggaraan sekolah-sekolah di seluruh negara dan menyediakan peruntukan kewangan bagi tujuan tersebut dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, pemberian peruntukan ini adalah bergantung kepada keperluan sekolah berkenaan dan kedudukan kewangan semasa negara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL  
TOYAD ABDULLAH [ MUKAH ]**  
**TARIKH** : **26.9.2013**  
**SOALAN** :

**Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bila bangunan gantian baru SRK Kampong Tanam Dalat dapat dibina kerana telah ditangguhkan dulu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius akan isu-isu kemudahan infrastruktur yang tidak kondusif di sekolah-sekolah seluruh negara. Sehubungan itu, permohonan bagi pembinaan bangunan gantian baru termasuklah bagi SK Kampong Tanam Dalat telahpun dikemukakan dalam *Rolling Plan* ke-4. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

Rjm54

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 26.9.2013**

**SOALAN :**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu yang dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi memperkasakan bahasa kebangsaan sejajar dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Penguasaan Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang telah dimulakan sejak tahun 2012 lagi dan nyatakan langkah menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan alat menyatupadukan rakyat Malaysia khususnya di kalangan warga IPT.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), usaha memartabatkan bahasa Melayu terus diberikan keutamaan dan usaha ini telah dinyatakan secara jelas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang dilancarkan oleh Y.A.B Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 11 September 2012.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka terus memperkukuh usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu melalui program-program penerbitan, pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu termasuklah:

- a) Menerbitkan bahan ilmu dalam bahasa Melayu melalui penerbitan berpakej untuk tiga bidang ilmu merangkumi bidang bahasa, sastera dan umum yang meliputi 70 subbidang ilmu dan akan ditingkatkan dari semasa ke semasa.
- b) Menerbitkan bahan-bahan kajian dalam bahasa Melayu dengan kerjasama institusi pengajian tinggi seperti Universiti Sains Malaysia serta badan-badan kerajaan seperti Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Perhutanan Malaysia dan lain-lain.

- c) Menerbitkan bahan rujukan, buku-buku panduan dan pedoman bahasa Melayu yang boleh digunakan oleh pelajar dan pensyarah seperti kamus ekabahasa dan dwibahasa, kamus istilah dalam bidang sains asas, sains gunaan dan sains sosial, ensiklopedia umum dan khusus, glosari dan tesaurus.
- d) Membangunkan dan menyediakan prasarana rujukan untuk mempermudah dan mempercepat capaian kepada bahan rujukan secara maya melalui Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM).
- e) Memberi pengiktirafan kepada pihak yang menunjukkan kecemerlangan dan komitmen yang tinggi dalam memartabatkan bahasa Melayu termasuklah memberikan Anugerah Tokoh Ilmuwan Bahasa Kebangsaan dan Hadiah Bulan Bahasa Kebangsaan.
- f) Melaksanakan pelbagai program pengembangan berbentuk pertandingan dan bengkel penataran bahasa seperti pertandingan debat, pertandingan pidato dan bicara karya yang melibatkan pelajar IPT pelbagai kaum,
- g) Kerajaan juga melaksanakan Bulan Bahasa Kebangsaan sebagai satu agenda nasional yang digerakkan secara besar-besaran dan meluas di seluruh negara untuk memperkukuh keyakinan masyarakat pelbagai kaum terhadap keupayaan dan potensi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa komunikasi dan bahasa perpaduan selaras dengan konsep 1Malaysia.

Bagi memperkukuh pelan MBMMBI di institut pengajian tinggi (IPT), KPM telah melancarkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT pada 27 Oktober 2011. Objektif utama pelan ini dilaksanakan melalui inisiatif strategik iaitu mengukuhkan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran, mengukuhkan Bahasa Melayu dalam penyelidikan dan penerbitan, meningkatkan pengiktirafan Akademia Bahasa Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu dan meningkatkan pengantarabangsaan Bahasa Melayu.

Perwujudan pelan ini telah disambut baik oleh pihak institusi pengajian tinggi awam (IPTA) memandangkan ia memberikan nilai tambah dan pengiktirafan kepada Bahasa Melayu itu sendiri. Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama IPTA telah merangka dan melaksanakan pelbagai langkah untuk memartabatkan Bahasa Melayu di IPT iaitu:

- a) Meningkatkan penghasilan buku dalam Bahasa Melayu Tinggi;
- b) Pelancaran 100 judul buku pelbagai bidang ilmu dalam bahasa Melayu terbitan IPTA sempena "Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2012".
- c) Memastikan Bahasa Melayu diguna sebagai bahasa pengantar untuk kebanyakan kursus di IPTA sekurang-kurangnya 55%;
- d) Kursus-kursus Wajib Universiti diajar dalam Bahasa Melayu bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda;
- e) Telah menerbitkan Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa yang diguna pakai oleh IPTS dan telah dilancarkan sempena "Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2012";

- f) Universiti Kebangsaan Malaysia telah menghasilkan lebih kurang 300 artikel-artikel penyelidikan berbahasa Melayu dalam bidang Sains dan Teknologi dalam jurnal ISI;
- g) Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) mengantarabangsakan Bahasa Melayu dengan mengadakan Perjanjian Persefahaman dengan aktiviti bersama 18 buah universiti luar negara sejak 2009; dan
- h) Semua tesis peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran ditulis dalam Bahasa Melayu dalam semua bidang melainkan mendapat pengecualian senat.

Kementerian turut menggalakkan setiap ahli akademik di setiap IPT untuk menyebarkan luas bahan akademik terutamanya dalam bahasa Melayu melalui pelbagai medium seperti penerbitan ilmiah secara perkongsian, berpasukan dan individu, penterjemahan dan sebagainya.

Namun demikian, tugas penting ini tidak seharusnya diletakkan di bahu KPM sahaja, tetapi tugas semua kementerian dan seluruh rakyat Malaysia.

Rjm55

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH [ SABAK BERNAM ]**  
**TARIKH** : **26.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mampu melahirkan pelajar yang kritis, kreatif dan inovatif sebagai modal insan cemerlang selaras dengan Program Transformasi Kerajaan untuk keperluan tenaga kerja pakar dan berkemahiran tinggi masa kini dan akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kemahiran berfikir merupakan satu daripada enam (6) aspirasi murid yang disasarkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Bagi mencapai matlamat ini PPPM 2013-2025 telah menggariskan inisiatif berikut:

- a) Meningkatkan kualiti guru agar pengajaran menjurus kepada kemahiran berfikir.
- b) Mereka bentuk soalan peperiksaan yang menjurus kepada soalan berfikir aras tinggi (20 peratus item adalah soalan berfikir aras tinggi).
- c) Menanda aras kurikulum dengan standard antarabangsa.

PPPM 2013-2025 mampu melahirkan pelajar yang kritis, kreatif dan inovatif sebagai modal insan cemerlang selaras dengan Program Transformasi Kerajaan untuk keperluan tenaga kerja pakar dan berkemahiran tinggi masa kini dan akan datang.

Rjm56



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG**  
**[ HULU RAJANG ]**  
**TARIKH : 26.9.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah peruntukan tahunan kepada sekolah Mission di Bahagian Kapit, dan nyatakan bilangan guru-guru dari Semenanjung Malaysia ke Bahagian Kapit dan bilangan guru-guru dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia pada setiap tahun; dan
- (b) kenapa bangunan asrama SMK Belaga dan SK Nanga Merit di Kapit belum siap, nyatakan nama kontraktor tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

- a) Di bawah Pakej Rangsangan Khas, sebanyak RM29.77 juta telah diperuntukkan kepada sekolah *Mission* (Mubaligh) di negeri Sarawak pada tahun 2012 dan tahun 2013 bagi tujuan kerja-kerja penyelenggaraan dan projek ubah suai naik taraf. Bagi sekolah Mubaligh di Parlimen Kapit khususnya, sebanyak RM1.87 juta telah diperuntukkan pada tahun 2012 dan RM 1.93 juta pada tahun 2013. Pengagihan peruntukan ini adalah berdasarkan kepada keutamaan kerja-kerja pembaikan kritikal.
- b) Kerja-kerja pembinaan bangunan asrama di SMK Belaga dan SK Nanga Merit telah tergendala disebabkan oleh masalah kontraktor. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memutuskan supaya kontraktor bagi kedua-dua sekolah tersebut, iaitu Sebiro Holdings Sdn. Bhd diberi Notis Penamatan Kerja Kontraktor pada 22 Februari 2013. Kementerian kini sedang dalam proses penyediaan dokumen tender bagi tujuan lantikan kontraktor penyiap.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]**  
**TARIKH : 26.9.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perbezaan antara English Language Teacher Development Project (ELTDP) yang dikendalikan oleh British Council dan Teaching English Language and Literacy (TELL) yang dijalankan oleh Brighton Education Group, serta rasional perlantikan dua perunding tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan kapasiti guru Bahasa Inggeris, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melantik tiga (3) juru runding iaitu British Council, Brighton Education Group dan SMR HR Group. Setiap kumpulan juru runding tersebut membekalkan 120 orang mentor yang meliputi sejumlah 360 orang penutur jati dari luar negara melibatkan 1800 sekolah di seluruh Malaysia.

Pihak British Council dilantik untuk memberi pementoran di sekolah terpilih meliputi kawasan di Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak. Manakala Brighton Education Group pula memberi perkhidmatan pementoran di sekolah-sekolah terpilih di Kelantan, Terengganu, Pahang, Melaka, Johor dan Negeri Sembilan.

Kedua-dua juru runding ini dilantik kerana mereka telah dikenal pasti berupaya untuk memberi khidmat kepakaran berdasarkan kepada kelayakan, pengalaman dan kemahiran pedagogi yang tinggi terutama di dalam bidang *English Language Teaching for Young Learners*.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL**  
**[ PENDANG ]**  
**TARIKH** : **26.9.2013**  
**SOALAN** :

**Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membenarkan rumah-rumah guru yang kosong disewakan kepada kakitangan Kerajaan dari jabatan lain supaya tidak membazir. Kalau tidak, mengapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Garis Panduan Kuarters KPM yang telah diluluskan pada 2 April 2013 telah membenarkan kuarters-kuarters kosong KPM disewakan kepada kakitangan Kerajaan berstatus TETAP daripada Jabatan lain dengan syarat pembayaran sewa dibuat melalui pemotongan elaun Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH). Pemotongan elaun adalah merujuk kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 1/2012.

Rjm59

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]**  
**TARIKH : 26.9.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan sekolah-sekolah yang telah mendapat status berprestasi tinggi, adakah sekolah ini mencapai KPI yang ditetapkan dan adakah terdapat sekolah yang gagal mengekalkan status berprestasi tinggi; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang mewujudkan status khas sekolah berprestasi tinggi untuk kawasan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tahun 2013, sekolah berprestasi tinggi (SBT) telah bertambah sebanyak 24 buah menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak 115 buah. Empat (4) buah SBT gagal mengekalkan di Band 1 dan sedang diberi bimbingan untuk meningkatkan pencapaian.
- (b) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang merancang *sub-ranking* untuk melihat ranking sekolah mengikut demografi seperti status sosio-ekonomi. Ini boleh digunakan sebagai kayu ukur untuk menentukan sekolah yang mempunyai status membanggakan bagi satu-satu kategori sosio-ekonomi.

Rjm60

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTA JAM ]**  
**TARIKH** : **26.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa projek pembinaan bangunan baru di SRJKC Permatang Tinggi dalam Rancangan Malaysia ke-9 tidak dapat dilaksanakan dan kini sudah masuk Rancangan Malaysia ke-10. Adakah projek ini akan dilaksanakan. Jika ya, sila berikan jadual perlaksanaan secara konkrit. Jika tidak, mengapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius akan isu-isu kemudahan infrastruktur yang tidak kondusif di sekolah-sekolah seluruh negara. Sehubungan itu, Kementerian telah memohon peruntukan yang sewajarnya dalam *Rolling Plan* ke-4 bagi pembinaan SJKC Permatang Tinggi di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, permohonan ini adalah tertakluk kepada situasi semasa kewangan negara.

Rjm61

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH**  
**[ LENGGONG ]**  
**TARIKH** : **26.9.2013**  
**SOALAN** :

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) perkembangan terkini Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 ; dan
- (b) kenapa terdapat bantahan terhadap PPPM yang dilakukan oleh Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong), apakah dakwaan itu betul dan bagaimana langkah-langkah Kementerian bagi memperbetulkan persepsi buruk yang mereka lakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak laporan awal dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri sehingga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah dilancarkan pada 6 September 2013 oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan beberapa perkara:

- a) Menubuhkan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) bagi melaksanakan PPPM.
- b) Menggerakkan 100 inisiatif dengan 25 inisiatif utama yang dilaksanakan dalam gelombang pertama diberikan perhatian.

Bantahan terhadap PPPM oleh Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) timbul dari rasa tidak puas hati mereka terhadap sistem pendidikan negara dan mahukan peluang pendidikan yang sama seperti Bumiputera. Bantahan atau tuntutan yang ditimbulkan adalah merangkumi perkara berikut:

- a) Mengekalkan sekolah pelbagai aliran.
- b) Mengekalkan kelas peralihan.
- c) Menuntut agar tambahan jumlah waktu pengajaran Bahasa Malaysia daripada 180 minit seminggu kepada 270 minit dalam PPPM dikurangkan kepada 210 sahaja.

Dalam perkara ini, KPM sebenarnya sentiasa prihatin dengan keperluan pendidikan bagi semua kaum melalui usaha-usaha seperti bekalan guru yang berkelayakan ke sekolah-sekolah bantuan kerajaan, menyediakan kemudahan bagi pengajaran bahasa Cina di sekolah kebangsaan mengikut keperluan dan pemberian bantuan modal kepada SJKC mengikut prosedur sedia ada KPM. Kementerian juga telah mengadakan pertemuan dengan beberapa persatuan Cina dengan memberi penerangan sejelas-jelasnya rasional inisiatif dalam PPPM 2013-2025.

Rjm62

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]**  
**TARIKH : 26.9.2013**  
**SOALAN :**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk memastikan keselamatan pelajar-pelajar sekolah supaya mereka tidak terjebak untuk diambil sebagai ahli kumpulan kongsi gelap dan samseng di kawasan Pekan Nanas, Parlimen Tanjong Piai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan keselamatan murid-murid sekolah supaya mereka tidak terjebak dalam kegiatan berunsur kongsi gelap dan samseng, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan garis panduan agar sekolah-sekolah menggunakan tiga pendekatan iaitu;

**a) Usaha Pencegahan**

- i. Selain penerapan nilai-nilai murni menerusi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, murid-murid sering diperingatkan mengenai keburukan kegiatan tersebut menerusi perhimpunan di sekolah.
- ii. Mengadakan ceramah-ceramah khas mengenai keburukan kegiatan tersebut dengan melibatkan pihak polis.
- iii. Perkhidmatan kaunseling di sekolah berkenaan akan dilakukan secara lebih berfokus kepada permasalahan sosial murid.
- iv. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah akan dikenakan sebagai usaha akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah.

**b) Kerjasama Pihak Luar**

- i. Mewujudkan kerjasama erat bersama pihak polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya menerusi program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang



sering melawat serta berbincang dengan pihak sekolah bagi mengatasi gejala tersebut.

- ii. Melibatkan ibu bapa menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan masyarakat dalam aktiviti di sekolah.
- iii. Menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) di sekolah iaitu dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Aktiviti serta jumlah **Kelab Pencegahan Jenayah** (KPJ) di sekolah telah diperkemaskan. Sehingga tahun 2013, sejumlah 6,082 buah KPJ telah berjaya diwujudkan merangkumi 1,981 kelab di sekolah menengah dan 4,101 kelab di sekolah rendah.

### **c) Usaha Pemulihan**

- i. Sekiranya didapati murid terlibat dengan kegiatan tersebut, pihak sekolah akan menyiasat sejauh mana penglibatannya dan dalam hal ini, bantuan daripada pihak polis akan diminta.
- ii. Ibu bapa murid terlibat akan dimaklumkan bagi mendapatkan kerjasama dalam menangani masalah ini.
- iii. Murid berkenaan akan dirujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling untuk proses kaunseling.
- iv. sekiranya ia berpunca daripada masalah rumah tangga, maka kes ini akan dirujuk terus kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Rjm63

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**  
**TARIKH : 26.9.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab-sebabnya saban tahun berlaku pelajar-pelajar yang telah memperolehi prestasi yang cemerlang di STPM gagal diterima masuk jurusan yang dimohon di IPTA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada Sesi Akademik 2013/2014, seramai 438 orang pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) telah mendapat PNGK 4.0. Daripada jumlah tersebut, 432 (98.6%) orang pelajar telah ditawarkan tempat ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Manakala 6 (1.4%) orang pelajar lepasan STPM dengan PNGK 4.0 tidak dapat ditawarkan tempat di IPTA kerana tidak mengemukakan rayuan melalui sistem permohonan rayuan atas talian yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi.

Kegagalan pelajar cemerlang mendapat tempat di IPTA adalah kerana faktor-faktor yang berikut:

- a) Pelajar tidak memenuhi syarat khas program pengajian;
- b) Unjuran tempat telah penuh, terutamanya program pengajian perubatan, pergigian dan farmasi;
- c) Pelajar membuat pernyataan "tidak setuju" sekiranya ditawarkan program pengajian selain daripada yang dipohon;
- d) Pelajar gagal dalam saringan temu duga; dan
- e) Pelajar berada pada merit yang rendah kerana markah kokurikulum yang rendah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH ]**  
**TARIKH : 26.9.2013**  
**SOALAN :**

Tuan Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak PTPTN bercadang untuk menukar kaedah pinjaman kepada pembiayaan ujah (1%) secara automatik kepada semua peminjam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan kaedah pembiayaan pendidikan PTPTN dengan pengenaan ujah atau upah 1 peratus setahun atas kadar rata telah mula dikuatkuasakan pelaksanaan bermula 1 Jun 2008 selaras dengan Syariah Islam sebagaimana yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam.

Pelaksanaan kaedah pembiayaan pendidikan PTPTN dengan ujah atau upah satu (1) peratus secara automatik telah dilaksanakan kepada permohonan pelajar- pelajar baru mulai kemasukan Disember 2008. Bagi peminjam sedia ada, pengurusan pertukaran pinjaman kepada pembiayaan pendidikan berasaskan syariah Islam (Ujah/Upah) telah dilaksanakan pada 1 Ogos 2009. Namun bagi peminjam sedia ada, penawaran secara automatik tidak boleh dilaksanakan kerana konsep pelaksanaan penukaran dari pinjaman secara konvensional kepada pembiayaan secara ujah memerlukan proses akad ke atas dokumen perjanjian baru yang berlandaskan Syariah. Di samping itu, pertukaran daripada pinjaman konvensional kepada pembiayaan Ujah adalah melibatkan pindaan terhadap terma-terma penting di dalam perjanjian. Prinsip asas undang-undang kontrak adalah jelas yang mana sebarang pindaan terhadap perjanjian perlu mendapatkan persetujuan daripada kedua-dua belah pihak yang berkontrak.

Rjm65

Soalan No :

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN**  
**[ PARIT ]**  
**TARIKH : 26.9.2013**  
**SOALAN :**

**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah wajar Kerajaan menghantar pelajar melanjutkan pengajian ke negara Timur Tengah yang bergolak seperti Mesir dan Syria pada masa akan datang, memandangkan krisis politik yang berpanjangan di negara-negara tersebut. Apakah pertimbangan yang diambil oleh Kerajaan jika perlu juga menghantar pelajar ke negara tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada halangan untuk pelajar-pelajar melanjutkan pengajian ke luar negara termasuklah di negara Timur Tengah. Setiap tahun, kerajaan menghantar pelajar-pelajar melanjutkan pengajian ke luar negara seperti Mesir, Syria dan Iran dan terdapat juga pelajar secara persendirian yang melanjutkan pengajian di negara tersebut.

Walau bagaimanapun, krisis yang berlaku di Mesir dan Syria boleh dijadikan platform untuk kerajaan mengkaji semula penghantaran pelajar-pelajar ke negara Timur Tengah seperti Mesir yang semakin meningkat dari tahun ke tahun dengan jumlah 6 ribu lebih pada tahun 2008 sehingga 11 ribu lebih pada tahun 2013. Satu kajian dan perancangan secara strategik perlu dijalankan untuk melihat adakah wajar penghantaran pelajar-pelajar ke negara Timur Tengah perlu diteruskan memandangkan pergolakan krisis yang berlaku.

Ini memandangkan krisis di negara tersebut telah menjejaskan pengajian pelajar serta menyebabkan kerugian yang besar kepada pelajar, ibu bapa dan kerajaan Malaysia. Susulan daripada krisis tersebut, boleh dijadikan platform untuk kerajaan mengkaji semula bagi menambah bilangan institusi pengajian tinggi dalam bidang perubatan di Malaysia dan juga memperkasakan pengajian

perubatan yang sedia ada di institusi pengajian tinggi (IPT) Malaysia. Secara tidak langsung, usaha ini akan menarik minat pelajar-pelajar untuk belajar dalam negara dan mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negara. Dengan memperkasakan pengajian perubatan di IPT dalam negara ini akan turut menarik minat pelajar-pelajar antarabangsa untuk mengikuti bidang perubatan di Malaysia.

Oleh itu, tindakan Kerajaan dalam pengurusan risiko bagi pelajar Malaysia di Mesir merupakan salah satu alternatif bagi menjamin keselamatan mereka dan membolehkan para pelajar berkenaan meneruskan pengajian.

Rjm66

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**  
**TARIKH** : **30.9.2013**  
**SOALAN** :

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kos untuk melaksanakan sistem penilaian berasaskan sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos latihan guru Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) sekolah menengah bagi Tingkatan 1, 2, dan 3 adalah sebanyak RM11.5 juta yang melibatkan seramai 102,000 orang guru. Manakala sejumlah RM44 juta dibelanjakan untuk seramai 336,000 guru PBS sekolah rendah bagi tahun 1, 2, 3 dan 4.

Rjm67

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]**  
**TARIKH** : **30.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah YTL perlu membayar sewa untuk tapak Unipole di sekolah-sekolah terlibat ; dan
- (b) apakah kos yang perlu dibayar oleh sekolah-sekolah tersebut kepada YTL untuk kemudahan program 1BestariNet ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YTL tidak dikenakan bayaran sewa tapak *unipole* di sekolah-sekolah yang terlibat kerana menara 1BRIS juga merupakan peralatan yang diperlukan untuk membekal perkhidmatan 1BestariNet.
- (b) Pihak sekolah tidak perlu membayar sebarang kos kepada YTL untuk mendapatkan kemudahan projek 1BestariNet.

Rjm68

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**  
**TARIKH : 30.9.2013**  
**SOALAN :**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peluang dan meneliti semula pendidikan untuk anak-anak Asli kumpulan negrito yang tinggal di kawasan pedalaman masih tidak bersekolah kerana dokumen dan akses disamping mereka tidak ada berpendapatan dalam kategori miskin tegar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk Akta 134 Undang-Undang Malaysia, Akta Orang Asli 1954 Perkara 17 menyatakan `Orang Asli tidak boleh dihalang untuk mereka bersekolah di mana-mana sekolah atas nama mereka Orang Asli`. Sehubungan dengan itu, dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah menyediakan peluang pendidikan dan hak kesamarataan kepada anak-anak Orang Asli untuk terus bersekolah.

Terdapat (4) buah Sekolah Orang Asli di Daerah Hulu Perak, iaitu Sekolah Kebangsaan RPS Dala, Sekolah Kebangsaan RPS Kemar, Sekolah Kebangsaan RPS Banun, dan Sekolah Kebangsaan Sungai Tiang di mana sebahagian murid-muridnya adalah dalam kalangan Orang Asli Kaum Negrito. Malah pihak KPM juga menyediakan kemudahan asrama di (3) buah Sekolah Orang Asli tersebut kecuali Sekolah Kebangsaan Sungai Tiang. Penyediaan kemudahan asrama dapat mengurangkan risiko keciciran di samping murid-murid Orang Asli dapat hadir ke sekolah secara lebih konsisten. Di antara bantuan pendidikan yang disediakan oleh KPM kepada murid-murid Orang Asli ialah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Bantuan Makanan Asrama (BMA), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Bantuan Buku Teks, Bantuan Jaket Keselamatan, dan Subsidi Pengangkutan untuk murid tinggal di asrama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga telah melancarkan Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli (PTPOA) pada 21 Jun 2013 di Sekolah Kebangsaan Betau, Kuala Lipis, Pahang. Di antara inisiatif yang disediakan di



dalam PTPOA ialah Peluasan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) yang menyediakan kemudahan pendidikan khusus kepada anak-anak Orang Asli dari Tahun Satu hingga ke Tingkatan Tiga di premis yang sama. Peluasan Sekolah K9 ini bertujuan mengurangkan kadar keciciran anak-anak Orang Asli di peringkat transisi iaitu tamat Tahun Enam ke Tingkatan Satu. Di Daerah Hulu Perak, dua buah Sekolah K9 telah mula beroperasi pada awal sesi persekolahan tahun 2013 iaitu SK RPS Kemar, dan SK RPS Banun di Gerik, Perak. Pihak sekolah juga bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Jabatan Pendaftaran Negara dalam menangani isu kanak-kanak Orang Asli tanpa dokumen.

Rjm69

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**  
**TARIKH : 30.9.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan guru terlatih yang mempunyai kelulusan dalam bidang penulisan jawi. Berapakah statistik murid Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang celik jawi dari 2008-2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada guru terlatih yang opsyen khas dalam bidang penulisan jawi. Akan tetapi Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai guru terlatih yang opsyen dalam Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Mereka semuanya mendapat latihan keguruan dan mahir dalam bidang penulisan Jawi.

Bilangan murid Islam dari Tahun 1 hingga Tahun 6 yang menguasai jawi pula adalah seramai 1,355,846 orang atau 88.9 peratus daripada 1,420,652 orang murid. Manakala tiada data murid bukan Islam yang celik Jawi kerana hanya murid Islam sahaja yang mempelajari Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Rjm70

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]**

**TARIKH** : **30.9.2013**

**SOALAN** :

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada kuasa-kuasa tertentu yang boleh membantu Pengarah Pelajaran Sabah membantu Kementerian Pendidikan dalam soal *delivery system* diturunkan kepada Pengarah Pelajaran Sabah atau belum.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan secara sebut harga (RM500 ribu dan ke bawah), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui perwakilan kuasa Pegawai Pengawal di bawah Arahan Perbendaharaan 11 (AP11) telah pun menurunkan kuasa kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk melaksanakan sendiri proses perolehan termasuklah membuat pertimbangan untuk melantik kontraktor yang berjaya tertakluk kepada peraturan dan pekeliling perolehan yang sedang berkuat kuasa.

Manakala, perolehan secara tender (melebihi RM500 ribu) bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Bekalan Makanan Bermasak serta Kebersihan Kawasan dan Bangunan dilaksanakan oleh Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, KPM dengan kerjasama JPN bagi menguruskan sebahagian daripada proses perolehan seperti pengiklanan, penerimaan dokumen tender, pembukaan tender dan juga penilaian tender. Walau bagaimanapun, pertimbangan perolehan secara tender hanya boleh dibuat oleh Lembaga Perolehan KPM yang dilantik oleh Perbendaharaan Malaysia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**  
**TARIKH** : **30.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar cemerlang yang memperoleh CGPA 4.0 tetapi tidak dipilih mengikut kursus pilihan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Apakah kriteria pemilihan yang ditetapkan, sebab mereka gagal dipilih dan apakah kedudukan status dan permohonan pelajar cemerlang ini sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat prihatin dengan masalah pelajar yang mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PGNK) 4.0 tetapi gagal untuk mendapat tawaran di mana-mana institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Oleh itu, kesemua 39 pelajar yang mendapat PGNK 4.0 akan diberi keutamaan memasuki IPTA jika ada kekosongan, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri. Walau bagaimanapun, pertimbangan hanya akan diberikan kepada calon yang telah mengemukakan rayuan melalui sistem permohonan rayuan atas talian yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi sahaja.

Bagi Sesi Akademik 2013/2014, seramai 3,584 orang pelajar telah mendapat PNGK 4.0. Daripada jumlah tersebut sebanyak 99 peratus atau 3,545 orang pelajar telah ditawarkan tempat ke IPTA dan hanya satu (1) peratus atau 39 orang pelajar yang tidak mendapat tawaran ke IPTA. Kegagalan 39 pelajar ini untuk mendapat tempat di IPTA adalah kerana faktor-faktor yang berikut:

- a) Pelajar tidak memenuhi syarat khas program pengajian yang dipohon.
- b) Unjuran tempat telah penuh, terutamanya program pengajian perubatan, pergigian dan farmasi.
- c) Pelajar membuat pernyataan "tidak setuju" jika sekiranya ditawarkan program pengajian selain daripada yang dipohon.
- d) Pelajar gagal dalam saringan temu duga.

- e) Pelajar berada pada merit yang rendah kerana markah kokurikulum yang rendah.

Secara umumnya pemilihan calon bagi ditawarkan tempat ke IPTA adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:

- a) Pencapaian akademik dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Setaraf.
- b) Pencapaian dalam aktiviti kokurikulum.
- c) Kombinasi mata pelajaran yang dimiliki bersesuaian dengan program pengajian yang dipohon.
- d) Gred mata pelajaran untuk tujuan pengkhususan.
- e) Lulus temu duga/ujian kelayakan bagi program pengajian tertentu.
- f) Pilihan program pengajian mengikut keutamaan.
- g) Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (*Band 1*) dalam peperiksaan *Malaysian University English Test* (MUET).
- h) Bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA mengikut program pengajian.

Sejak tahun 2002, dasar pengambilan pelajar ke IPTA telah dilaksanakan berasaskan prinsip meritokrasi bagi menggantikan Dasar Pengambilan Mengikut Kuota Kaum yang diguna pakai sebelumnya. Dasar meritokrasi ini dilaksanakan dengan mengguna pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum untuk menjana markah merit calon. Penetapan merit tidak hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata, namun mengambil kira kedua-dua elemen akademik dan kokurikulum calon untuk memastikan IPTA melahirkan graduan yang holistik.

Sistem meritokrasi yang digunakan untuk pemilihan pelajar ke universiti adalah telus dan dibuat secara profesional. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, bangsa, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal tidak akan dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA. Calon-calun yang layak dan memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dipohon mengikut kelayakan, minat, cita-cita dan kecenderungan calon.

Oleh itu, jika merit calon tidak begitu tinggi tetapi calon masih memohon program pengajian kompetitif seperti perubatan, pergigian, farmasi, undang-undang, kejuruteraan kimia, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan elektronik dan perakaunan, dan jika calon hanya memohon di IPTA yang popular, maka calon akan menghadapi persaingan yang sangat sengit dan berkemungkinan akhirnya tidak mendapat apa-apa tawaran daripada IPTA berkenaan.

Program pengajian pergigian contohnya, hanya menawarkan 119 tempat di tiga IPTA, tetapi pelajar yang memohon adalah seramai 1,299 orang. Ini menunjukkan lebih permohonan sebanyak 10 kali ganda pada program pengajian ini. Proses

temu duga juga dilaksanakan di IPTA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu dan bagi memastikan mereka mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan.

Rjm72

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**  
**TARIKH** : **30.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan sebagai sebuah full-fledged university yang menawarkan kursus dalam bidang-bidang yang kritikal ke atas ekonomi Labuan seperti minyak dan gas, logistik dan maritim.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) adalah dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujuhan tertentu terhadap pembangunan sosio ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan di pasaran kerja.

Sehubungan dengan itu, Kementerian berpandangan bahawa jumlah IPTA yang sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara dan fokus Kementerian kini adalah untuk memperkasakan IPTA sedia ada. Di negeri Sabah telah terdapat empat buah IPTA iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS), kampus cawangan UMS di Labuan, kampus cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Kota Kinabalu dan Tawau.

Pada masa ini, terdapat beberapa IPTA yang telah menawarkan program dalam bidang maritim serta minyak dan gas. Antara IPTA yang menawarkan program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang maritim dan sains marin di Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maritim.

Selain itu, Universiti Teknologi Malaysia menawarkan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana dalam bidang minyak dan gas, UiTM menawarkan program Ijazah

Sarjana Muda Gas dan Minyak. Malah, UMS turut menawarkan Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Marin) dengan Universiti Utara Malaysia menawarkan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Logistik dan Pengangkutan) dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Logistik).

Justeru itu, Kementerian berpandangan bahawa tiada keperluan untuk menaik taraf Kampus Antarabangsa Labuan sebagai *full-fledged university* dengan izin.

Rjm73



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]**  
**TARIKH : 30.9.2013**  
**SOALAN :**

Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan dan langkah Kementerian untuk meningkatkan kualiti pendidikan serta mengawal caj kutipan yuran sekolah "International Schools" di negara ini supaya kebajikan pelajar-pelajar sekolah terjamin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha meningkat kualiti pendidikan di institusi pendidikan swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai mekanisme Standard Kualiti Intitusi Pendidikan Swasta (SKIPS) yang diguna pakai untuk menentukan semua aspek pengoperasian institusi. SKIPS berupaya menentusahkan keupayaan kualiti sesebuah institusi termasuklah daripada aspek pengurusan institusi, pematuhan akta, pengajaran dan pembelajaran, kelayakan guru serta kemenjadian murid. Pemeriksaan dan pemantauan juga dilaksanakan mengikut Akta Pendidikan 550 dan Peraturan-Peraturan yang termaktub di bawahnya.

Selain daripada itu, hanya kurikulum antarabangsa yang diiktiraf sahaja dibenarkan. Contohnya; kurikulum IGCSE, *International Baccalaureate*, American dan Kanada. Institusi juga digalakkan untuk mendapatkan akreditasi atau pengiktirafan daripada badan antarabangsa seperti WASC (*Western Association of School and Colleges*), FORBISEA (*Federation of British International Schools in South East Asia*), CIS (*Councils of International Schools*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap institusi pendidikan swasta hanya dibenarkan untuk mengenakan yuran yang telah diluluskan sewaktu pendaftaran institusi sahaja. Sebarang yuran yang hendak dikenakan mestilah berada pada kadar yang bersesuaian dan mendapat kelulusan Ketua Pendaftar terlebih dahulu. Adalah menjadi dasar KPM, setiap permohonan kenaikan yuran hanya boleh dipertimbangkan selepas tiga (3) tahun sekali sahaja. Caj kutipan yuran hanya boleh dikuat kuasa pada tahun berikutnya setelah notis tiga (3) bulan

dimaklumkan kepada ibu bapa atau penjaga. Segala kadar yuran tersebut pula hendaklah dipamerkan di tempat mudah dilihat dan dijelaskan kepada ibu bapa dan penjaga sewaktu pendaftaran murid di sekolah berkenaan.

Rjm75

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**TARIKH** : **30.9.2013**

**SOALAN** :

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa Pilley College SibU tidak diberi kelulusan untuk mengambil pelajar asing, dan apakah kriteria untuk menjadikan satu kolej kepada kolej universiti. Bilakah Pilley College boleh menjadi satu kolej universiti memandangkan University College of Technology Sarawak sudah diistiharkan sebagai kolej universiti sebelum ia siap dibina.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, kolej tersebut didaftarkan dengan nama Institut Methodist Pilley. Permohonan Institut Methodist Pilley untuk pembaharuan kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa masih dalam perhatian pihak Kementerian Dalam Negeri. Institut Methodist Pilley perlu mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dinaik taraf daripada kolej kepada kolej universiti dan telah memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Institusi pengajian tinggi swasta bertaraf kolej boleh mengemukakan permohonan naik taraf kepada kolej universiti setelah memenuhi syarat-syarat dan kriteria iaitu:

<b>Bil.</b>	<b>Kriteria wajib</b>	<b>Kriteria Sokongan</b>
a)	Pengalaman dalam mengendalikan sesebuah IPT	Visi, misi dan rasional penubuhan
b)	Kewangan syarikat yang kukuh	Pengurusan hal ehwal dan kebajikan pelajar
c)	Kakitangan Akademik	Sistem jaminan Kualiti Dalaman
d)	Kualiti Kursus Pengajian	
e)	<i>Track-record</i> yang cemerlang	
f)	Pengurusan (Governance)	
g)	Pengantarabangsaan	

<b>Bil.</b>	<b>Kriteria wajib</b>	<b>Kriteria Sokongan</b>
h)	Premis/Kampus yang kondusif	
i)	Penglibatan dalam aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	

Rjm76

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI**  
**[SETIAWANGSA]**

**TARIKH** : **30.9.2013**

**SOALAN** :

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah serta kesannya terhadap pembelajaran dan pengajaran terhadap guru dan pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula Tahun 1, 2011 dan Tingkatan 1, 2012. Justeru, adalah terlalu awal untuk membuat kesimpulan tentang keberkesananannya kerana pelaksanaannya belum lagi lengkap satu kitaran. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Lembaga Peperiksaan telah mengadakan satu mekanisme penjaminan kualiti untuk memastikan bahawa pelaksanaan PBS adalah selaras dengan matlamat yang ditetapkan.

Mekanisme penjaminan kualiti yang merangkumi aktiviti pementoran, pemantauan, penyelarasan, dan pengesanan adalah untuk memastikan keesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran. Pementoran merupakan aktiviti untuk membantu, memudahcara dan membimbing guru melaksanakan pentaksiran di sekolah. Pemantauan adalah untuk memastikan pelaksanaan PBS mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh KPM. Penyelarasan adalah untuk memastikan terdapat keseragaman dan kebolehpercayaan dalam penghasilan tugas, pemberian skor, perekodan dan pelaporan guru tentang prestasi murid. Pengesanan pula ialah satu proses bagi memastikan instrumen pentaksiran yang digunakan mampu menghasilkan skor yang sah dan boleh dipercayai.

Penjaminan kualiti ini dilaksanakan oleh Bahagian KPM yang berkaitan dan Jawatankuasa PBS di peringkat negeri, daerah dan sekolah. Jawatankuasa PBS di pelbagai peringkat juga perlu menjalankan taklimat PBS, mesyuarat dan latihan, dan menyediakan laporan mengenai pelaksanaan PBS. KPM juga telah mengadakan program kepada ibu bapa dan pelbagai pihak yang mempunyai kepentingan ke atas pendidikan menjelaskan tentang pelaksanaan PBS

Dapatan pemantauan menunjukkan bahawa guru lebih kreatif dalam pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran kerana tiada lagi tekanan peperiksaan. Murid didapati lebih aktif dan kreatif selain daripada pembelajaran yang lebih seimbang kerana tidak lagi hanya berfokus terhadap pencapaian akademik semata-mata.

Rjm77

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM**  
**[ KUBANG PASU ]**  
**TARIKH** : **30.9.2013**  
**SOALAN** :

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) kenapa ada Pertubuhan Cina masih mempertikaikan mengenai Kesempurnaan Pelan Pembangunan Pendidikan Nasional (PPPN) (2013-2025). Apakah semasa penggubalan PPPN dahulu, tidak dijemput wakil mereka bagi sama-sama membincangkannya; dan
- (b) apakah jaminan Kerajaan bahawa akan terus wujud asimilasi dan perpaduan kaum apabila PPPN ini dilaksanakan. Apakah ada usaha untuk mewujudkan sekolah satu aliran bagi tujuan perpaduan kaum.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa penyediaan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan Dialog Nasional Pendidikan Negara yang melibatkan sesi dewan terbuka dan perbincangan meja bulat. Pertubuhan Cina tidak terkecuali dipanggil untuk mengadakan perbincangan. Selepas pelancaran Laporan Awal PPPM, beberapa siri mesyuarat dan perbincangan dengan pertubuhan Cina juga telah diadakan dan dipengerusikan sendiri oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.
- b) Dalam PPPM 2013- 2025, KPM mengekalkan sekolah pelbagai aliran selaras dengan Akta Pendidikan. Inisiatif untuk meningkatkan perpaduan dilaksanakan melalui:

- i. Memperkukuh Rancangan Intergrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP)
- ii. Memperkukuh kurikulum Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral dengan memasukkan nilai sejagat untuk perpaduan.
- iii. Semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah akan mengkaji keperluan murid terlibat dengan khidmat komuniti

Rjm78



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG [ BATU ]**  
**TARIKH : 30.9.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian siasat dengan teliti jika pihak ibu bapa di Sekolah S.K. Seri Pristina berpuas hati dengan penyelesaian yang dikemukakan oleh Kementerian. Berapakah jumlah pelajar yang telah menukar sekolah dari tarikh 23 Julai 2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada dasarnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpuas hati dengan siasatan serta penjelasan yang diberi dari semasa ke semasa malah telah mengambil tindakan-tindakan seperti yang disarankan oleh pihak-pihak yang terlibat. Antara tindakan-tindakan tersebut adalah;

- a) Menutup bilik persalinan tersebut daripada digunakan sebagai tempat makan.
- b) Kantin sekolah ini telah dinaik taraf iaitu dengan menambah tempat duduk murid yang mencukupi.
- c) Guru Besar, Penolong Kanan serta guru-guru di sekolah berkenaan telah diberi nasihat berkaitan keharmonian murid pelbagai kaum di sekolah ini sebanyak dua kali oleh Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Selangor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor telah membuat pemantauan ke sekolah berkenaan hampir setiap hari sehingga penghujung bulan September 2013. Hal ini bagi memastikan semua guru di sekolah ini dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik kepada semua murid tanpa mengira latar belakang kaum mahupun agama mereka.

Berdasarkan siasatan pihak KPM, sejak isu ini mula timbul hingga 1 September 2013, hanya seorang sahaja murid yang mohon bertukar daripada sekolah

berkenaan oleh ibu bapa mereka. KPM juga ingin menjelaskan bahawa hal berkaitan pertukaran murid daripada sesebuah sekolah adalah merupakan pilihan ibu bapa masing-masing.

Rjm79

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]**

**TARIKH : 30.9.2013**

**SOALAN :**

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah efektif untuk mengawal kualiti Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan mengekang kilang-kilang ijazah daripada bercambah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha Kementerian Pendidikan Malaysia mengawal kualiti pengajian tinggi swasta, moratorium penubuhan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) telah dikuatkuasakan selama dua tahun bermula dari Februari 2013. Moratorium ini dikuatkuasakan bertujuan membolehkan kementerian fokus meningkatkan kualiti IPTS yang sedia ada. Dalam masa yang sama kementerian turut mengawal selia kualiti IPTS melalui program-program seperti:

- a) *Malaysian Quality Evaluation System for Private Colleges (MyQUEST)* iaitu suatu system yang telah dibangunkan oleh Kementerian sebagai instrument untuk menilai prestasi semasa IPTS di Malaysia dari segi pelajar, program, graduan, sumber dan tadbir urus. Penilaian kolej swasta adalah perlu untuk meningkatkan tahap pendidikan di Malaysia kepada standard yang lebih tinggi.
- b) Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) yang dibangunkan oleh *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat Ijazah Pertama bagi universiti dan kolej universiti (U & KU) di Malaysia.

Kementerian juga menyediakan dan menggalakkan pihak IPTS dalam beberapa perkara bagi meningkatkan kualiti IPTS seperti:

- a) Membuat kerjasama dengan IPTS ternama bagi program-program pengajian yang ditawarkan.
- b) Mengisi dan melengkapkan maklumat IPTS di dalam system yang telah dibangunkan oleh Kementerian iaitu *IPTS Formation Management System (IFMS)*.
- c) Mempunyai perancangan pengantarabangsaan yang jelas dengan mempunyai sasaran pelajar antarabangsa dan tenaga pengajar ekspatriat

Rjm80

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ**  
**[ TANAH MERAH ]**  
**TARIKH** : **30.9.2013**  
**SOALAN** :

**Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) setakat ini bagaimanakah sambutan rakyat terhadap Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang dilancarkan baru-baru ini; dan
- (b) apakah usaha yang dilakukan bagi memastikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dapat dilaksanakan secara berkesan dan menyeluruh di semua peringkat pengajian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Sambutan rakyat terhadap PPPM amat menggalakkan. Seramai 3,000 orang telah menghadiri majlis pelancaran pada 6 September 2013. Laman web berkaitan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah dilawati sebanyak 1,290,814 dari Malaysia dan 1,000 dari negara Indonesia, Brunei dan Singapura pada hari pelancaran sahaja. Kementerian juga telah menerima pelbagai maklum balas dalam akhbar-akhbar tempatan.
- b) Untuk memastikan PPPM dilaksanakan dengan berkesan Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU). PADU diwujudkan adalah hasil penggabungan Pejabat Pengurusan Projek (PMO) dan Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (DMO) di bawah **sektor pelajaran**, yang bertanggungjawab menggerak dan memacu pelaksanaan inisiatif PPPM termasuk NKRA Pendidikan. PADU juga akan berkerjasama dengan Pejabat Pengurusan Program (PMO) di **sektor pengajian tinggi**, untuk memantau dan menyelaras pelaksanaan Projek Agenda Kritikal Pelan Strategik Pendidikan Tinggi

Negara, serta pihak-pihak berkepentingan seperti PEMANDU untuk memastikan transformasi pendidikan negara yang dirancang mengikut tempohnya.

Rjm 81

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**  
**[ BUKIT BENDERA ]**  
**TARIKH** : **30.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru mengikut aliran sekolah (SK,SJK,SBP dan sebagainya) dan berapakah bilangan guru yang menanti penempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan guru di Malaysia seperti pada 31 Ogos 2013 ialah seramai **417,749** orang yang meliputi semua jenis sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah graduan yang telah menamatkan pengajian pada Jun hingga Ogos dan belum ditempatkan adalah seramai **6,341** orang.

Rjm82

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**TARIKH** : **30.9.2013**

**SOALAN** :

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik peminjam mengikut bangsa, jantina dan negeri yang tidak membayar balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) setakat 16 September 2013 dan jumlah pinjaman yang terbabit. Apakah cara penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi masalah pinjaman PTPTN tidak dibayar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Ogos 2013, bilangan peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang tidak membuat bayaran balik adalah seperti berikut:

Kaum	Bilangan				Keseluruhan	
	Tidak Bayar	Peratus	Bayar	%	Jumlah	Peratus
Melayu	328,550	35%	601,352	65%	930,363	100%
Cina	55,445	23%	182,929	77%	237,530	100%
India	28,250	38%	46,702	62%	75,048	100%

Manakala, statistik berdasarkan jantina pula adalah sebanyak 188,731 peminjam (36%) daripada 527,152 keseluruhan peminjam lelaki tidak membuat bayaran balik, dan 265,305 (33%) peminjam tidak membuat bayaran balik daripada 814,221 keseluruhan peminjam perempuan.

Statistik peminjam yang tidak membuat bayaran balik pinjaman mengikut negeri tertinggi adalah negeri Sabah, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis seperti berikut:



Negeri	Bilangan				Keseluruhan	
	Tidak Bayar	Peratus	Bayar	Peratus	Jumlah	Peratus
Sabah	32,428	44%	41,816	56%	74,488	100%
Kelantan	54,446	41%	77,169	58%	131,945	100%
Terengganu	29,089	38%	48,280	62%	77,466	100%
Kedah	41,325	36%	72,744	64%	114,160	100%
Perlis	5,129	35%	9,717	65%	14,849	100%

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah mengambil beberapa pendekatan dalam menggalakkan dan memberi kesedaran dan kefahaman kepada peminjam untuk membuat bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN.

PTPTN telah mengadakan beberapa aktiviti melalui pendekatan mesra pelanggan. dalam mendekati lagi PTPTN dengan penerima biaya PTPTN. Antaranya, melalui kempen dan ceramah di institusi kerajaan dan swasta, taklimat bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Bank Negara kepada pelajar-pelajar tahun akhir di institusi pengajian tinggi awam serta agihan buku pengurusan kewangan peribadi secara percuma. PTPTN juga telah membuka 12 pejabat PTPTN Negeri, 2 *One Stop Centre* dan 4 pejabat PTPTN Cawangan di lokasi strategik di seluruh negara bagi memudahkan peminjam mengadakan rundingan untuk penyelesaian hutang, penyusunan semula hutang atau penangguhan bayaran balik.

Tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh PTPTN dengan menyenarai hitam peminjam ke luar negara dan tindakan saman adalah antara langkah yang diambil bagi meningkatkan tahap kesedaran, kefahaman dan tanggungjawab peminjam terhadap kewajipan membayar balik pinjaman. Tindakan yang diambil ini bukanlah dibuat secara sewenang-wenangnya tanpa memberikan ruang kepada peminjam. Berdasarkan prosedur kerja sedia ada, PTPTN telah pun melaksanakan pendekatan yang fleksibel di dalam mendapatkan bayaran balik pinjaman sebelum menyenarai hitam peminjam. Tindakan menyenarai hitam di Jabatan Imigresen Malaysia adalah sebagai langkah terakhir dalam memberikan peringatan kepada peminjam tegar, setelah pelbagai langkah peringatan supaya mula membayar balik pinjaman tidak dipedulikan oleh mereka.

Bagi menggalakkan penerima biaya PTPTN membuat bayaran balik, beberapa insentif kepada peminjam PTPTN di bawah inisiatif mengurangkan kos pembelajaran pelajar telah diperkenalkan oleh YAB. Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2013 pada 28 September 2012 seperti berikut:

- a) Pertama: Bagi peminjam yang menyelesaikan hutang sekali gus dalam tempoh setahun bermula 1 Oktober 2012 hingga 30

- September 2013, diskaun 20 peratus akan diberikan ke atas baki pinjaman mereka.
- b) Kedua: Bagi mereka yang membayar pinjaman secara konsisten mengikut jadual mulai 1 Oktober 2012, diskaun 10 peratus setahun akan diberikan.

Rjm83

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN**  
**[ PETALING JAYA SELATAN ]**  
**TARIKH : 30.9.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana institusi pengajian tinggi yang menawarkan program undang-undang yang tidak diiktiraf oleh Majlis Kelayakan Profesion Undang-undang (LPQB) layak diberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memandang serius kualiti sesuatu program pengajian yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ataupun institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Kementerian melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) menjalankan akreditasi sementara dan akreditasi penuh terhadap program pengajian yang ditawarkan oleh IPT di negara ini. Perakuan Akreditasi merupakan satu perakuan rasmi bahawa sesuatu sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan kepada graduan mencapai standard kualiti dan kriteria yang ditetapkan oleh MQA dan selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF).

Bagi proses akreditasi program pengajian profesional, satu Jawatankuasa Teknikal Bersama diwujudkan oleh MQA yang turut melibatkan badan-badan profesional yang berkaitan. Antara kriteria utama bagi membolehkan perakuan akreditasi dikeluarkan oleh MQA ialah institusi pendidikan yang menawarkan program pengajian profesional mesti mematuhi format, standard dan kriteria yang ditetapkan oleh badan profesional tersebut.

Selain itu, pengiktirafan di bawah bidang kuasa Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang (*Legal Profession Qualifying Board*, LPQB) yang khusus untuk program peringkat Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (khususnya *Bachelor of Laws/LL.B*) adalah bagi membolehkan graduan program tersebut dibenarkan atau

layak untuk beramal sebagai peguambela dan peguamcara di Malaysia. Prosedur atau proses yang digunakan untuk mendapatkan pengiktirafan tersebut adalah tertakluk kepada bidang kuasa LPQB.

Walau bagaimanapun, bagi institusi pendidikan awam khususnya IPTA yang telah pun mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), graduan bagi program tersebut meskipun tiada pengiktirafan daripada LPQB, masih boleh berkhidmat sebagai penjawat awam di mana-mana sektor awam malah tiada halangan untuk berkhidmat di sektor swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya pemberian biasiswa oleh Kerajaan adalah kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus yang diiktiraf oleh Kerajaan serta badan-badan profesional yang berkaitan sekiranya kursus tersebut melibatkan kelayakan profesional.

Oleh demikian, sekiranya terdapat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menawarkan program Undang-Undang yang tidak diiktiraf oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang (LKPU), IPT tersebut perlu terlebih dahulu mendapatkan pengiktirafan kelayakan dari LKPU sebelum pemberian biasiswa dapat dipertimbangkan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program tersebut.

Rjm84

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH ]**  
**TARIKH : 30.9.2013**  
**SOALAN :**

Tuan Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan maklum balas yang telah diberikan oleh guru-guru sepanjang pelaksanaan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan rintis di 550 buah sekolah rendah pada Tahun 2009 untuk melihat kesesuaian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sebelum memperkenalkan PBS di Malaysia mulai Tahun 2011. Dapatan kajian rintis tersebut menunjukkan bahawa pihak pentadbir sekolah dan guru bersetuju PBS dilaksanakan dengan adanya bimbingan dan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi dipertingkatkan. Pada September 2012, KPM telah menjalankan soal selidik berkaitan pelaksanaan PBS. Setelah satu tahun melaksanakan PBS, 84.2 peratus daripada persampelan 46,929 guru Tingkatan 1 menyatakan bahawa mereka memahami konsep PBS dan bersedia melaksanakannya. Manakala 90.7 peratus daripada persampelan 89,618 guru Tahun 1, 2 dan 3 juga memahami konsep dan cara melaksanakan PBS.

Dapatan kajian soal selidik kesediaan Pengetua dan Guru Besar melaksanakan PBS menunjukkan bahawa 99 peratus daripada 8,557 Pengetua dan Guru Besar sekolah tahu dan faham konsep PBS serta mampu melaksanakan PBS mengikut panduan yang ditetapkan.

Soal selidik penilaian sendiri tahap pelaksanaan PBS telah dilaksanakan pada akhir bulan November 2012 hingga Disember 2012. Sebanyak 3,412 analisis yang diterima daripada pentadbir sekolah rendah dan menengah seluruh negara menunjukkan 732 buah sekolah rendah melaksanakan PBS dengan cemerlang, 1,993 buah sekolah rendah melaksanakan PBS dengan baik dan 82 buah sekolah rendah melaksanakan PBS dengan memuaskan. Manakala 326 buah

sekolah menengah melaksanakan PBS dengan cemerlang, 265 buah sekolah menengah melaksanakan PBS dengan baik dan 14 buah sekolah menengah melaksanakan PBS dengan memuaskan.

Rjm85

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS**  
**[JERANTUT]**  
**TARIKH** : **30.9.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memupuk kesedaran budaya menjaga kesihatan di kalangan murid dan ibu bapa bagi mengatasi masalah obesiti dalam kalangan pelajar yang semakin meningkat dan membimbangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Pendidikan Kesihatan sekolah rendah dan menengah bermatlamat membolehkan murid secara individu mengawal kesihatan diri, keluarga, masyarakat dan persekitaran menerusi pengetahuan, kemahiran, amalan gaya hidup sihat dan besikap positif untuk mencapai kesejahteraan hidup serta jangka hayat panjang yang berkualiti. Murid diberi pengetahuan, nilai dan kemahiran berkaitan dengan kepentingan mengamalkan pengambilan makanan yang sihat dan selamat berdasarkan kepada Piramid Makanan Malaysia.

Selain daripada itu, kurikulum Pendidikan Jasmani juga memberi penekanan kepada aspek pemakanan untuk kesihatan dan kecergasan fizikal. Murid dari Tahun 4 hingga Tingkatan 5 diwajibkan mengikuti ujian Standard Kecergasan Fizikal Murid Sekolah Malaysia (SEGAK).

Rjm87

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH  
[ SANDAKAN ]**

**TARIKH** : **30.9.2013**

**SOALAN** :

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah sesetengah kuasa atau bidang kuasa Kementerian akan dipindahkan (*devolved atau delegated*) kepada negeri Sabah, dan apakah jangka masa dan langkah-langkah untuk mencapainya. Berapakah peratus daripada semua kontrak pembekalan perkhidmatan untuk sekolah yang telah dianugerahkan kepada mereka yang bukan penduduk Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan secara sebut harga (RM500 ribu dan ke bawah), Kementerian melalui perwakilan kuasa Pegawai Pengawal di bawah Arahan Perbendaharaan 11 (AP11) telah pun menurunkan kuasa kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk melaksanakan sendiri proses perolehan termasuklah membuat pertimbangan untuk melantik kontraktor yang berjaya tertakluk kepada peraturan dan pekeliling perolehan yang sedang berkuatkuasa.

Manakala, perolehan secara tender (melebihi RM500 ribu) bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Bekalan Makanan Bermasak serta Kebersihan Kawasan dan Bangunan dilaksanakan oleh Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama JPN bagi menguruskan sebahagian daripada proses perolehan seperti pengiklanan, penerimaan dokumen tender, pembukaan tender dan juga penilaian tender. Walau bagaimanapun, pertimbangan perolehan secara tender hanya boleh dibuat oleh Lembaga Perolehan Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilantik oleh Perbendaharaan Malaysia.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [ Pengerang ]**

**TARIKH** : **30.9.2013**

**SOALAN** :

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kementerian sedar masalah suami isteri yang menjadi guru yang ditempatkan di sekolah berasingan yang berjauhan sehinggakan suami isteri dan justeru itu, keluarga tersebut perlu hidup berasingan dan menyebabkan peningkatan perbelanjaan bagi keluarga para guru tersebut kerana terpaksa menampung perbelanjaan dua isi rumah. Apakah tindakan yang sewajarnya sedang diambil oleh Kementerian agar masalah ini boleh dielakkan sama sekali.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semua pertukaran guru-guru terlatih di antara negeri dan di dalam negeri adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan. Guru-guru dibenarkan memohon untuk bertukar melalui e-GTukar. Kelulusan pertukaran guru-guru adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di negeri-negeri yang dipohon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, faktor-faktor yang perlu diambilkira dalam menguruskan pertukaran adalah:

- a) Kepentingan perkhidmatan.
- b) Peruntukan kewangan bagi pertukaran yang berkenaan.
- c) Masalah peribadi guru-guru yang berkenaan, iaitu:
  - i. Guru wanita yang telah berkahwin dan hendak mengikut suaminya.
  - ii. Rawatan khas perubatan guru bagi guru, suami/isteri atau anak-anak yang masih dalam tanggungan.
- d) Tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 5 tahun di sebuah sekolah/kawasan atau negeri, walau bagaimanapun ianya boleh dilonggarkan bagi guru wanita yang telah berkahwin dan guru, isteri/suami

atau anak-anak dalam tanggungan mereka yang memerlukan rawatan khas perubatan.

- e) Pembahagian guru-guru terlatih dan berpengalaman yang saksama antara:
  - i. Sekolah di luar dan di dalam bandar dalam negeri berkaitan.
  - ii. Sekolah-sekolah dalam kawasan atau bandar yang sama.

Pada masa ini, KPM membenarkan guru memohon pertukaran mengikut pasangan. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan pertukaran bergantung kepada kekosongan jawatan dan opsyen di negeri yang dipohon. KPM juga melaksanakan *redeployment* mengikut pasangan yang terpisah, terutama ke negeri pasangan yang mempunyai kekosongan jawatan.

Rjm89

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 30.9.2013**

**SOALAN :**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cadangan Kerajaan dalam usaha *discentralisation* kuasa Jabatan Pendidikan di negeri-negeri terutama di negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan secara sebut harga (RM500 ribu dan ke bawah), Kementerian melalui perwakilan kuasa Pegawai Pengawal di bawah Arahan Perbendaharaan 11 (AP11) telah pun menurunkan kuasa kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk melaksanakan sendiri proses perolehan termasuklah membuat pertimbangan untuk melantik kontraktor yang berjaya tertakluk kepada peraturan dan pekeliling perolehan yang sedang berkuatkuasa.

Manakala, perolehan secara tender (melebihi RM500 ribu) bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Bekalan Makanan Bermasak serta Kebersihan Kawasan dan Bangunan dilaksanakan oleh Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama JPN bagi menguruskan sebahagian daripada proses perolehan seperti pengiklanan, penerimaan dokumen tender, pembukaan tender dan juga penilaian tender. Walau bagaimanapun, pertimbangan perolehan secara tender hanya boleh dibuat oleh Lembaga Perolehan Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilantik oleh Perbendaharaan Malaysia.

Rjm90

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH ]**  
**TARIKH** : **30.9.2013**  
**SOALAN** :

**TUAN NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menubuhkan universiti di kawasan Parlimen Temerloh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dirancang dan dilaksanakan setelah mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan Kerajaan. Pihak Kementerian berpandangan bahawa jumlah IPTA sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara dan fokus kini adalah untuk memperkasakan IPTA sedia ada. Justeru itu, pihak Kementerian belum bercadang untuk menubuhkan IPTA baharu termasuklah di Temerloh.

Rjm91

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL**  
**[ PAYA BESAR ]**  
**TARIKH** : **30.9.2013**  
**SOALAN** :

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kesahihan dan justifikasi Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) yang kononnya diperakui oleh universiti terbaik di dunia sedangkan selama ini, UEC dilihat langsung tidak menepati objektif dan intipati Dasar Pendidikan Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengiktirafan Sijil Gabungan Sekolah Cina (UEC) adalah di bawah bidang kuasa agensi pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan sebagainya. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuka ruang dan peluang kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memiliki UEC dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk mengikuti pengajian Bahasa Cina di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Pada masa ini, KPM masih belum menerima UEC yang dikeluarkan oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) sebagai kelayakan masuk ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Kolej Tuanku Abdul Rahman dan program-program institusi pengajian tinggi swasta yang difrancais daripada IPTA, memandangkan sistem pengajaran dan pembelajaran MICSS tidak mengguna pakai dasar dan kurikulum sistem Pendidikan Kebangsaan.

Rjm92

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [ TUARAN ]**  
**TARIKH : 30.9.2013**  
**SOALAN :**

**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan Kolej Komuniti di kawasan Parlimen Tuaran seperti mana yang dirancangkan iaitu 1Parlimen 1Kolej Komuniti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, telah terdapat lapan (8) buah kolej komuniti yang telah beroperasi di negeri Sabah iaitu:

- a) Kolej Komuniti Tawau
- b) Kolej Komuniti Lahat Datu
- c) Kolej Komuniti Semporna
- d) Kolej Komuniti Sandakan
- e) Kolej Komuniti Tambunan
- f) Kolej Komuniti Beaufort
- g) Kolej Komuniti Penampang
- h) Kolej Komuniti Kota Marudu

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan bahawa kolej komuniti yang sedia ada ini mampu memberi peluang pendidikan dan latihan kepada pelajar lepasan sekolah menengah yang tidak dapat mendapat peluang melanjutkan pengajian di institusi pendidikan tinggi lain dan kepada masyarakat setempat di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, Kementerian akan terus berusaha memperluaskan akses pendidikan dan latihan yang menyumbang kepada kemajuan sosio ekonomi dan pemikiran masyarakat.

KPM sedang dan dalam proses membuat penyewaan bangunan bagi menyediakan sebuah Kolej Komuniti di Parlimen Tuaran. Kolej ini dijangka akan beroperasi dalam tahun 2014 di mana cadangan program yang akan ditawarkan ialah bidang Pelancongan dan Pengembaraan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**  
**[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH** : **1.10.2013**

**SOALAN** :

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pencapaian akademik pelajar sekolah kebangsaan dan sekolah menengah yang menginap di asrama berbanding dengan pencapaian pelajar harian.

**JAWAPAN**

Ahli Yang di-Pertua,

Pencapaian Gred Purata Keseluruhan Sekolah Berasrama Penuh bagi peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2012 adalah 1.84 berbanding Gred Purata Nasional 5.08. Bagi peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2012 pencapaian Gred Purata Keseluruhan Sekolah Berasrama Penuh adalah 1.11 berbanding Gred Purata Nasional 2.71. Perbandingan Pencapaian Gred Purata Sekolah bagi sekolah menengah kebangsaan (SMK) dengan sekolah berasrama penuh (SBP) bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti berikut:

Sekolah/Tahun	Gred Purata Sekolah					
	2010		2011		2012	
	PMR	SPM	PMR	SPM	PMR	SPM
<b>SBP</b>	1.09	1.90	1.07	1.76	1.13	1.84
<b>SMK</b>	2.84	5.41	2.81	5.26	2.82	5.33

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**  
**TARIKH : 1.10.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar sekolah menengah yang berhenti sekolah (*drop out*) mengikut tingkatan dan kaum pada tahun 2010 hingga 2012. Nyatakan sebab-sebab utama kenapa mereka berhenti sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membuat analisis murid yang tidak meneruskan persekolahan lepasan sekolah rendah adalah berdasarkan kohort murid dari Tahun 6 (peringkat rendah) sehingga mereka menamatkan persekolahan peringkat menengah di Tingkatan 5. Murid peringkat rendah merangkumi murid dari Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik kohort murid yang tidak meneruskan persekolahan dari Tahun 6 pada tahun 2006 ke Tingkatan 1 pada tahun 2007 adalah pada kadar 7.65 peratus. Manakala murid kohort ini yang tidak meneruskan persekolahan ke Tingkatan 3 pada tahun 2009 adalah pada kadar 1.67 peratus dan yang tidak meneruskan persekolahan ke Tingkatan 5 pada tahun 2011 adalah pada kadar 3.55 peratus.

Perlu ditegaskan bahawa, tidak semua murid tersebut tercicir terus daripada mengikuti sistem persekolahan, sebaliknya sebahagian besar murid ini sebenarnya meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah bukan di bawah kelolaan KPM seperti sekolah swasta, sekolah agama rakyat, Sekolah Menengah Persendirian Cina, sekolah antarabangsa dan belajar di sekolah-sekolah yang tidak berdaftar dengan KPM seperti madrasah dan sebagainya.

Berasaskan kajian yang telah dijalankan oleh KPM, faktor-faktor yang menyebabkan keciciran murid adalah kemiskinan, masalah keluarga, masalah



kesihatan, tidak berminat terhadap pelajaran, masalah disiplin, berkahwin, tiada dokumen, menghadapi masalah pengangkutan ke sekolah, cacat, takut pergi ke sekolah, bekerja dan meninggal dunia.

Rjm95

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL  
TOYAD ABDULLAH [ MUKAH ]**

**TARIKH** : **1.10.2013**

**SOALAN** :

**Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyediakan kemahiran graduan masuk ke alam kerja termasuk kerjasama IPTA/IPTS dengan sektor pekerjaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menyediakan dan menyokong program-program bagi meningkatkan kemahiran graduan terutama sebelum mereka memasuki alam pekerjaan. Antara langkah yang telah diambil di peringkat KPM dengan menyediakan Pelan Induk Kebolehpasaran Graduan (*The National Graduate Employability Blueprint*) 2012-2017. Pelan ini menjadi panduan bagi setiap institusi pengajian tinggi (IPT) dalam menyediakan pelan tindakan masing-masing untuk membentuk kemahiran dan atribut pelajar yang bertepatan dengan keperluan industri.

Pelan ini diterjemahkan melalui Program Pusat Kecemerlangan Industri (*Industry Centre of Excellence*) yang berasaskan bidang keberhasilan utama Negara (NKEA). Ianya dilaksanakan melalui kerjasama institusi pengajian tinggi (Universiti Peneraju) dan industri tonggak dengan menekankan pembangunan modal insan serta perkongsian teknologi. Kemahiran teknikal dan insaniah yang menjuruskan kepada minat pelajar diterapkan seawal tahun kedua bagi mewujudkan keserasian pelajar dengan bidang yang dipilih. Program ini akan dapat mengenalpasti minat pelajar melalui pendedahan awal tentang industri serta melahirkan modal insan yang berkemahiran dan mempunyai atribut bertepatan dengan kehendak industri.

Rjm96

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**  
**TARIKH** : **1.10.2013**  
**SOALAN** :

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan diambil terhadap Guru Besar yang mempromosikan atau menjual pil Dimensi 108 di sekolah termasuk Guru Besar SK Teluk Lipat dan SK Bandar Endau di Mersing, SK Taman Segar di Cheras dan SK Bukit Kemuning 2 di Kota Kemuning.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak mempromosikan produk kesihatan ke sekolah-sekolah dan melarang jualan terus ke sekolah termasuk pil Dimensi 108. Tindakan akan diambil ke atas pihak sekolah sekiranya didapati telah mempromosikan secara terus dan memaksa murid membeli produk kesihatan.

Rjm97

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE**  
**[ PETALING JAYA UTARA ]**  
**TARIKH** : **1.10.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) sama ada guru besar dan guru-guru dibenarkan untuk memberi, menjual atau mempromosikan (*food supplement*) kepada pelajar-pelajar sekolah; dan
- (b) tindakan yang telah dan akan diambil terhadap mereka yang telah memberi, menjual dan mempromosikan Dimensi 108 kepada pelajar-pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Arahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 12/1988 jelas menyatakan bahawa KPM **tidak membenarkan jualan terus ke sekolah-sekolah**. Buat masa ini, didapati pihak sekolah tidak membuat jualan terus ke sekolah atau memaksa murid-murid membeli *food supplement*. KPM akan mengambil tindakan jika terdapat mana-mana pihak melanggar arahan berdasarkan pekeliling tersebut.

Rjm98

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**  
**TARIKH : 1.10.2013**  
**SOALAN :**

Tuan Anyi Ngau [ Baram ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan susulan Kementerian berkenaan sistem bekalan air yang tidak berfungsi di SMK Tinjar, Baram dan Sekolah Menengah Khas Long Bedian, Baram.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah pun melaksanakan siasatan dalaman terhadap isu sistem bekalan air yang tidak berfungsi di Sekolah Menengah Kebangsaan Tinjar, Baram dan Sekolah Menengah Khas Long Bedian, Baram. KPM kini sedang meneliti skop-skop kerja pembaikan dan tindakan sewajarnya akan diambil dalam masa terdekat.

Manakala bagi isu bekalan air di Sekolah Model Khas Komprehensif (K9), Sekolah Kebangsaan Long Bedian, ianya telah diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah Baram, iaitu dengan mengguna pakai bekalan air daripada sistem pam dalam tanah RO (*reverse osmosis*), bekalan graviti dan bekalan air hujan (*rain harvesting*).

Rjm99

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG**  
**[ KANOWIT ]**  
**TARIKH : 1.10.2013**  
**SOALAN :**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan untuk meningkatkan prestasi Sekolah Kurang Murid (SKM) di luar bandar Sarawak dan Sabah. Apakah yang menyebabkan prestasi murid di sekolah SKM ini jauh rendah dibandingkan dengan sekolah di bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk meningkatkan prestasi Sekolah Kurang Murid (SKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meletakkan ia sebagai inisiatif kebangsaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 melalui Sarana Peningkatan Sekolah Kurang Murid bertujuan untuk meningkatkan pencapaian prestasi SKM, di samping merapatkan jurang prestasi antara sekolah bandar dan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan infrastruktur, kedudukan geografi, gred, agama, bangsa, jantina dan latar belakang sosio ekonomi, penglibatan ibu bapa dan komuniti setempat dalam aktiviti sekolah, mempengaruhi prestasi rendah SKM.

Sehubungan itu, Sarana Peningkatan Sekolah Kurang Murid memberi tumpuan kepada bimbingan berfokus kepada murid, penyediaan guru berkualiti dan pengupayaan kreativiti guru dalam pengajaran dan pembelajaran, peningkatan bahan bantu mengajar, pembinaan daya kepemimpinan instruksional dalam kalangan guru besar serta penyediaan suasana pembelajaran yang kondusif. Usaha ini turut disokong dengan pelaksanaan Sarana Sekolah dan Sarana Ibu Bapa.

Untuk tahun 2013, KPM mensasarkan sebanyak 143 SKM akan ditingkatkan daripada Band 4 ke Band 3. Kejayaan pelaksanaan sarana SKM dibuktikan

melalui peningkatan band sekolah dari segi Gred Purata Sekolah, penambahan peratusan murid yang mendapat gred A dan penurunan peratusan gred D dan E.

Rjm100

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]**  
**TARIKH : 1.10.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan -

- (a) berapa sekolah terlibat dalam program pemasangan Unipole 1BestariNet kepunyaan YTL Communications Sdn Bhd yang telah dipasang dan akan dipasang di kawasan sekolah ; dan
- (b) apakah langkah keselamatan yang telah diambil oleh Kementerian ataupun pihak sekolah yang terlibat berhubung perkara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

- a) Sehingga September 2013 sebanyak 1,815 sekolah telah siap dibina kemudahan 1BRIS (*Unipole 1BestariNet*) dan sedang beroperasi. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menasaskan sebanyak 2,440 sekolah akan dilengkapi dengan kemudahan 1BRIS (*Unipole 1BestariNet*).
- b) KPM telah melaksanakan kajian radiasi akibat daripada menara 1BRIS bersama **Unit Radiasi Tidak Mengionkan, Agensi Nuklear Malaysia (MNA)** didapati purata paras radiasi pelbagai frekuensi bagi pemancar 1BestariNet antara 100kHz – 3GHz diukur selama 6 minit adalah antara  $0.60\mu\text{Watts/cm}^2$  dan  $5.73\mu\text{Watts/cm}^2$  (0.83 V/m dan 4.66 V/m). Ukuran ini didapati **mencapai 0.57% atau 175 kali lebih rendah daripada paras yang dianggap selamat untuk orang awam oleh SKMM dan 0.11% atau 870 kali lebih rendah yang dianggap selamat untuk pekerja**. Walau bagaimanapun, langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh kementerian adalah dengan mewajibkan pihak YTLC mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu pemasangan pagar di semua tapak, tidak membenarkan memasuki kawasan sekolah tanpa kebenaran daripada pengurusan sekolah, tahap ujian radiasi



mestilah melepasi standard dari Agensi Nuklear Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi Multi Media (SKMM) serta mematuhi garis panduan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, peraturan Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Bomba serta mana-mana yang berkaitan.

Rjm101

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO**  
**[ KLANG ]**  
**TARIKH** : **1.10.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk menghalang kes Sri Pristina, Sungai Buloh berulang di sekolah-sekolah lain. Senaraikan rancangan-rancangan Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum serta telah meneliti komen dan pandangan-pandangan umum berkaitan isu di SK Sri Pristana, Sungai Buloh, Selangor. Dalam hal ini, KPM ingin menjelaskan isu berkaitan dakwaan oleh sesetengah pihak bahawa murid-murid di SK Seri Pristana, Selangor makan di dalam tandas adalah tidak benar.

Berdasarkan siasatan KPM, tempat makan tersebut adalah merupakan bilik persalinan sekolah yang tidak pernah digunakan. Tempat makan tersebut bukan sahaja digunakan oleh murid-murid, malah oleh guru-guru di sekolah ini. Bilik persalinan tersebut juga telah digunakan sebagai tempat makan oleh bukan sahaja murid-murid India, malah digunakan oleh murid-murid Melayu dan Cina sejak bulan Mac 2013 lagi. Hal ini disebabkan kantin sedia ada terlalu sempit untuk menampung bilangan murid yang ramai pada waktu rehat.

Walau pun demikian, pihak KPM tetap memandang serius terhadap isu tersebut dan telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- a) Bilik persalinan tersebut telah pun ditutup.
- b) Kantin sekolah ini telah dinaik taraf iaitu dengan menambah tempat duduk murid yang mencukupi.

KPM juga berharap di samping tindakan-tindakan tersebut, semua pihak yang terlibat termasuk guru-guru, ibu bapa dan masyarakat setempat dapat memainkan peranan masing-masing bagi mewujudkan persekitaran yang harmoni dan kondusif di sekolah serta memberi fokus utama terhadap pembelajaran murid-murid di sekolah berkenaan.

Pihak KPM juga dari semasa ke semasa sentiasa mengingatkan semua sekolah agar sentiasa menjaga sensitiviti kaum dan agama dalam hal ehwal menguruskan program dan aktiviti murid di sekolah mereka. Dalam hal ini juga, KPM tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang boleh mengganggu-gugat keharmonian guru-guru dan murid-murid pelbagai kaum di sesebuah sekolah.

Dengan penjelasan ini juga, semua pihak diharap dapat memahami situasi sebenar isu ini supaya tidak lagi berpanjangan demi kemajuan pendidikan anak bangsa kita.

Rjm102

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**  
**[ BUKIT GANTANG ]**  
**TARIKH** : **1.10.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan benarkah Kerajaan bercadang untuk mahasiswa Institut Pendidikan Guru (IPG) tidak lagi diberi elaun semasa mereka belajar di IPG kerana lebih tenaga guru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih mengekalkan setiap guru pelatih yang mengikuti latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru dibayar elaun sepanjang tempoh pengajian sehingga mereka tamat. Setiap pelatih guru menikmati elaun mengikut kadar yang diperuntukan berdasarkan program yang diikuti.

Soalan No :

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**  
**[ PENKALAN CHEPA ]**  
**TARIKH** : **1.10.2013**  
**SOALAN** :

**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik gejala berunsur jenayah di sekolah-sekolah di seluruh negara mengikut negeri-negeri dan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh lima tahun (2008-2012), jumlah purata murid terlibat dengan gejala jenayah adalah seramai 1,597 orang atau 0.03 peratus. Berdasarkan jumlah tersebut, kategori Jenayah Kekerasan dalam tempoh tersebut adalah seramai 493 orang dan Jenayah Harta Benda seramai 1,104 orang.

Antara tindakan dan langkah-langkah pencegahan yang dilaksanakan bagi membendung permasalahan ini termasuklah:

- a) Mengadakan kerjasama erat bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya menerusi program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang sering melawat serta berbincang dengan pihak sekolah bagi mengatasi gejala tersebut.
- b) Melibatkan ibu bapa menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan masyarakat dalam aktiviti di sekolah.
- c) Menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) di sekolah iaitu dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Sehingga kini sejumlah 6,082 buah KPJ telah berjaya diwujudkan di sekolah merangkumi 1981 kelab di sekolah menengah dan 4,101 kelab di sekolah rendah.
- d) KPM bersama PDRM dan MCPF, juga telah mengadakan perjumpaan dengan semua murid berisiko di setiap daerah seluruh negara di mana perbincangan dari hati ke hati telah dilakukan agar murid tersebut

memahami peranan mereka dan tidak terjebak dengan salah laku jenayah termasuk menjalankan kempen-kempen pencegahan di peringkat sekolah secara berterusan.

- e) Memberi khidmat bimbingan dan kaunseling secara berterusan kepada murid yang terlibat.

Rjm104

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]**  
**TARIKH** : **1.10.2013**  
**SOALAN** :

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) dasar-dasar pihak Kementerian terhadap permintaan pendidikan percuma di peringkat universiti; dan
- (b) keberkesanan jumlah pinjaman PTPTN yang ditawarkan dalam membantu pelajar di negara kita memandangkan kenaikan harga yuran program dan kos kehidupan di universiti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pendidikan tinggi adalah merupakan sebahagian daripada proses pendidikan yang bermula daripada peringkat rendah dan menengah. Sistem pendidikan negara pada masa ini mewajibkan pendidikan rendah dan menengah dan Kerajaan membiayai sepenuhnya kos pendidikan di peringkat tersebut. Manakala, pendidikan tinggi pula adalah bersifat pilihan apabila individu boleh memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi atau memasuki alam pekerjaan. Ia merupakan pelaburan yang boleh meningkatkan keupayaan seseorang individu untuk bersaing merebut peluang kerjaya dan pendapatan yang lebih baik. Justeru, adalah wajar individu membiayai sebahagian kecil pelaburan tersebut daripada ditanggung keseluruhannya oleh pembayar cukai (orang awam).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan telah pun memberi subsidi bagi yuran yang dikenakan kepada pelajar. Umpamanya, kos program pengajian perubatan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebelum subsidi adalah sebanyak RM166,000.00 tetapi pelajar hanya membayar yuran sebanyak RM9,000.00 sahaja, yang mana 94.6 peratus

telah diberikan subsidi oleh kerajaan. Bagi program kejuruteraan pula, kadar yuran yang sepatutnya adalah RM61,200.00 manakala yuran yang dibayar oleh pelajar hanya RM5,600 sahaja iaitu 90 peratus diberi subsidi oleh kerajaan. Manakala, bagi program farmasi pula kos sebenar adalah dalam lingkungan RM51,000.00 dan pelajar hanya perlu membayar yuran sebanyak RM6,800.00 sahaja. Malah, yuran yang dikenakan oleh IPTA ini juga tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1990an lagi. Secara kesuruhannya, lebih 90 peratus pembiayaan IPTA adalah bersumberkan dana awam (cukai). Pokoknya, falsafah di sebalik pembayaran yuran pengajian tinggi sebenarnya sebagai tanda penghargaan kepada nilai ilmu dan keilmuan. Ia sangat penting dalam meletakkan kepentingan dan nilai pengajian tinggi pada tempatnya. Pembayaran yuran juga membentuk golongan pelajar yang komited dan bertanggungjawab ke atas pelaburan yang dikeluarkan. Sehubungan itu, buat masa ini Kementerian belum bercadang untuk memansuhkan pembayaran yuran pengajian di IPTA bagi maksud memberi pendidikan percuma seperti yang dicadangkan oleh sesetengah pihak.

- (b) Mengenai pembiayaan PTPTN, berdasarkan trend pembiayaan tahun 2012, Kerajaan perlu menyediakan pembiayaan pendidikan kepada pelajar berjumlah RM4.18 bilion untuk membiayai kos yuran dan sara hidup pelajar di IPTA dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Jumlah ini tidak termasuk subsidi yuran pengajian di IPTA yang telah ditanggung oleh Kerajaan. Kos pembiayaan PTPTN akan meningkat dari setahun ke setahun berdasarkan jumlah pelajar serta kos yuran dan sara hidup yang meningkat khususnya di IPTS.

Bagi pelajar IPTA, dianggarkan 80 hingga 90 peratus daripada jumlah pembiayaan PTPTN adalah bagi kos sara hidup dan 10-20 peratus adalah bagi kos yuran. Manakala bagi pelajar IPTS, 70 peratus bagi kos yuran dan 30 peratus untuk kos sara hidup. Oleh yang demikian, Skim Pembiayaan Pendidikan PTPTN diwujudkan, telah membuka lebih banyak peluang kepada semua golongan pelajar untuk melanjutkan pengajian di peringkat pendidikan tinggi. Sebelum penubuhan PTPTN, Kerajaan hanya mampu menyediakan biasiswa untuk sekitar 26,000 orang pelajar sahaja setahun. Ini bermaksud, ramai pelajar yang layak ke IPT tidak mendapat penajaan khususnya dalam kalangan mereka yang miskin dan berpendapatan sederhana. Namun, pada hari ini, PTPTN telah berjaya meningkatkan akses pengajian tinggi dan membolehkan lebih 227,000 pelajar melanjutkan pengajian di peringkat pendidikan tinggi dengan bersumberkan pembiayaan PTPTN.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON**  
**[ IPOH BARAT ]**  
**TARIKH : 1.10.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) kursus-kursus yang disediakan oleh pihak Universiti Teknologi Mara; dan
- (b) bilangan pelajar dalam kursus-kursus ini mengikut kaum bagi pelajar-pelajar tempatan dan luar negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat lebih daripada 250 program pengajian ditawarkan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) di peringkat Asasi, diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah yang merangkumi bidang Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan; Kesihatan dan Kebajikan; Pendidikan; Perkhidmatan; Pertanian dan Veterinar; Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan; Sains, Matematik dan Komputer; Sastera dan Kemanusiaan. Maklumat lanjut berkaitan program pengajian yang ditawarkan ini boleh diperolehi di laman web UiTM iaitu <http://www.uitm.edu.my/index.php/bm/>
- b) Seksyen 1A, Akta Universiti Teknologi MARA (UiTM) 1976 (Akta 173) menjelaskan bahawa UiTM ditubuhkan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, Kementerian mengekalkan perkara-perkara berkaitan UiTM di bawah Akta 173 yang berkuat kuasa.

Kementerian hanya membenarkan UiTM menawarkan program pengajian kepada pelajar antarabangsa dengan peratusan yang minima iaitu 5 peratus. Ini bertujuan untuk melatih pelajar bersaing di peringkat

antarabangsa di masa hadapan. Input dan maklum balas daripada pelajar antarabangsa yang belajar ketika ini boleh dijadikan panduan yang berguna di samping dapat membina *networking* ataupun jaringan.

Rjm106

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**  
**[ MARANG ]**  
**TARIKH** : **1.10.2013**  
**SOALAN** :

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian ada menjalankan penyelidikan berkaitan dengan maklum balas guru-guru terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), dan sekiranya ada apakah tindakan susulan hasil daripada dapatan kajian tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan rintis ke atas 550 buah sekolah rendah pada 2009 untuk melihat kesesuaian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sebelum memperkenalkan PBS di Malaysia mulai tahun 2011. Dapatan kajian rintis tersebut menunjukkan bahawa pihak pentadbir sekolah dan guru bersetuju PBS dilaksanakan dengan adanya bimbingan dan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi dipertingkatkan. Pada September 2012, KPM telah menjalankan soal selidik berkaitan pelaksanaan PBS. Setelah satu tahun melaksanakan PBS, 84.2 peratus daripada persampelan 46,929 guru Tingkatan 1 menyatakan bahawa mereka memahami konsep PBS dan bersedia melaksanakannya. Manakala 90.7 peratus daripada persampelan 89,618 guru Tahun 1, 2 dan 3 juga memahami konsep dan cara melaksanakan PBS.

Dapatan kajian soal selidik kesediaan Pengetua dan Guru Besar melaksanakan PBS menunjukkan bahawa 99 peratus daripada 8,557 Pengetua dan Guru Besar sekolah tahu dan faham konsep PBS serta mampu melaksanakan PBS mengikut panduan yang ditetapkan.

Soal selidik penilaian sendiri tahap pelaksanaan PBS telah dilaksanakan pada akhir bulan November 2012 hingga Disember 2012. Sebanyak 3,412 analisis yang diterima daripada pentadbir sekolah rendah dan menengah seluruh negara

menunjukkan 732 buah sekolah rendah melaksanakan PBS dengan cemerlang, 1,993 buah sekolah rendah melaksanakan PBS dengan baik dan 82 buah sekolah rendah melaksanakan PBS dengan memuaskan. Manakala 326 buah sekolah menengah melaksanakan PBS dengan cemerlang, 265 buah sekolah menengah melaksanakan PBS dengan baik dan 14 buah sekolah menengah melaksanakan PBS dengan memuaskan.

KPM telah mengadakan program penataran untuk memaklumkan secara terperinci tentang konsep dan pelaksanaan PBS. Pada akhir tahun 2012, KPM juga telah mengambil langkah melaksanakan Latihan *Hands On* untuk pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pentadbir dan guru-guru di sekolah supaya semua pihak yang berkaitan faham dan sefaham berkaitan dengan pelaksanaan PBS. Taklimat PBS kepada pensyarah Institut Perguruan, universiti tempatan, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, Majlis Guru Besar dan lain-lain pihak yang mempunyai kepentingan telah diberikan dari semasa ke semasa.

Program *Outreach* PBS – *Public Engagement* PIBG telah diadakan dari bulan Februari hingga Mac 2013, di 141 daerah di seluruh Malaysia. Seramai 22,257 Yang di-Pertua serta wakil PIBG telah hadir mendengar dan berdiskusi mengenai konsep, pengoperasian dan pelaporan PBS. Maklum balas daripada program ini banyak membantu memberi input kepada penambahbaikan PBS.

Terkini KPM sedang mengadakan *outreach* Penjaminan Kualiti PBS kepada JPN dan PPD untuk memastikan PBS yang dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan skor PBS. Penjaminan kualiti ini melibatkan pementoran, pemantauan, penyelarasan dan pengesanan.

KPM sangat prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh guru berkaitan dengan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS). Sehubungan dengan itu, langkah interim telah diambil oleh KPM bagi mengatasi masalah tersebut dengan menyediakan *hosting* khas yang berasingan bagi SPPBS serta telah menambah 20 buah bilangan server bagi mengurangkan kesesakan pengguna yang ramai pada satu-satu masa. Pengurangan bilangan evidens bagi beberapa mata pelajaran tertentu dan penambahbaikan terhadap paparan, kapasiti dan kepenggunaan yang lebih mesra pengguna telah dilaksanakan.

Meja Bantuan SPPBS di KPM sentiasa terus menerus melayan pertanyaan daripada pengguna. KPM juga menyediakan bahan sokongan dan khidmat pementoran PBS atas talian dan juga di laman sesawang [www.moe.gov.my/lp](http://www.moe.gov.my/lp) untuk membantu guru memahami dan boleh melaksanakan PBS seperti yang dihasratkan. Komunikasi iklan PBS melalui televisyen dan radio serta artikel melalui media cetak disiarkan dari semasa ke semasa. KPM telah menjalankan rintis ke atas 550 buah sekolah rendah pada 2009 untuk melihat kesesuaian PBS sebelum memperkenalkan PBS di Malaysia mulai 2011. Dapatan kajian rintis

tersebut menunjukkan bahawa pihak pentadbir sekolah dan guru bersetuju PBS dilaksanakan dengan adanya bimbingan dan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi dipertingkatkan. Pada September 2012, KPM telah menjalankan soal selidik berkaitan pelaksanaan PBS. Setelah satu tahun melaksanakan PBS, 84.2% daripada persampelan 46,929 guru Tingkatan 1 menyatakan bahawa mereka memahami konsep PBS dan bersedia melaksanakannya. Manakala 90.7% daripada persampelan 89,618 guru Tahun 1, 2 dan 3 juga memahami konsep dan cara melaksanakan PBS.

Dapatan kajian soal selidik kesediaan Pengetua dan Guru Besar melaksanakan PBS menunjukkan bahawa 99% daripada 8,557 Pengetua dan Guru Besar sekolah tahu dan faham konsep PBS serta mampu melaksanakan PBS mengikut panduan yang ditetapkan.

Soal selidik penilaian sendiri tahap pelaksanaan PBS telah dilaksanakan pada akhir bulan November 2012 hingga Disember 2012. Sebanyak 3,412 analisis yang diterima daripada pentadbir sekolah rendah dan menengah seluruh negara menunjukkan 732 buah sekolah rendah melaksanakan PBS dengan cemerlang, 1,993 buah sekolah rendah melaksanakan PBS dengan baik dan 82 buah sekolah rendah melaksanakan PBS dengan memuaskan. Manakala 326 buah sekolah menengah melaksanakan PBS dengan cemerlang, 265 buah sekolah menengah melaksanakan PBS dengan baik dan 14 buah sekolah menengah melaksanakan PBS dengan memuaskan.

KPM telah mengadakan program penataran untuk memaklumkan secara terperinci tentang konsep dan pelaksanaan PBS. Pada akhir tahun 2012, KPM juga telah mengambil langkah melaksanakan Latihan *Hands On* untuk pegawai-pegawai di JPN, PPD, pentadbir dan guru-guru di sekolah supaya semua pihak yang berkaitan faham dan sefaham berkaitan dengan pelaksanaan PBS Taklimat PBS kepada pensyarah Institut Perguruan, universiti tempatan, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, Majlis Guru Besar dan lain-lain pihak yang mempunyai kepentingan telah diberikan dari semasa ke semasa.

Program *Outreach* PBS – *Public Engagement* PIBG telah diadakan dari bulan Februari hingga Mac 2013, di 141 daerah di seluruh Malaysia. Seramai 22,257 Yang DiPertua serta wakil PIBG telah hadir mendengar dan berdiskusi mengenai konsep, pengoperasian dan pelaporan PBS. Maklum balas dari program ini banyak membantu memberi input kepada penambahbaikan PBS.

Terkini KPM sedang mengadakan *outreach* Penjaminan Kualiti PBS kepada JPN dan PPD untuk memastikan PBS yang dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan skor PBS.

Soalan No :

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI**  
**[ BAGAN SERAI ]**  
**TARIKH** : **1.10.2013**  
**SOALAN** :

**Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah tindakan Kementerian bagi memastikan pelajar-pelajar yang dibawa pulang dari Mesir baru-baru ini, sama ada yang ditaja oleh Kerajaan ataupun tidak, mendapat penempatan yang bersesuaian di IPTA/IPTS dan meneruskan pengajian mereka dengan lancar; dan
- (b) apakah yang dapat dilaksanakan bagi memastikan pemindahan kredit/program pengajian yang sedang diikuti oleh pelajar-pelajar ini dapat dibuat secara optimum.

**JAWAPAN**

Soalan telah dijawab secara serentak pada **24 September 2013**.

Rjm108

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 1.10.2013**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan tindakan mengatasi pengangguran di kalangan graduan ijazah dan diploma kejururawatan seramai 12,000 orang yang terpaksa menanggung hutang PTPTN disebabkan oleh lambakan jumlah mereka yang begitu ramai berbanding dengan peluang pekerjaan di dalam negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penguatkuasaan moratorium penawaran kursus kejururawatan peringkat diploma di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) telah dilaksanakan bermula 1 Julai 2010. Arahan moratorium ini telah menghentikan kelulusan penubuhan institusi, fakulti dan program baharu dalam bidang kejururawatan di IPTS. Langkah ini dilaksanakan bagi memastikan nisbah tenaga pengajar berbanding pelajar adalah mencukupi dan jumlah hospital latihan sedia ada mencukupi untuk menampung jumlah pelajar pada satu-satu masa.

Bagi menjamin kualiti graduan yang bakal dihasilkan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berkerja sama dengan pihak Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) dalam memantau kualiti proses pengajaran dan pembelajaran sepanjang pengajian pelajar. Antara usaha yang dijalankan oleh Kementerian adalah Ops. Jururawat dan Ops. Klinikal. Operasi pemantauan ini secara khusus melihat keupayaan dan kepatuhan sesebuah IPTS dalam menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran, tenaga pengajar, dan termasuklah penempatan pelajar menjalani latihan praktikal mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Di samping itu, Kementerian bersama LJM telah menyemak dan menetapkan syarat kelayakan baharu kemasukan ke program Diploma Kejururawatan bagi lulusan SPM iaitu dari tiga (3) kredit dengan kredit salah satu mata pelajaran Matematik atau Sains kepada lima (5) kredit dengan mendapat kredit dalam mata pelajaran Matematik dan Sains. Pihak PTPTN juga telah menghadkan jumlah

pembiayaan bagi Diploma Kejururawatan kepada RM45,000 sahaja. Jumlah pembiayaan telah dikurangkan dari RM20,000 setahun kepada RM 15,000 setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga melaksanakan langkah-langkah lain yang dikenal pasti bagi menangani masalah pengangguran kejururawatan seperti berikut:

- a) audit bersepadu dengan LJM dan Agensi Kelayakan Malaysia sedang dilaksanakan bagi memastikan kualiti graduan yang dihasilkan oleh IPTS memenuhi kehendak dan keperluan pasaran; dan
- b) mengurangkan kuota pengambilan pelajar kejururawatan bagi dua belas (12) buah IPTS yang tidak memenuhi syarat tenaga pengajar dan pengajar klinikal yang berkelayakan dan mencukupi.

Rjm109



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]**  
**TARIKH : 1.10.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa ramai guru interim yang telah diberi penempatan pada tahun ini dan adakah kesemua mereka ini mempunyai kelayakan dalam bidang pendidikan dan lulus temuduga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan Guru Interim Tahun 2013 seramai **4,053** orang adalah dalam kalangan graduan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mempunyai kelulusan iktisas dalam bidang pendidikan yang telah dilantik secara tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) mulai 1 Julai 2013.

Pemilihan Guru Interim yang dilantik adalah tertakluk kepada jumlah kekosongan jawatan dan opsyen kritikal yang diperlukan untuk memenuhi keperluan mendesak di KPM. Guru Interim yang gagal dalam temu duga atau tidak diperaku untuk dilantik tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) akan ditamatkan dengan sebulan notis kerana tidak memenuhi syarat pelantikan tetap sebagai PPPS DG41.

Rjm110

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH**  
**[ LIMBANG ]**  
**TARIKH** : **1.10.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan untuk mengganti dan menaik taraf SMK Limbang yang sudah daif dan mempunyai penuntut melebihi seribu orang murid.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa terhadap keperluan dan keselesaan bangunan-bangunan sekolah sedia ada. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi mengganti dan menaiktaraf SMK Limbang telah dipohon di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh di bawah *rolling plan* ke-4 untuk dilaksanakan pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan tersebut adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan Kerajaan.

Rjm111

Soalan No :

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**[ LEMBAH PANTAI ]**  
**TARIKH : 1.10.2013**  
**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesimpulan laporan keciciran pelajar sekolah menengah di bawah Jawatankuasa Penyiasatan Murid Cicir dan langkah susulan menangani murid tercicir daripada sistem pendidikan negara. Nyatakan jumlah keciciran dari tahun 2001 hingga 2012.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membuat analisis murid yang tidak meneruskan persekolahan lepasan sekolah rendah adalah berdasarkan kohort murid dari Tahun 6 (peringkat rendah) sehingga mereka menamatkan persekolahan peringkat menengah di Tingkatan 5. Murid peringkat rendah merangkumi murid dari Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik kohort murid yang tidak meneruskan persekolahan dari Tahun 6 pada tahun 2006 ke Tingkatan 1 pada tahun 2007 adalah pada kadar 7.65 peratus. Manakala murid kohort ini yang tidak meneruskan persekolahan ke Tingkatan 3 pada tahun 2009 adalah pada kadar 1.67 peratus dan yang tidak meneruskan persekolahan ke Tingkatan 5 pada tahun 2011 adalah pada kadar 3.55 peratus. Anggaran bilangan murid pada tahun 2012 yang tidak meneruskan persekolahan di peringkat menengah ialah seramai 38,692 orang.

Perlu ditegaskan bahawa, tidak semua murid tersebut tercicir terus daripada mengikuti sistem persekolahan, sebaliknya sebahagian besar murid ini sebenarnya meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah bukan di bawah kelolaan KPM seperti sekolah swasta, sekolah agama rakyat, Sekolah Menengah Persendirian Cina, sekolah antarabangsa dan belajar di sekolah-sekolah yang

tidak berdaftar dengan KPM seperti madrasah dan sebagainya. Berasaskan kajian yang telah dijalankan oleh KPM, faktor-faktor yang menyebabkan keciciran murid adalah kemiskinan, masalah keluarga, masalah kesihatan, tidak berminat terhadap pelajaran, masalah disiplin, berkahwin, tiada dokumen, menghadapi masalah pengangkutan ke sekolah, cacat, takut pergi ke sekolah, bekerja dan meninggal dunia.

Sehubungan itu, KPM telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Antaranya termasuk menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, mewujudkan dan memperluas program-program bantuan seperti menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan, Skim Baucar Tuisyen dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Selain itu juga, KPM telah menyediakan kemudahan asrama di sekolah-sekolah terpilih dalam usaha untuk mengatasi keciciran. KPM berkeyakinan langkah-langkah tersebut akan dapat mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid.

Rjm112

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH ]**  
**TARIKH : 1.10.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kursus-kursus yang diklasifikasikan sebagai kritikal dan telah tepu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan institusi pengajian tinggi (IPT) agar dapat melahirkan graduan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan guna tenaga negara dan antarabangsa. KPM juga telah mengenal pasti kursus-kursus atau bidang pengajian yang diklasifikasikan sebagai kritikal seperti berikut :

- a) Perubatan
- b) Pergigian
- c) Kejururawatan
- d) Undang-Undang
- e) Pendidikan

Sebagai langkah pengawalan, KPM telah mengenakan moratorium di mana IPT tidak lagi dibenarkan untuk menawarkan penambahan program akademik baharu dalam bidang pengajian tersebut supaya tidak berlaku lambakan graduan dalam pasaran pekerjaan. Bagi mengelakkan kuantiti graduan yang melebihi keperluan pasaran pula, Kementerian telah mengambil langkah pengawalan dengan mewajibkan supaya setiap institusi pengajian tinggi awam menjalankan kajian pasaran guna tenaga terhadap program akademik yang dihendak ditawarkan sebelum ianya diluluskan. Ini merangkumi peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta mengikut permintaan dalam pasaran semasa dan prospek jangka panjang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**  
**TARIKH** : **1.10.2013**  
**SOALAN** :

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pengelola SJKC dan SJKT yang sudah dan belum berdaftar dengan Ketua Pentadbir di bawah Seksyen 88 dan 89 Akta Pendidikan 1996.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah subseksyen 53(1) dan 53(2) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] menetapkan bahawa tiap-tiap institusi pendidikan hendaklah mempunyai surat cara pengelolaan yang meliputi penubuhan LPS dengan seorang pengerusi. Namun demikian, subseksyen 53(3) menyatakan bahawa subseksyen di atas tidak terpakai bagi institusi pendidikan kerajaan seperti Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2012 sebanyak 1,214 buah sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang terdiri dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) mempunyai Lembaga Pengelola Sekolah (LPS).

Rjm114

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [ BATU PAHAT ]**  
**TARIKH** : **1.10.2013**  
**SOALAN** :

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan kefahaman bahawa faktor guru adalah antara faktor utama dalam menentukan ketinggian martabat pendidikan dan keberkesanan proses pendidikan khususnya dalam hal pengajaran-pembelajaran (*teaching-learning*), apakah langkah-langkah konkrit yang telah dan akan dilaksanakan bagi mengangkat sahsiah guru dan keguruan, tahap profesionalisme guru dan peluang kemajuan kerjaya para pendidik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, kerajaan akan memperkenalkan laluan kerjaya guru berasaskan kompetensi dan prestasi menjelang 2016. Setakat ini pewujudan kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi adalah melalui urusan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) iaitu ke gred DGA34/DGA38 bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS). Selain itu, pemendekan tempoh melalui urusan kenaikan pangkat secara TBBK juga merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk mengiktiraf para pendidik di Malaysia.

Rjm115

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON**  
**[ IPOH BARAT ]**  
**TARIKH : 1.10.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) bilangan universiti yang dibina atau dibangunkan oleh Kerajaan; dan
- (b) beri statistik dalam pecahan mengenai bilangan kaum pelajar-pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi pengajian tinggi yang bertaraf universiti awam adalah 23 buah yang terdiri daripada 20 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan 3 buah Politeknik Premier. Ini tidak termasuk universiti dan kolej universiti di bawah Kerajaan negeri.
- (b) Bilangan pelajar mengikut kaum yang berada dalam sistem pendidikan tertiar adalah berubah-ubah mengikut tahun kemasukan dan permohonan pelajar. Secara umumnya, terdapat tiga kaum utama iaitu Melayu, India dan Cina termasuk juga kaum-kaum minoriti lain seperti Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, Orang Asli dan lain-lain kecuali di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kemasukan pelajar-pelajar ke IPTA berkenaan adalah berdasarkan kepada sistem meritokrasi iaitu 90 peratus pencapaian akademik dan 10 peratus kokurikulum.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' DR. MANSOR BIN OTHMAN**  
**[ NIBONG TEBAL ]**  
**TARIKH** : **1.10.2013**  
**SOALAN** :

**Dato' Dr. Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian ada menjalankan kajian saintifik kenapa peminjam-peminjam PTPTN gagal ataupun menghadapi kesukaran membayar balik pinjaman mereka. Jika ada, apakah punca-punca utamanya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, tidak kurang daripada empat kajian telah dilaksanakan oleh PTPTN dengan kerjasama agensi perunding yang menjurus kepada mencari pendekatan ke arah kelestarian dan memperkasakan kaedah kutipan balik pembiayaan PTPTN. Namun, tiada kajian spesifik dibuat yang hanya tertumpu kepada sebab kegagalan peminjam membayar balik pinjaman. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada peminjam, didapati antara punca yang dikenalpasti yang menyebabkan sebilangan besar peminjam tidak membuat bayaran balik pinjaman mereka ialah:

- a) Peminjam masih meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.
- b) Peminjam masih menganggur (belum memperoleh pekerjaan).
- c) Peminjam telah bekerja tetapi memperolehi pendapatan kecil yang tidak setimpal dengan kelulusan.
- d) Sikap peminjam sendiri yang tidak mahu untuk membuat bayaran balik. Perkara ini dibuktikan apabila sebahagian peminjam yang sebenarnya telah bekerja dan memperoleh pendapatan yang baik hanya mula datang berunding untuk memulakan bayaran balik selepas tindakan penguatkuasaan diambil seperti senarai hitam Imigresen.

Berdasarkan syor daripada kajian-kajian yang telah dijalankan, peningkatan sistem perkhidmatan kepada pelanggan menjadi fokus utama bagi memudahkan

peminjam menunaikan tanggungjawab bayaran balik pembiayaan masing-masing, antaranya:

- a) Memperbanyakkan dan mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji secara tetap melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).
- b) Menyediakan pelbagai saluran bagi kemudahan bayaran balik pembiayaan pendidikan antaranya melalui perkhidmatan kaunter dan perbankan internet dengan ejen-ejen yang dilantik seperti bank-bank tempatan dan Pos Malaysia.
- c) Bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan pihak swasta untuk mengesan peminjam.

PTPTN juga telah membuka pejabat cawangan di seluruh negara bagi mendekati masyarakat di dalam memberi khidmat nasihat dan rundingan yang lebih mesra pelanggan dengan perancangan bayaran balik yang mampu bayar oleh peminjam. Sehingga 31 Julai 2013, terdapat 12 Pejabat PTPTN Negeri (PPN), 2 *One Stop Centre* dan 4 Pejabat PTPTN Cawangan (PPC) telah beroperasi di seluruh negara iaitu PPN Selangor, PPN Perak, PPN Negeri Sembilan, PPN Kelantan, PPN Pulau Pinang, PPN Sarawak, PPN Melaka, PPN Pahang, PPN Terengganu, PPN Sabah, PPN Kedah/Perlis dan PPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Johor. *One Stop Centre* KL Sentral dan *One Stop Centre* Putrajaya serta PPC Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perak, UTC Pahang, UTC KL dan UTC Kedah.

Rjm117

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**  
**TARIKH** : **1.10.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci hasil siasatan mengenai aduan Puan Salammal Subramaniam yang bertarikh 4 Disember 2012 terhadap kursus International Teacher Training Programme Honours Bachelors Degree in Education yang ditawarkan oleh Fairview International School, Wangsa Maju tidak diiktiraf dan tiada kelulusan oleh pihak kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan siasatan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati *Fairview International School* adalah merupakan sebuah institusi pendidikan bertaraf sekolah. Oleh yang demikian, *Fairview International School* sebenarnya tidak dibenarkan untuk menawarkan program pengajian di peringkat tertiar. Dalam hal ini, hasil siasatan juga mendapati *Fairview International School* tidak mengendalikan program tersebut. Oleh itu, tiada sebarang kesalahan yang boleh disabitkan ke atas institusi tersebut.

Selain itu, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai agensi di bawah KPM selaku badan yang membuat perakuan akreditasi bagi program yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi juga tidak menerima sebarang aduan daripada Puan Salammal Subramaniam mengenai perkara ini. Memandangkan kes ini telah dibawa oleh pengadu ke mahkamah, KPM tidak boleh campur tangan dalam tuntutan mahkamah terhadap pengadu oleh *Fairview International School* kerana buat masa ini perkara tersebut berada di dalam tindakan mahkamah.

.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**  
**TARIKH : 1.10.2013**  
**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah keputusan arbitrase atas kes bangunan Sekolah Kebangsaan Danau Perdana yang telah terbengkalai lebih daripada 14 tahun di Taman Desa, Kuala Lumpur. Apakah rancangan Kementerian terhadap tapak bangunan sekolah itu memandangkan tapak itu telah dijadikan tempat pembiakan nyamuk.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Prosiding timbangtara bagi kes projek SK Danau Perdana telah diputuskan oleh *Kuala Lumpur Regional Center for Arbitration (KLRCA)* pada 21 November 2012 yang mana KLRCA telah menolak tuntutan daripada pihak penuntut, iaitu Dewan Perniagaan Melayu Kuala Lumpur terhadap Kerajaan Malaysia. Lanjutan kepada keputusan tersebut, Kerajaan Malaysia dibenarkan membuat tuntutan balas terhadap pihak Penuntut. Sehubungan itu, proses timbangtara di peringkat tuntutan balas Kerajaan Malaysia terhadap pihak Penuntut sedang dikendalikan oleh kamar Jabatan Peguam Negara.

Rjm119

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**  
**TARIKH : 2.10.2013**  
**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara pokoknya perbezaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dengan sistem yang sedia ada. Apakah bantahan utama terhadap PPPM termasuk cara meningkatkan penguasaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris tanpa menjejaskan bahasa ibunda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasarnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 tidak mengubah dasar pendidikan sedia ada dan masih mengekalkan elemen teras dalam pendidikan seperti peningkatan daripada segi ekuiti, kualiti akses, perpaduan dan kecekapan. Namun begitu PPPM 2013-2025 mempunyai keunikan daripada segi:

- a) penghasilan melibatkan dialog bersama masyarakat awam
- b) PPPM menyatakan dengan jelas sasaran yang hendak dicapai dan tempoh masa pelaksanaan bagi setiap inisiatif yang ditetapkan; dan
- c) Menubuhkan PADU bagi memastikan PPPM 2013-2025 dilaksanakan dengan berkesan.

Rjm121

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]**  
**TARIKH : 2.10.2013**  
**SOALAN :**

Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana boleh berlaku masalah lambakan guru serta langkah-langkah yang akan diambil untuk menanganinya, memandangkan enrolmen sekolah makin berkurang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang menjalankan Kajian Unjuran Keperluan dan Bekalan serta Dasar Penempatan dan Pertukaran Guru dan Kumpulan Pelaksana yang sedang dijalankan selama 12 bulan mulai Februari 2013 hingga Februari 2014. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- a) Mewujudkan kerangka baharu norma perjawatan guru yang responsif terhadap keperluan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan mengambil kira perubahan dasar-dasar pendidikan, tugas guru dan enrolmen murid.
- b) Mewujudkan kerangka baharu norma perjawatan kumpulan pelaksana yang responsif terhadap keperluan pentadbiran, perkhidmatan, pengurusan kewangan, stor dan aset sekolah.
- c) Memperkenalkan model baharu bagi unjuran keperluan dan bekalan guru berasaskan kajian terhadap norma perjawatan dan bekalan (penawaran) sedia ada dan *trend* pada masa hadapan serta kajian perbandingan dengan amalan masa kini dengan melibatkan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS).
- d) Merancang keperluan perkhidmatan guru KPM daripada segi unjuran keperluan, bekalan, pengambilan, penempatan dan pertukaran serta

mengenal pasti masalah yang berkaitan ke arah mengukuhkan pengurusan sumber manusia.

- e) Menganalisis dan menanda aras pelaksanaan unjuran keperluan, bekalan, pengambilan, penempatan dan pertukaran yang terbaik daripada institusi-institusi pendidikan lain dari dalam atau luar negara.
- f) Mencadangkan mekanisme pemantauan dalam memastikan model atau kerangka yang dicadangkan menepati keperluan KPM.

Kajian ini akan menghasilkan *output* seperti berikut:

- a) Kerangka baharu norma perjawatan guru dan Kumpulan Pelaksana yang dapat memenuhi keperluan KPM;
- b) Cadangan dasar, strategi dan pelan tindakan bagi pengambilan, penempatan dan pertukaran guru dan kumpulan pelaksana yang mantap; dan
- c) Mekanisme pemantauan bagi memastikan pelaksanaan model atau kerangka yang dicadangkan mencapai matlamat.

Rjm122

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 2.10.2013**

**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kaedah perlantikan Naib Canselor di universiti tempatan memandangkan UUM, USM, UKM dan UPSI semuanya merupakan individu yang cenderung kepada UMNO dan BN.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Seksyen 4A, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 memperuntukkan bahawa Menteri Pendidikan mempunyai kuasa untuk menubuhkan satu Jawatankuasa bagi menasihati beliau dalam membuat pelantikan Naib Canselor. Pada masa ini, Kementerian telah menubuhkan dua (2) Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Tetap Carian Naib Canselor bagi Universiti Penyelidikan dan Jawatankuasa Tetap Carian Naib Canselor bagi Universiti Bukan Penyelidikan bagi membantu Menteri Pendidikan dalam mengenal pasti calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai Naib Canselor.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh profesional dan tokoh akademik yang mampu untuk melaksanakan tanggungjawab dalam mengenal pasti calon-calon Naib Canselor yang berkaliber dan berkelayakan. Pemilihan Naib Canselor mengambil kira kriteria-kriteria dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ia juga mengambil kira pandangan profesional dan juga warga universiti itu sendiri. Melalui penubuhan Jawatankuasa Tetap ini, proses pemilihan Naib Canselor institusi pengajian tinggi (IPTA) menjadi lebih telus dan berintegriti tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang berkepentingan termasuk sokongan ahli politik.

Kriteria-kriteria yang ditetapkan dalam pemilihan Naib Canselor IPTA adalah meliputi keupayaan calon untuk memimpin dan mengurus, pencapaian akademik



yang unggul, pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, berintegriti dan berwibawa, fasih berkomunikasi terutamanya dalam bahasa Inggeris serta mempunyai keupayaan untuk memperoleh *command of respect* rakan-rakan akademiknya berdasarkan merit dan kredibiliti kesarjanaannya. Pencapaian dan sumbangan akademik calon juga perlu sangat istimewa kualiti dan nilainya. Ia juga termasuk mempunyai *authority* dalam disiplin ilmunya dan mampu memberikan kepimpinan akademik yang baik bukan sahaja kepada mahasiswa tetapi juga penyelidik, rakan akademik serta masyarakat. Pada masa ini, kecenderungan calon terhadap parti politik tertentu, bukan merupakan kriteria yang ditetapkan dalam pemilihan Naib Canselor IPTA.

Rjm123

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI**  
**[ SIPITANG ]**  
**TARIKH** : **2.10.2013**  
**SOALAN** :

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) usaha merapatkan jurang antara sekolah bandar dan luar bandar, khususnya dari segi pencapaian akademik ; dan
- (b) apakah dasar Kerajaan dalam soal penempatan guru-guru berijazah ke kawasan pedalaman dan terpencil di Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

- (a) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) mensasarkan 50 peratus pengurangan dalam jurang antara bandar dan luar bandar. Oleh itu, langkah-langkah untuk meningkatkan prestasi sekolah di luar bandar telah dinyatakan dalam PPPM iaitu :
  - Mengadakan Program Transformasi Daerah (SIP+) dengan menempatkan pembimbing pakar (SISC+) bagi membantu guru dan rakan pembimbing SIPartner+ bagi membantu guru besar/pengetua di sekolah;
  - Memperuntukkan dana bagi menambahbaik infrastuktur asas;
  - Meningkatkan bantuan kewangan (cth; KWAMP) yang dikaitkan dengan keberhasilan; dan
  - Menyediakan intensif kepada guru dan pemimpin sekolah di sekolah luar bandar
- (b) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan penempatan guru seluruh negara atas keperluan perkhidmatan dan kesesuaian pengkhususan mata pelajaran atau opsyen guru tersebut. Kriteria asas pelaksanaan penempatan guru adalah berdasarkan kepada:-

- keperluan/ kepentingan perkhidmatan terutamanya di luar bandar;
- mengisi kekosongan jawatan di luar bandar terutamanya kawasan pedalaman;
- mengisi keperluan opsyen/ mata pelajaran di kawasan luar bandar terutamanya kawasan pedalaman.

Rjm124

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL**  
**TOYAD**

**ABDULLAH [ MUKAH ]**

**TARIKH : 2.10.2013**

**SOALAN :**

**Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratus graduan belum mendapat pekerjaan selepas enam bulan mendapat ijazah pertama. Apakah langkah-langkah untuk memenuhi keperluan suasana pekerjaan semasa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dijalankan semasa hari konvokesyen, graduan Ijazah Sarjana Muda institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang telah bekerja dalam tempoh enam bulan selepas bergraduat adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Graduan	% Graduan Bekerja
2011	86,749	<b>75.4%</b>
2012	91,348	<b>71.4%</b>

Bagi memastikan siswazah mempunyai kemahiran untuk bekerja, KPM telah mengambil inisiatif untuk menjalankan program kebolehpasaran graduan (GE). Fokus utama program GE adalah untuk meningkatkan nilai tambah pelajar daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah yang diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar berkenaan memperoleh pekerjaan yang sesuai dan relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor. Program GE yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- a) *Structured Internship Programs*;
- b) Program Pentauliahan Profesional (*Certification*);
- c) *Bridging the GAP*; dan

- d) Program Keusahawanan yang lebih terancang dan holistik di bawah Dasar Pembangunan Keusahawanan.

Rjm125

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH]**  
**TARIKH : 2.10.2013**  
**SOALAN :**

Tuan Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mendedahkan projek-projek pembinaan sekolah yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang dijanjikan dari tahun 2010 hingga Jun 2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dari tahun 2010 hingga Ogos 2013, hanya 48 buah sekolah daripada 145 buah sekolah yang baru dibina tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang dijanjikan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memantau dan menyelesaikan perkara ini secara berkala melalui mekanisme Jawatankuasa Projek Sakit.

Rjm126

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [ PENDANG ]**  
**TARIKH : 2.10.2013**  
**SOALAN :**

**Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan mata pelajaran al-Quran selama satu jam sehari dari tahun satu hingga ke tingkatan enam kepada murid-murid dan pelajar-pelajar Islam di semua sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak bercadang lagi untuk memperkenalkan mata pelajaran al-Quran dengan peruntukan selama satu jam sehari dari tahun satu hingga ke tingkatan enam kepada murid-murid Islam di semua sekolah. Walau bagaimanapun, KPM telah melaksanakan pendidikan al Quran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bidang Tilawah dan Tafsir dengan peruntukan masa yang telah ditetapkan.

KPM juga melaksanakan program j-QAF kepada semua murid Islam Sekolah Rendah yang memperuntukkan enam bulan pertama penekanan dan penumpuan khusus pendidikan al-Quran dengan menggunakan kaedah Iqra' kepada murid Tahun 1. Program ini juga mengkhususkan aktiviti Tasmi' dalam jadual waktu mulai tahun 2014.

Rjm127

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR  
BIN MUSA [ KETEREH ]**  
**TARIKH** : **2.10.2013**  
**SOALAN** :

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan bagi memperbaiki pengurusan PTPTN terutama dari segi kutipan semula pinjaman agar ianya lebih cekap dan berkesan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Peningkatan sistem perkhidmatan kepada pelanggan menjadi fokus utama PTPTN bagi memudahkan peminjam menunaikan tanggungjawab bayaran balik pembiayaan masing-masing. Beberapa kaedah telah dilaksanakan oleh PTPTN untuk kemudahan peminjam serta bagi meningkatkan kutipan bayaran balik, antaranya:

- a) Memperbanyak dan mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji secara tetap melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).
- b) Menyediakan pelbagai saluran bagi kemudahan bayaran balik pembiayaan pendidikan antaranya melalui kaunter dan perbankan internet ejen-ejen yang dilantik seperti bank-bank tempatan dan Pos Malaysia.
- c) Bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan pihak swasta untuk mengesan peminjam.

PTPTN juga sentiasa merancang kaedah-kaedah baru bagi meningkatkan prestasi pengurusan PTPTN dan mendekatkan lagi PTPTN dengan pelanggan. Antaranya adalah dengan menubuhkan cawangan PTPTN di seluruh negara. Sehingga 31 Ogos 2013, terdapat 12 Pejabat PTPTN Negeri (PPN), 2 *One Stop*



*Centre* dan 4 Pejabat PTPTN Cawangan (PPC) yang telah beroperasi di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula 1 Disember 2012, PTPTN juga telah mewujudkan sistem Pegawai Tanggungjawab (PTJ) di mana setiap pegawai PTPTN ditugaskan untuk menyelia hampir 6,500 penerima biaya PTPTN. PTJ akan berhubung secara terus dengan penerima biaya berkaitan soal bayaran balik dan menjawab setiap persoalan berkenaan pembiayaan pendidikan penerima biaya di bawah seliaan mereka. Mereka juga akan bertindak dalam melakukan pemantauan dan tindakan susulan bagi mengemaskini rekod penerima biaya di bawah seliaan masing-masing.

Rjm128

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]**  
**TARIKH : 2.10.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status janji pilihan raya murid 1 laptop serta adakah setiap murid benar-benar akan mendapat sebuah komputer riba atau adakah ia akan dikongsi sesama murid.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang mengkaji beberapa opsyen untuk pelaksanaan janji pilihanraya 1 murid 1 peranti. Hasrat KPM ialah setiap murid di sekolah KPM dibekalkan dengan satu peranti untuk meningkatkan keberhasilan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penelitian untuk pelaksanaan ini mengambil kira beberapa aspek, antaranya:

- a) Memanfaatkan infrastruktur sedia ada
- b) Menggunakan program sedia ada seperti pembekalan 400,000 netbook 1Malaysia secara percuma oleh SKMM.
- c) Melakukan Kajian yang menyentuh kesesuaian teknologi baru, pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran menggunakan 1 peranti (*device*) satu murid dan juga kaedah model pembiayaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]**  
**TARIKH : 3.10.2013**  
**SOALAN :**

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian menggalakkan pelajar di semua sekolah menengah meneladani MRSM untuk mengambil peperiksaan luar seperti IB dan Cambridge IGCSE selain daripada wajib menduduki peperiksaan awam yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semua sekolah yang di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tertakluk menggunakan kurikulum kebangsaan dan ditaksir melalui sistem peperiksaan kebangsaan.

Pihak KPM tidak mengalakkan pelajar sekolah mengambil peperiksaan luar seperti *International Baccalaureate* (IB) dan IGCSE. Walau bagaimanapun, merujuk kepada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Bahagian V, Seksyen 69, jika sesebuah institusi pendidikan ingin mengendalikan atau mengadakan apa-apa peperiksaan bagi mana-mana murid institusi pendidikan, maka ianya hendaklah mendapat kelulusan bertulis Pengarah Peperiksaan terlebih dahulu dan pihak Pengarah Peperiksaan boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma dan syarat yang difikirkannya patut.

Penawaran peperiksaan daripada mata pelajaran lain atau kurikulum lain di luar kurikulum kebangsaan seperti *International Baccalaureate* (IB) dan *International Competitions and Assessments For Schools* (ICAS) adalah salah satu autonomi yang diberikan kepada Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Ini akan memberi nilai tambah untuk murid bersaing di peringkat antarabangsa.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [ TUARAN ]**  
**TARIKH** : **3.10.2013**  
**SOALAN** :

**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa sekolah yang menawar pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di seluruh negara dan berapa lagi sekolah yang akan menawarkan mata pelajaran ini dalam kurikulum KSSR.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Jun 2013, sebanyak 408 buah sekolah (370 sekolah rendah dan 38 buah sekolah menengah) menawarkan kurikulum mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di seluruh negeri Sabah. Kesemua 370 buah sekolah rendah dalam senarai tersebut turut menawarkan mata pelajaran Bahasa Kadazandusun Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

Perluasan bilangan sekolah yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Kadazandusun bergantung kepada permohonan sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri dan bilangan guru yang mencukupi.

Rjm131

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 3.10.2013**

**SOALAN :**

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah peruntukan yang disediakan bagi membina sekolah baru bagi tahun ini berikutan jumlah pelajar yang kian bertambah di seluruh negara; dan
- (b) berapa buah sekolah dibina di negeri Sabah, terutama di kawasan Parlimen Libaran sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Peruntukan sebanyak RM135 juta telah disediakan bagi pembinaan sekolah-sekolah baru di seluruh negara pada tahun 2013.
- (b) Sejak tahun 2006 sehingga kini, sebanyak 36 buah sekolah menengah dan 23 buah sekolah rendah baru telah dibina di Sabah. Bagi kawasan Parlimen Libaran khususnya, sebuah sekolah rendah dan dua (2) buah sekolah menengah baru telah dibina, iaitu SK Sungai Kayu, SMK Merpati dan SMK Tinusa.

Rjm132

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA  
MERICAN [ KEPALA BATAS ]**

**TARIKH : 3.10.2013**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) benar-benar mampu melonjak kualiti pendidikan tinggi negara ke tahap yang lebih baik. Sejauh mana pencapaian â€˜Teras 3: Memperteguh Penyelidikan dan Inovasiâ€™™ setakat hari ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah berjaya mengubah landskap pengajian tinggi negara menerusi inisiatif, bidang tujuan serta pelaksana utama PSPTN terhadap teras strategik. PSPTN berjaya memacu peningkatan kualiti pengajian tinggi negara. Berdasarkan penarafan U21 Ranking of National Higher Education Systems 2013 yang mengukur kualiti sistem pengajian tinggi menunjukkan sistem pengajian tinggi negara berjaya menduduki tangga ke-27 terbaik dunia daripada 50 negara berbanding kedudukan ke-36 pada tahun 2012 daripada 48 negara.

Antara pencapaian yang telah dicapai dalam kualiti pengajian tinggi negara iaitu:

- a) Jumlah tenaga akademik yang memiliki Doktor Falsfah (Ph.D) di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pada tahun 2012 adalah seramai 11,538 orang di mana berlaku peningkatan sebanyak 23% berbanding 2010 hanya seramai 9,401 orang. Peningkatan signifikan ini akan menyumbang kepada peningkatan penyelidikan di IPTA dan juga peningkatan enrolmen di dalam program pasca siswazah.
- b) Faktor impak kumulatif dalam jurnal berindeks pula mencatatkan peningkatan yang sangat besar, iaitu sebanyak 464% dari tahun 2010 sebanyak 2,454 ke tahun 2012 sebanyak 13,840. Faktor impak merupakan

satu indikator kualiti sesuatu jurnal yang dirujuk oleh penyelidik. Jika sesuatu jurnal itu mempunyai faktor impak yang tinggi ia merupakan satu indikator bahawa artikel yang diterbitkan di dalamnya banyak dipetik (*cited*) oleh penyelidik lain.

- c) Berdasarkan laporan *Research Output for Malaysia, Singapore, South Korea & Thailand, Year 1996-2011*, yang dikeluarkan oleh SCImago Journal and Country Rank 2012, pencapaian penerbitan di Malaysia secara keseluruhannya telah mendapat tempat kedua, selepas Korea Selatan, mengatasi Singapura dan Thailand. Bilangan penerbitan dalam Jurnal ISI, yang dihasilkan melalui hasil penyelidikan bagi tahun 2011 adalah sebanyak 18,000 artikel berbanding 14,000 artikel dari Singapura. Jurnal ISI merupakan penanda aras antarabangsa yang mana artikel-artikel yang berkualiti sahaja yang akan diterbitkan dalam jurnal ini.
- d) Keputusan laporan 2013 QS University Ranking Asia pula, kesemua Universiti Penyelidikan (RU) Malaysia telah mendapat kedudukan antara 100 universiti terbaik di Asia:
- |                                |      |
|--------------------------------|------|
| Universiti Malaya              | - 33 |
| Universiti Kebangsaan Malaysia | - 57 |
| Universiti Sains Malaysia      | - 61 |
| Universiti Teknologi Malaysia  | - 68 |
| Universiti Putra Malaysia      | - 72 |
- e) Universiti Malaya telah mendapat tempat ke-167 dalam QS World Ranking 2013.
- f) Meningkatkan prestasi IPT tempatan melalui sistem penarafan seperti MyQuest, dan SETARA.

Rjm133

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]**  
**TARIKH** : **3.10.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana sambutan peminjam PTPTN terhadap tawaran menjelaskan pinjaman tertunggak sepenuhnya dengan diskaun 20 peratus. Berapakah peminjam yang sedang aktif menjelaskan pinjaman dan tidak aktif untuk satu tempoh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhan, seramai 48,495 peminjam telah membuat penyelesaian penuh pinjaman PTPTN bagi tempoh 1 Oktober 2012 sehingga 31 Ogos 2013, dengan amaun kutipan sebanyak RM355.4 juta, selepas ditolak diskaun 20 peratus sebanyak RM88.9 juta. Jumlah ini adalah termasuk penyelesaian penuh yang dibuat oleh seramai 3,384 peminjam yang telah disenarai hitam oleh PTPTN dengan amaun sebanyak RM21.8 juta, selepas ditolak diskaun 20 peratus sebanyak RM5.5 juta.

Sehingga 31 Ogos 2013, seramai 1,341,373 peminjam perlu membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM9.3 bilion. Jumlah ini tidak termasuk seramai 15,356 peminjam yang diluluskan penangguhan bayaran balik disebabkan menyambung pelajaran atau masih belum bekerja yang melibatkan amaun sebanyak RM129.8 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 887,337 (66.1 peratus) peminjam telah membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM4.5 bilion (48 peratus). Manakala, sebanyak RM3.2 bilion adalah merupakan jumlah tunggakan oleh seramai 454,036 peminjam yang tidak membuat bayaran balik dan RM1.7 bilion adalah tunggakan oleh peminjam yang dibenarkan membayar ansuran lebih rendah daripada ansuran sebenar.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**  
**TARIKH** : **3.10.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah murid bumiputera yang belajar di sekolah-sekolah yang beraliran Bahasa Cina dan Tamil di negara ini. Apakah sebab murid-murid bumiputera suka belajar di sekolah-sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan murid bumiputera yang belajar di sekolah aliran Bahasa Cina dan Tamil di Malaysia seperti pada 31 Ogos 2013 ialah seramai **63,283** orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara Malaysia mengamalkan prinsip pendemokrasian pendidikan. Oleh itu, ibu bapa diberi peluang untuk memilih dan menentukan corak pendidikan anak mereka mengikut kehendak ibu bapa masing-masing. Pada peringkat pendidikan rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menawarkan pendidikan dan kurikulum yang seragam untuk semua Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) walaupun menggunakan bahasa pengantar yang berbeza. Oleh itu, semua murid di sekolah rendah mendapat input pengetahuan yang sama walaupun menggunakan bahasa pengantar yang berbeza.

Rjm135

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**  
**TARIKH : 3.10.2013**  
**SOALAN :**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan IPTS yang menawarkan kursus ijazah perubatan serta bilangan pelajar di setiap IPTS tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 23 September 2013 terdapat 22 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dengan jumlah keseluruhan pelajar seramai 10,558 orang. Antara IPTS yang mempunyai bilangan pelajar tertinggi adalah Kolej Perubatan Melaka–Manipal iaitu seramai 1,623 orang, diikuti oleh International Medical University seramai 1,523 orang, Management And Science University seramai 1,300 orang dan Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia seramai 1,161 orang.

Rjm136

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]**  
**TARIKH : 3.10.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kos keseluruhan serta bilangan guru dan sekolah yang terlibat dalam English Language Teacher Development Project (ELTDP) oleh British Council, dan Teaching English Language and Literacy (TELL) oleh Brighton Education Group.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan kapasiti guru Bahasa Inggeris, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melantik tiga (3) juru runding iaitu British Council, Brighton Education Group dan SMR HR Group. Kos keseluruhan bagi pembiayaan program oleh ketiga-tiga juru runding tersebut adalah sebanyak RM89.5 juta setahun untuk tempoh tiga tahun (2011-2013). Setiap kumpulan juru runding tersebut membekalkan 120 orang mentor dari luar negara. Seramai 360 orang penutur jati memberikan khidmat peningkatan kapasiti kepada 7,500 guru bahasa Inggeris Tahap 1 daripada 1,800 sekolah rendah yang terpilih di seluruh Malaysia terlibat dalam program tersebut.

Pihak British Council dilantik untuk memberi pementoran di sekolah terpilih meliputi kawasan di Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak. Manakala Brighton Education Group pula memberi perkhidmatan pementoran di sekolah-sekolah terpilih di Kelantan, Terengganu, Pahang, Melaka, Johor dan Negeri Sembilan. Di samping memberi perkhidmatan pementoran di sekolah, Brighton Education Group juga menyediakan 15 orang penutur jati sebagai *Training Fellows* di 5 buah Pusat Kecemerlangan Bahasa Inggeris (PKBI) yang terletak di Sabah, Sarawak, Terengganu, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Kedua-dua juru runding ini dilantik kerana mereka telah dikenal pasti berupaya untuk memberi khidmat kepakaran berdasarkan kepada kelayakan, pengalaman

dan kemahiran pedagogi yang tinggi terutama di dalam bidang *English Language Teaching for Young Learners*.

Rjm137

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**  
**TARIKH : 3.10.2013**  
**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Sekolah Menengah Chong Hwa Kuantan sebuah SMPC dan sama ada sekolah tersebut perlu menggunakan PBS (Penilaian Berasaskan Sekolah)

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah Menengah Chong Hwa, Kuantan telah diluluskan sebagai institusi pendidikan swasta pada 26 Julai 2012. Seperti yang termaktub di dalam surat kelulusan dan permohonan asal, sekolah ini akan menjalankan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) seperti yang dipohon dan pada waktu yang sama, ada melaksanakan kurikulum di luar kurikulum kebangsaan yang ditentukan oleh pihak sekolah. Mana-mana sekolah yang menggunakan kurikulum kebangsaan wajib menjalankan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di sekolahnya.

Rjm138

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTA JAM ]**  
**TARIKH** : **3.10.2013**  
**SOALAN** :

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa projek pembinaan padang SK Machang Bubok masih belum terlaksana walaupun dipohon sejak tahun 2008 dan dimaklumkan telah lulus pada tahun 2010. Sila berikan jadual pelaksanaan secara konkritnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk melaksanakan setiap projek yang dirancang dengan baik. Walau bagaimanapun, bagi permohonan projek pembinaan padang SK Machang Bubok, KPM tidak pernah menerima permohonan berkaitan perkara tersebut. Kementerian akan meneliti perkara tersebut untuk pertimbangan sekiranya terdapat permohonan dan justifikasi kukuh berhubung perkara ini.

Rjm139

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON**  
**[ IPOH BARAT ]**

**TARIKH** : **3.10.2013**

**SOALAN** :

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengadakan satu peperiksaan yang sama untuk masuk ke universiti supaya wujud satu persaingan yang adil di antara lulusan STPM dan Matrikulasi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum merancang untuk menggantikan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan peperiksaan Matrikulasi. Ini kerana pengajian Tingkatan 6 ialah pendidikan prauniversiti yang mempunyai dua fungsi utama, iaitu:

- a) Pengajian Tingkatan 6 (STPM) merupakan tiket untuk masuk ke IPTA dan menyediakan pelajar untuk mengikuti pelbagai kursus; dan
- b) Sijil STPM juga diiktiraf sebagai kelayakan masuk ke universiti-universiti luar negara. Justeru, mereka yang tidak dapat masuk ke IPTA masih berpeluang memohon masuk ke universiti-universiti luar, sama ada universiti berkembar dalam negara atau universiti luar negara.

Dalam konteks ini, peperiksaan STPM menawarkan pelbagai mata pelajaran bagi keperluan kursus di universiti, seperti mata pelajaran bahasa, Sejarah, Geografi, Komputer, Perakaunan, Matematik, mata pelajaran sains dan pelbagai mata pelajaran lain. Selain daripada itu, peperiksaan STPM ditawarkan bukan sahaja kepada calon sekolah malah kepada calon-calon persendirian/individu kerana dalam pendemokrasian pendidikan, kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi tidak seharusnya berasaskan kepada satu peperiksaan sahaja. Pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi mestilah juga menimbangkan calon-calon yang tidak berpeluang masuk ke sekolah bagi mengikuti pendidikan prauniversiti.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN**  
**[ MASJID TANAH ]**

**TARIKH** : **3.10.2013**

**SOALAN** :

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan dan langkah-langkah yang diambil bagi memartabatkan bahasa kebangsaan dalam kalangan rakyat. Adakah Kementerian merancang untuk menambah lagi langkah-langkah untuk diambil pada masa akan datang.

.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan bahasa Melayu jelas sebagai bahasa kebangsaan dan hendaklah digunakan dalam segala urusan rasmi negara seperti yang dinyatakan dalam Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan. Ini diperteguh oleh Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32] yang memperuntukkan bahawa “kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam Akta ini dan tertakluk kepada perlindungan-perindungan yang terkandung dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dalam Malaysia, bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi”. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai badan yang mendukung dasar kerajaan telah melaksanakan berbagai-bagai usaha untuk memastikan semua pihak mematuhi apa-apa dasar yang telah digariskan dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan) 1995 seperti menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan, termasuklah memberikan arahan, ulasan, nasihat, bantuan, bimbingan, latihan dan pengawasan. Sebagai agensi yang berfungsi untuk mengembangkan bahasa kebangsaan bukan sahaja pada sektor awam tetapi swasta, berbagai-bagai kaedah yang digunakan termasuklah melalui peneguhan dasar bahasa, perkhidmatan, pemantauan, penyebaran, pemupukan, dan penataran bahasa.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui DBP sentiasa menjalankan pelbagai usaha untuk memperkukuh kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa



kebangsaan dan bahasa rasmi negara melalui program-program memartabatkan bahasa Melayu. Selain usaha-usaha yang biasa dilakukan, kini DBP giat menjalankan kerjasama strategik dengan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan melalui jawatankuasa bersama untuk melakukan pemantauan bahasa dari semasa ke semasa.

DBP juga telah meningkatkan keupayaan laman web DBP dengan menambah komponen *Gerbang Kata* untuk kegunaan penjawat awam dan orang ramai. Komponen baharu ini, selain membicarakan makna kata, peribahasa, seloka pantun, juga memberikan peluang kepada pengunjung mencadangkan kata-kata baharu atau makna-makna baharu kepada penyusun kamus DBP. Selain itu, terdapat pelbagai maklumat tentang kata dalam komponen tersebut.

Usaha terkini yang sedang giat dilaksanakan di Pejabat-pejabat Kerajaan ialah program audit bahasa Melayu. Pihak DBP telah menjalankan Audit Bahasa Melayu di Jabatan Perkhidmatan Awam pada 22 hingga 26 April 2013, di Kementerian Pendidikan Malaysia dari 22 hingga 26 Julai 2013, di Kementerian Kewangan Malaysia dari 29 Julai hingga 2 Ogos 2012 dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dari 23 hingga 27 September 2013. Program ini melihat dua aspek utama iaitu sejauh mana bahasa Melayu digunakan dalam perkhidmatan awam serta mutu dan kualiti bahasa Melayu yang digunakan. Impak program Audit Bahasa Melayu ini akan memberikan kesedaran kepada kesemua penjawat awam dari peringkat bawah hinggalah ke peringkat tinggi tentang pentingnya menggunakan bahasa kebangsaan untuk urusan rasmi dan dengan baik dan betul.

Program Audit Bahasa Melayu ini juga dapat diperluaskan untuk pihak-pihak lain, seperti Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (*GLC*).

Dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan di tempat awam pula, DBP memberi khidmat pengesahan bahasa dalam iklan dan penamaan tempat awam. DBP telah menerbitkan buku *Garis Panduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan* pada tahun 1996 untuk dirujuk oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan orang awam.

Selain itu, DBP juga sedang menyediakan kertas pertimbangan untuk dikemukakan dalam mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri bagi meluluskan cadangan mewajibkan setiap iklan di tempat awam dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mendapat pengesahan DBP dari segi penggunaan bahasa Melayu yang betul. DBP juga akan menerbitkan buku *Tatacara Pengesahan Bahasa dalam Iklan* yang mengandungi proses kerjapengesahan bahasa dalam iklan yang diterima secara kunjungan, e-mel dan dalam talian. Seterusnya DBP dengan kerjasama Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) telah menerbitkan buku *Panduan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Media Massa*. Buku ini boleh juga dirujuk oleh PBT, pengiklan dan orang awam.

DBP dengan kerjasama PBT juga turut membuat pemantauan penggunaan bahasa Melayu di tempat awam dan telah menurunkan papan-papan tanda yang tidak mendapat lesen oleh PBT dan yang terdapat kesalahan bahasa. Selain usaha yang dinyatakan di atas, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui DBP terus memperkukuh usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu melalui program-program penerbitan, pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu termasuklah:

- a) Menerbitkan bahan ilmu dalam bahasa Melayu melalui penerbitan berpakej untuk tiga bidang ilmu merangkumi bidang bahasa, sastera dan umum yang meliputi 70 subbidang ilmu dan akan ditingkatkan dari semasa ke semasa.
- b) Menerbitkan bahan-bahan kajian dalam bahasa Melayu dengan kerjasama institusi pengajian tinggi seperti Universiti Sains Malaysia serta badan-badan kerajaan seperti Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Perhutanan Malaysia dan lain-lain.
- c) Menerbitkan bahan rujukan, buku-buku panduan dan pedoman bahasa Melayu yang boleh digunakan oleh pelajar dan pensyarah seperti kamus ekabahasa dan dwibahasa, kamus istilah dalam bidang sains asas, sains gunaan dan sains sosial, ensiklopedia umum dan khusus, glosari dan tesaurus.
- d) Membangunkan dan menyediakan prasarana rujukan untuk mempermudah dan mempercepat capaian kepada bahan rujukan secara maya melalui Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM).
- e) Memberi pengiktirafan kepada pihak yang menunjukkan kecemerlangan dan komitmen yang tinggi dalam memartabatkan bahasa Melayu termasuklah memberikan Anugerah Tokoh Ilmuwan Bahasa Kebangsaan dan Hadiah Bulan Bahasa Kebangsaan.
- f) Melaksanakan pelbagai program pengembangan berbentuk pertandingan dan bengkel penataran bahasa seperti pertandingan debat, pertandingan pidato dan bicara karya yang melibatkan penjawat awam dan pelajar IPT pelbagai kaum.
- g) Melaksanakan Bulan Bahasa Kebangsaan sebagai satu agenda nasional yang digerakkan secara besar-besaran dan meluas di seluruh negara untuk memperkukuh keyakinan masyarakat pelbagai kaum terhadap keupayaan dan potensi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa komunikasi dan bahasa perpaduan selaras dengan konsep 1Malaysia.

Usaha untuk mengangkat martabat dan mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara akan terus ditingkatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dari semasa ke semasa melalui pelbagai program dan projek. Namun demikian, tugas penting ini tidak seharusnya diletakkan di bahu Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja, khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi tugas semua kementerian dan seluruh rakyat Malaysia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN NASARUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH]**  
**TARIKH : 3.10.2013**  
**SOALAN :**

**Tuan Nasarudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada Majlis Perwakilan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam dari tahun 2010-2012.

.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menyalurkan sebarang peruntukan khas kepada Majlis Perwakilan Pelajar di institusi pengajian tinggi awam. Walau bagaimanapun, KPM ada menyalurkan peruntukan bagi pelaksanaan Program Pembangunan Sahsiah Pelajar bagi institusi pengajian tinggi.

Rjm143

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI**  
**[ KUALA NERUS ]**  
**TARIKH** : **3.10.2013**  
**SOALAN** :

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini Hospital Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, pembangunan Hospital Universiti Sultan Zainal Abidin berada di peringkat Pra-Kelayakan Tender. Kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan dalam suku pertama tahun 2014.

Rjm144

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**  
**TARIKH** : **3.10.2013**  
**SOALAN** :

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru dari suku kaum Murut mengikut gred yang mengajar di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di- Pertua,

Jumlah keseluruhan guru berbangsa Murut di Malaysia seperti pada 31 Ogos 2013 ialah seramai **715** orang. Seramai **522** orang guru mengajar di **sekolah rendah** dalam pelbagai gred jawatan. Hal ini meliputi seramai **516** orang guru berbangsa Murut di **sekolah kebangsaan**. Manakala **193** orang guru berbangsa Murut dalam pelbagai gred jawatan mengajar di **sekolah menengah kebangsaan** di seluruh negara.

Rjm145

Soalan No :

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA**  
**[ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH** : **3.10.2013**

**SOALAN** :

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan Kolej Vokasional dan sambutan yang diterima dari pelajar lepasan SPM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kolej Vokasional bermula pada tahun 2012. Sehingga tahun 2013, terdapat 72 buah Kolej Vokasional di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program Kolej Vokasional juga ditawarkan di 11 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan empat (4) buah institusi pengajian swasta iaitu *Malaysian Aviation Training Academy* (MATA), *Malaysia Institute Of Technology Academy* (MIT), KRU Academy dan Ranaco.

Program Kolej Vokasional ditawarkan kepada pelajar lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Sambutan yang diterima amat menggalakkan. Sebanyak 117,500 permohonan telah diterima untuk mengikuti program Kolej Vokasional pada tahun 2013 dan pengambilan telah dibuat melebihi 100%. Selain daripada itu sambutan daripada pihak industri juga menunjukkan respon yang menggalakkan apabila sebanyak 73 industri telah menjalinkan hubungan persefahaman dengan semua Kolej Vokasional di seluruh negara.

Rjm146

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [ JELEBU ]**  
**TARIKH : 3.10.2013**  
**SOALAN :**

Tuan Haji Zainudin bin Ismail [ Jelebu ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan program dan perancangan Kementerian sama ada menerusi sukatan pelajaran, mata pelajaran baharu atau lain-lain pendekatan agar pelajar dan siswazah yang lahir daripada sistem pendidikan negara ini mempunyai kecintaan yang tinggi terhadap negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem pendidikan yang kita amalkan di negara ini, sebenarnya tidak hanya memberi tumpuan akademik dan kemahiran semata-mata, tetapi juga memberi tumpuan kepada pemupukan dan pembudayaan nilai-nilai murni dalam kalangan murid sekolah dan pelajar di Pusat Pengajian Tinggi, yang digubal berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menyediakan program pendidikan yang dapat melahirkan murid yang mempunyai nilai-nilai patriotik dan bangga terhadap negara.

Di peringkat sekolah, pemupukan dan pembudayaan nilai-nilai murni dilaksanakan dan cintakan negara melalui:

- a) Memperkukuh Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Semangat patriotik adalah antara elemen yang dipupuk melalui program RIMUP;
- b) Memperkukuh kurikulum Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral dengan memasukkan nilai seagat dan cinta kepada Negara; dan
- c) Semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) akan mengkaji keperluan murid terlibat dengan khidmat komuniti.

Manakala, di peringkat pengajian tinggi pula, pelajar diwajibkan mengambil mata pelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) serta Hubungan Etnik. Di samping itu, program yang bersesuaian juga disediakan sebagai platform bagi membincangkan pelbagai perkara termasuklah isu pengukuhan pembangunan dan perpaduan negara, seperti Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri. Hal ini bertujuan untuk menyediakan modal insan yang mempunyai jati diri yang utuh, cinta kepada negara, mengamalkan nilai-nilai murni dan saling menghormati sebagai rakyat dalam masyarakat majmuk.

Rjm147



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**  
**TARIKH : 3.10.2013**  
**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan peperiksaan kemasukan universiti yang sama bagi semua pelajar untuk menggantikan STPM, matrikulasi dan peperiksaan yang lain. Apakah universiti awam tempatan mengiktirafkan keputusan peperiksaan Unified Examination Certificate (UEC) sebagai syarat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk mengadakan peperiksaan lain untuk kemasukan pelajar ke universiti dan masih meneruskan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan program matrikulasi. Ini kerana pengajian Tingkatan Enam ialah pendidikan prauniversiti yang mempunyai dua fungsi utama, iaitu:

- a) Pengajian Tingkatan Enam (STPM) merupakan tiket untuk masuk ke IPTA dan menyediakan pelajar untuk mengikuti pelbagai kursus; dan
- b) Sijil STPM juga diiktiraf sebagai kelayakan masuk ke universiti-universiti luar negara. Justeru, mereka yang tidak dapat masuk ke IPTA masih berpeluang memohon masuk ke universiti-universiti luar, sama ada universiti berkembar dalam negara atau universiti luar negara.

Dalam konteks ini, peperiksaan STPM menawarkan pelbagai mata pelajaran bagi keperluan kursus di universiti. Selain daripada itu, peperiksaan STPM ditawarkan bukan sahaja kepada calon sekolah malah kepada calon-calon persendirian/individu kerana dalam pendemokrasian pendidikan, kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi tidak seharusnya berasaskan kepada satu peperiksaan sahaja. Pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi mestilah juga menimbangkan calon-calon yang tidak berpeluang masuk ke sekolah bagi mengikuti pendidikan prauniversiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengiktirafan Sijil Gabungan Sekolah Cina (UEC) adalah di bawah bidang kuasa agensi pusat. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuka ruang kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memiliki UEC dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk mengikuti **pengajian Bahasa Cina** di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Pada masa ini, KPM masih belum menerima UEC yang dikeluarkan oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) sebagai kelayakan masuk ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Kolej Tuanku Abdul Rahman dan program-program IPTS yang difrancais daripada IPTA, memandangkan sistem pengajaran dan pembelajaran MICSS tidak mengguna pakai dasar dan kurikulum sistem Pendidikan Kebangsaan.

Rjm148

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]**  
**TARIKH : 3.10.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Datuk Jumat Bin Idris [ Sepanggar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pelajar Malaysia yang dihantar untuk melanjutkan pengajian di negara-negara yang bergolak pada ketika ini; dan
- (b) apakah perancangan jangka panjang Kementerian untuk mengurangkan kebergantungan untuk menghantar pelajar Malaysia ke negara-negara bergolak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 31 Julai 2013 terdapat seramai 11,145 orang pelajar Malaysia yang mengikuti pelbagai bidang pengajian di sembilan(9) buah universiti di Mesir. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,587 (59.1%) pelajar adalah di bawah tajaan Kerajaan dan 4,558 (40.9%) pelajar adalah secara persendirian.
- (b) Kesan Ops Piramid I dan II sangat menjejaskan pengajian pelajar serta menyebabkan kerugian yang besar bagi pelajar, ibu bapa dan kerajaan Malaysia.

Krisis di Mesir ini boleh dijadikan sebagai asas pertimbangan untuk Kerajaan mengkaji semula penghantaran pelajar Malaysia ke negara bergolak seperti Mesir. Melalui maklumat yang dikumpul, strategi yang sesuai dapat dirangka agar penghantaran pelajar Malaysia ke negara bergolak seperti Mesir pada masa hadapan dengan menyediakan akses pengajian tinggi yang lebih meluas dengan menambah bilangan tempat pengajian di institut pengajian tinggi (IPT) di Malaysia.

Universiti Al-Azhar juga telah bersetuju secara prinsipnya untuk membuka kampus cawangan pertama luar negara di Malaysia yang akan beroperasi di kampus sementara di Nilai, Negeri Sembilan bermula September 2014. Sebagai permulaan, sebanyak 3 kursus akan ditawarkan iaitu Usuluddin, Syariah dan Bahasa Arab. Kampus tetap bakal dibina di Seri Menanti, Negeri Sembilan yang dikenali sebagai Universiti Al-Azhar, Kampus Tuanku Muhriz, Malaysia.

Dengan tertubuhnya cawangan Universiti Al-Azhar di Malaysia akan dapat menarik minat pelajar-pelajar Malaysia untuk belajar dalam negara dan secara langsung akan dapat mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar dalam bidang Pengajian Islam. Dengan memperkasakan pengajian di IPT dalam negara, ini akan dapat membuka peluang dan menarik minat pelajar-pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian di Malaysia.

Rjm 151

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**[ BANDAR KUCHING ]**  
**TARIKH** : **3.10.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah sebabnya markah-markah untuk gred 'A', 'B', 'C', 'D' dan 'E' di peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi subjek-subjek seperti 'General Mathematics, Additional Mathematics, Physics, Chemistry dan English perlu dispesifikasi sebagai rahsia di bawah Akta Rahsia rasmi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 (Akta Pendidikan 1996) Bahagian II, perkara 4(b) menyatakan;

“untuk mengeluarkan kertas peperiksaan, untuk menyediakan bahan peperiksaan dan untuk memastikan keselamatan dan kerahsiaan kertas peperiksaan dan bahan peperiksaan termasuk markah-markah yang diperoleh oleh calon-calon”

Markah-markah calon-calon adalah sulit dan tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi Kerajaan Malaysia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO' AR WAN MOHAMAD KHAIR-IL ANUAR  
BIN WAN AHMAD [ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH** : **3.10.2013**

**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Ar Wan Mohamad Khair-Il Anuar Bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa ramai jumlah pelajar-pelajar IPT di luar negara dan berikan pecahan pelajar-pelajar yang ditaja oleh pihak Kerajaan dan swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Disember 2012, seramai 81,282 orang pelajar yang melanjutkan pengajian di luar negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 54,710 (67 peratus) merupakan pelajar persendirian dan 26,572 pelajar (33 peratus) adalah pelajar yang ditaja oleh kerajaan.

Rjm 153

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 1.10.2013**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy (Kota Kinabalu) MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah SK Matanggal di Beluran yang telah siap dibina pada tahun 2011 boleh digunakan. Apakah sebab-sebab penggunaan SK Matanggal ditunda sehingga menyebabkan 114 kanak-kanak dari 5 buah kampung tidak dapat meneruskan persekolahan mereka.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah SK Matanggal telahpun beroperasi pada 2 September 2013 dan semua perjawatan guru dan guru besar telah diluluskan oleh pihak kementerian.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[ SETIU ]****SOALAN :**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan graduan IPTA dan IPTS yang dilahirkan setiap tahun mengikut bidang pengajian bagi tempoh 2010 hingga 2013 serta nyatakan bilangan (peratus) graduan yang memperoleh pekerjaan dalam bidang kelulusan masing-masing dengan gaji yang sewajarnya dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Laporan Pengesanan Graduan (*Tracer Study Report*) semasa hari konvokesyen, jumlah keseluruhan graduan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pada tahun 2010 hingga 2012 bagi bidang Sastera & Sains Sosial, Sains, Teknologi Maklumat & Komunikasi, Pendidikan dan Teknikal adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah pelajar IPTA &amp; IPTS</b>
2010	139,095
2011	148,677
2012	167,781

Berdasarkan Laporan Pengesanan Graduan (*Tracer Study Report*) semasa hari konvokesyen, secara purata peratus responden graduan IPTA bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 yang telah mendapat pekerjaan dengan julat gaji tertinggi adalah seperti berikut:

<b>Bidang</b>	<b>Julat Gaji (RM)</b>	<b>Peratus</b>
Sains	3001-5001	48.5%
Pendidikan	2001-2500	50.2%
Teknikal	2001-2500	50.2%
Teknologi Maklumat & Komunikasi	1501-2000	48.9%
Sastera & Sains Sosial	1501-2000	48.4%



Manakala, bagi graduan IPTS pada tahun 2010 hingga 2012 berdasarkan Laporan Pengesanan Graduan (*Tracer Study*) semasa hari konvokesyen yang telah mendapat pekerjaan dengan julat tertinggi adalah seperti berikut:

<b>Bidang</b>	<b>Julat Gaji (RM)</b>	<b>Peratus</b>
Pendidikan	3001-5000	84.7%
Teknologi Maklumat & Komunikasi	3001-5000	55.6%
Teknikal	2001-2500	54%
Sastera & Sains Sosial	1001-1500	55%
Sains	501-1000	45%

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN  
NAINA MERICAN [ KEPALA BATAS ]**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Reeza! Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menyenaraikan universiti, kolej universiti swasta yang telah menjalani proses Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (Disciplined-Based Rating System, D-SETARA (Agensi Kelayakan Malaysia MQA) setakat tahun 2013 ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan data pada tahun 2011 hingga September 2013, sebanyak 37 buah Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) yang terlibat dalam proses Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (*Discipline-Based Rating System*, D-SETARA). Penilaian yang dijalankan memberi fokus kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran program peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam empat disiplin pengajian mengikut bidang Perubatan, Pergigian dan Farmasi, Sains Kesihatan, Kejuruteraan dan Pelancongan & Hospitaliti.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR ]**

**SOALAN :**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan mewujudkan Kolej Tingkatan Enam sebagai usaha mentransformasi pendidikan berorientasikan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia sedang mengadakan perbincangan dan dalam proses pengumpulan maklumat terperinci bagi melaksanakan program Transformasi Tingkatan Enam. Lima fokus transformasi telah dikenal pasti iaitu Imej dan Anjakan Minda, Pengurusan dan Pentadbiran, Mod Pengajaran dan Pembelajaran, Kurikulum, serta Info dan Infrastruktur.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR ]****SOALAN :**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang mana pinjaman tersebut boleh ditukarkan ke bentuk biasiswa kepada pelajar yang mengambil peringkat ijazah sarjana di universiti awam yang memperoleh CGPA lebih 3.75 markah atas sebab kecemerlangan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dasar Pinjaman Boleh Ubah (pengecualian bayaran balik) kepada peminjam PTPTN diberikan kepada pelajar yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya telah diperkenalkan mulai tahun 2003. Namun, akibat kedudukan kewangan PTPTN yang terhad, dasar ini telah dimansuhkan mulai permohonan pinjaman bagi pelajar sesi kemasukan Julai 2005 (1 Julai 2005). Walau bagaimanapun, atas dasar keprihatinan Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar yang cemerlang di institusi pendidikan tinggi (IPT), ketika sesi pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009, Y.A.B Perdana Menteri telah mengumumkan supaya pinjaman/pembiayaan pendidikan PTPTN ditukar kepada biasiswa bagi graduan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama diperkenalkan semula.

Insentif ini sebagai tindakan penyelarasan dasar dan pengiktirafan kepada mereka yang cemerlang dalam pengajian sama ada pelajar institusi pengajian tinggi awam mahupun institusi pengajian tinggi swasta. Sehingga 31 Ogos 2013, seramai 19,235 peminjam telah mendapat manfaat daripada dasar ini yang melibatkan amaun pengecualian bayaran balik berjumlah RM531.02 juta. Walaupun dasar pengecualian bayaran balik ini memerlukan peruntukan yang besar, namun ianya membuktikan keprihatinan Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar cemerlang di IPT dan menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap usaha melahirkan modal insan yang berilmu, galakan kepada pelajar serta hasrat Kerajaan memberi ganjaran kepada peminjam yang cemerlang dalam pendidikan.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat berkenaan kesediaan PTPTN yang mana pinjaman tersebut boleh ditukarkan ke bentuk biasiswa kepada pelajar yang mengambil peringkat Ijazah Sarjana di universiti awam yang memperoleh CGPA lebih 3.75 markah atas sebab kecemerlangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengecualian bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN akan diberikan kepada pelajar cemerlang yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Kelas Pertama berdasarkan kelulusan senat IPT. Walau bagaimanapun, hanya peminjam yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda sahaja yang boleh ditukarkan ke bentuk biasiswa dan PTPTN tidak menetapkan nilai tertentu gred PGNK bagi membolehkan pelajar dikecualikan bayaran balik.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM  
[ KUALA SELANGOR ]**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan SMK Saujana Utama 2, di Saujana Utama, Parlimen Kuala Selangor serta perancangan Kementerian dalam penambahan sekolah baru di parlimen Kuala Selangor.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek SMK Saujana Utama 2 telah dipohon sebagai projek baru dalam *Rolling Plan* Pertama (RP1) sehingga RP3 tetapi tidak diluluskan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat permohonan semula dalam RP4 untuk pelaksanaan tahun 2015.

Manakala bagi rancangan penambahan sekolah baru di Kuala Selangor pula, perkara ini akan diteliti bersama-sama pihak Jabatan Pelajaran Negeri dan sekiranya terdapat keperluan, permohonan bagi pembinaan sekolah-sekolah tersebut akan dibuat dalam Rancangan Malaysia yang akan datang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN  
[ MASJID TANAH ]****SOALAN :**

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan bagi membantu para pelajar Malaysia yang dibawa pulang dari Mesir, memandangkan terdapat sebahagian daripada mereka belum tamat pengajian di sana

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kemelut politik yang melanda negara Mesir sejak akhir bulan Jun 2013 hingga kini telah mencetuskan keadaan yang tidak stabil hingga telah mewujudkan ketidaktentuan dalam pelbagai aspek. Memandangkan Mesir merupakan salah satu destinasi utama bagi pelajar Malaysia melanjutkan pengajian ke luar negara, maka kemelut ini telah menimbulkan kebimbangan terhadap ibubapa dan para pelajar daripada aspek keselamatan.

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan evakuasi pelajar secara sukarela mulai 21 Ogos 2013 dan membawa pulang seramai 2,791 orang. Selebihnya telah pulang bercuti di Malaysia sebelum Ops Pyramid 2 dijalankan. Masih terdapat seramai 583 orang yang tidak pulang atas sebab-sebab tertentu seperti akademik dan peribadi. Berdasarkan tinjauan lapangan ke Mesir oleh pasukan khas yang diketuai oleh Y.B. Menteri Pendidikan II pada 24 hingga 26 Ogos 2013, pergolakan di Mesir akan berlarutan dan tidak akan berakhir dalam jangkamasa terdekat. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi memberi alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia.

Susulan daripada pertemuan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan para ibubapa dan pelajar-pelajar pada 12 September 2013, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 18 September 2013 telah mengambil keputusan untuk membenarkan pelajar-pelajar Malaysia dari universiti di Mesir yang memilih untuk menyambung pengajian di IPT Malaysia dalam bidang perubatan, pergigian, dan

farmasi di mana penempatan ini tidak melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program klinikal bagi bidang perubatan, pergigian dan pengajian Islam.

Bagi melicinkan pengurusan pengajian pelajar yang akan meneruskan pengajian di IPT Malaysia, maka satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia di Mesir (JPPPM) telah ditubuhkan yang berfungsi bagi merancang, menyelaraskan dan mengurus hal-hal berkaitan dengan pengurusan pengajian dan pemindahan kredit pelajar-pelajar berkenaan. Semua pelajar Malaysia di Mesir yang berminat bagimeneruskan pengajian di IPT di Malaysia adalah dipohon untuk berdaftar dengan Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia di Mesir (JPPPM) di Sektor Pengajian Tinggi (ST), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pihak Kerajaan menerusi KPM menyediakan alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di IPT Malaysia tetapi tidak menghalang pelajar-pelajar yang memilih untuk melanjutkan pengajian mereka ke Mesir.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN  
[ MASJID TANAH ]**

**SOALAN :**

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pemberian bantuan RM100 bagi setiap pelajar sekolah membantu tanggungan ekonomi ibu bapa atau meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar. Apakah matlamat sebenar pemberian tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,,

Pemberian bantuan RM100 kepada setiap murid sekolah adalah bertujuan untuk meringankan beban perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga murid, terutamanya bagi mereka yang kurang berkemampuan. Pada masa yang sama, ia secara tidak langsung akan meningkatkan motivasi dan keseronokan belajar murid-murid sekolah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [ SEKIJANG ]**

**SOALAN :**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pada 24 Ogos 2013 ada laporan di surat khabar tempatan menyatakan bahawa 13 daripada 100 pelajar di sekolah rendah mengidap penyakit Obesiti:-

- (a) apakah langkah pihak Kementerian untuk mengawal keadaan ini; dan
- (b) adakah pihak Kementerian akan memantau dan memastikan nilai kalori dalam makanan dan memastikan ia ditunjukkan oleh pihak kantin kepada pelajar-pelajar sekolah.

**JAWAPAN**

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat mengambil berat berkaitan kesihatan dan kesejahteraan murid. Bagi memastikan kesihatan murid dilindungi, *Body Mass Index* (BMI) murid diukur dua (2) kali setahun. Murid-murid yang didapati 'obese' atau terencat pertumbuhan akan dimaklumkan kepada ibu bapa dan dirujuk kepada klinik kesihatan untuk tindakan dan pemantauan selanjutnya.

Selain daripada itu, Garis Panduan Kantin Sihat telah diedarkan ke semua sekolah pada tahun 2012. Semua sekolah perlu mengikut garis panduan tersebut bagi memastikan kesihatan murid dilindungi. Antara perkara-perkara yang perlu dilakukan adalah memaparkan jumlah kalori mengikut umur yang diperlukan oleh murid mengikut umur dan waktu makan. Di samping itu, jumlah kalori makanan yang dijual di kantin sekolah juga perlu dipaparkan di kantin.

KPM turut melaksanakan Sistem Pemantauan Kendiri Kantin. Pihak pentadbiran sekolah akan memastikan pemantauan tersebut dilaksanakan setiap hari. Pegawai kesihatan daerah pula akan menyemak dan memantau sistem tersebut secara berkala.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [ SEKIJANG ]****SOALAN :**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bahawa pihak yang masih belum menyelesaikan pinjaman mereka kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak akan disenarai hitam oleh pihak Bank Negara. Tetapi memudahkan cara bayaran balik, justeru cagaran awal harus diberi oleh pihak peminjam bagi mereka yang baru memohon pinjaman dari PTPTN.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 31 Ogos 2013, seramai 454,036 orang masih belum membuat bayaran balik dan tidak hadir untuk berunding dengan PTPTN melibatkan tunggakan hutang sebanyak RM3.15 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 198,664 orang peminjam yang tidak pernah membuat bayaran bagi tempoh 1999 hingga 2010, manakala bakinya seramai 225,372 adalah mereka yang tidak pernah membuat bayaran bagi tempoh 2011 hingga 2013.

Perbincangan dalam sesi dialog bertajuk “Perundingan Awam Ke Arah Kelestarian PTPTN” dengan pelbagai pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang telah diadakan pada 28 Ogos 2013, bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur, telah menghasilkan pelbagai reaksi dan pandangan positif dan negatif berkaitan pelaksanaan CCRIS kepada peminjam serta perbincangan ke arah memperkasakan kelestarian PTPTN. Semua cadangan dan pandangan akan diperhalusi dan dikaji secara mendalam sebelum tindakan selanjutnya diambil. Walau bagaimanapun perlu diperjelaskan sekiranya hutang PTPTN tidak dibayar, ia tidak berlaku adil kepada peminjam yang melaksanakan pembayaran balik mereka dengan teratur. Ia juga menafikan hak generasi akan datang yang memerlukan pembiayaan pendidikan. Oleh itu, peminjam yang gagal menunaikan tanggungjawab membayar balik pembiayaan perlu diberikan kesedaran tentang tanggungjawab mereka selain memperjelaskan fungsi dan peranan PTPTN yang ditubuhkan pada 1997 bertujuan meningkatkan akses kepada pengajian tinggi dan menggalakkan pendemokrasian pendidikan

serta menyediakan sumber manusia yang mencukupi untuk menampung pertumbuhan ekonomi negara selari dengan wawasan Kerajaan untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

Bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN hanya bermula 6 bulan selepas pelajar tamat pengajian. Peningkatan sistem perkhidmatan kepada pelanggan menjadi fokus utama bagi memudahkan peminjam menunaikan tanggungjawab bayaran balik pembiayaan masing-masing, antaranya:

- a) memperbanyakkan dan mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji secara tetap melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM);
- b) menyediakan pelbagai saluran bagi kemudahan bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan antaranya melalui kaunter dan pembayaran secara dalam talian (*online*)/ perbankan internet melalui ejen-ejen yang dilantik seperti bank-bank tempatan dan Pos Malaysia;
- c) bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan pihak swasta untuk mengesan peminjam;
- d) membuka pejabat cawangan di seluruh negara bagi mendekati masyarakat di dalam memberi khidmat/ rundingan nasihat yang lebih mesra pelanggan dengan perancangan bayaran balik yang mampu bayar oleh peminjam. Sehingga 31 Ogos 2013, terdapat 12 Pejabat PTPTN Negeri (PPN), 2 One Stop Centre dan 4 Pejabat PTPTN Cawangan (PPC) yang telah beroperasi di seluruh negara.

Berhubung cadangan Ahli Yang Berhormat supaya cagaran awal harus diberi oleh pihak peminjam bagi mereka yang baru memohon pinjaman dari PTPTN, setakat ini Kerajaan tidak bercadang melaksanakan apa-apa cagaran kepada pihak peminjam yang akan membebankan pihak peminjam nanti.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [ Pengerang ]**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menambah lagi bilangan kolej matrikulasi selaras dengan peningkatan permohonan kemasukan setiap tahun dalam Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan yang dikenalpasti antara pilihan utama lulusan cemerlang SPM untuk melanjutkan pelajaran.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sejak Program Matrikulasi mula beroperasi pada tahun 1999, kolej Matrikulasi telah mengalami penambahan dari segi bilangan. Sehingga kini bilangan kolej matrikulasi sedia ada adalah sebanyak 15 buah di seluruh negara (sebuah di setiap negeri kecuali negeri Sabah dan Terengganu). Bilangan kolej ini ditambah secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan, dan yang terkini pada tahun 2013 sebanyak dua buah kolej telah dibuka iaitu sebuah di Kelantan dan sebuah di Sarawak.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**

**SOALAN :**

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan prosedur Kementerian dalam soal penyerapan guru kontrak terutama di Sabah menjadi guru tetap serta berapa jumlah guru yang berasal dari Sabah yang mengajar di negeri ini mengikut daerah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini pelaksanaan pelantikan guru kontrak (*Contract of Service*) bagi tujuan dilantik sebagai guru tetap di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hanya melibatkan guru-guru di Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) yang telah mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara kerajaan dan pihak sekolah, guru-guru yang merupakan tenaga pengajar asal di sekolah terlibat yang berkhidmat semasa MoU ditandatangani tetapi tidak memenuhi syarat untuk dilantik tetap akan dilantik secara kontrak terlebih dahulu. Mereka akan diberi latihan perguruan dan setelah berjaya menamatkan pengajian guru-guru berkenaan akan dilantik sebagai guru tetap berdasarkan syarat Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang telah ditetapkan.

Untuk makluman, jumlah guru yang berasal dari Sabah yang mengajar di negeri tersebut berjumlah 39,221 orang iaitu 13,664 orang di sekolah menengah dan 25,557 orang di sekolah rendah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]****SOALAN :**

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kes buli yang berlaku dilaporkan di sekolah rendah dan sekolah menengah antara tahun 2010 hingga 2013 serta apakah langkah-langkah proaktif Kementerian dalam membendung kes buli di sekolah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat memandang serius terhadap kes buli, dan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 8/2010 iaitu Garis Panduan Mencegah Dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid Di Sekolah. Bagi tempoh antara tahun 2010 hingga bulan Jun 2013, purata setahun kes buli melibatkan murid sekolah rendah dan menengah adalah seramai 2,399 (0.05%) orang. Antara tindakan yang dilakukan oleh KPM ialah;

- a) Amaran keras (perlu tandatangan surat aku janji).
- b) Dilarang menggunakan kemudahan sekolah atau asrama atau mengambil bahagian dalam program atau aktiviti sekolah untuk suatu tempoh tertentu.
- c) Dikenakan hukuman rotan tidak melebihi 3 kali.
- d) Digantung persekolahan (selama tempoh tidak melebihi 14 hari).
- e) Buang sekolah.

Selain daripada itu, KPM juga melaksanakan langkah-langkah pencegahan berikut :

- a) Memberi Bimbingan dan Kaunseling secara berterusan kepada murid yang terlibat.
- b) Mengadakan peti aduan murid atau saluran-saluran aduan murid secara berkesan di sekolah dan asrama.
- c) Menghapuskan budaya-budaya tertentu oleh murid yang berlawanan dengan prinsip-prinsip pendidikan, akhlak dan usaha memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah.

- d) Melaksanakan aktiviti orientasi atau suaikenal terhadap murid baru, yang berada di bawah kawalan guru sepenuhnya.
- e) Mengadakan kempen dan penjelasan terhadap kesan perbuatan ala samseng, buli dan jenayah lain secara berterusan dan melibatkan pihak luar seperti PDRM, PIBG dan pihak-pihak lain yang berkaitan.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN  
DATU MANSUR [ SILAM ]**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [ Silam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah universiti di kawasan Pantai Timur Sabah, memandangkan di kawasan Pantai Timur Sabah mempunyai potensi penyelidikan terutama dalam hidupan alam semula jadi seperti sarang burung, rumpai laut, kelapa sawit, gamat dan minyak petroleum untuk dijadikan sebagai penyelidikan dan penghasilan produk akhir.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) adalah dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan di pasaran kerja.

Kementerian berpandangan bahawa jumlah IPTA yang sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara dan fokus Kementerian kini adalah untuk memperkasakan IPTA tempatan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN  
DATU MANSUR [ SILAM ]****SOALAN :**

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [ Silam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah definisi tepat kepada peminjam ingkar. Adakah graduan yang belum mendapat pekerjaan dan gagal membuat pembayaran PTPTN juga diklasifikasikan sebagai peminjam ingkar dan apakah langkah Kerajaan untuk membantu graduan yang menganggur.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

PTPTN mengklasifikasikan peminjam yang gagal membuat apa-apa bayaran serta gagal hadir atau menghubungi PTPTN selepas tiga tahun daripada tarikh beliau sepatutnya mula membuat bayaran balik pembiayaan PTPTN sebagai peminjam ingkar atau peminjam tegar. Bagi peminjam yang belum mendapat pekerjaan, atau gagal membuat bayaran kerana melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, adalah dinasihatkan agar mereka segera hubungi atau hadir ke mana-mana pejabat cawangan PTPTN yang terhampir bagi membuat perundingan serta mencari kaedah penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah atau kesulitan mereka.

PTPTN sentiasa mengamalkan kaedah mesra pelanggan di dalam menangani permasalahan peminjam, sekiranya peminjam hadir atau menghubungi PTPTN untuk berunding. Antara langkah mesra pelanggan yang dilaksanakan bagi membantu peminjam adalah:-

- a) Penangguhan tarikh mula bayaran balik pembiayaan sehingga dua tahun bagi peminjam yang gagal mendapat pekerjaan.
- b) Penangguhan tarikh mula bayaran balik sepanjang tempoh pengajian, bagi peminjam yang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
- c) Pengstruktur semula pembiayaan mengikut kadar kemampuan bayaran balik peminjam.

Bagi mengelakkan pengangguran dan memastikan bakal graduan mempunyai kemahiran untuk bekerja, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif menjalankan program kebolehpasaran graduan (GE). Fokus utama program GE adalah untuk meningkatkan nilai tambah pelajar daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah yang diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar berkenaan memperoleh pekerjaan yang sesuai dan relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor. Program GE yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- a) *Structured Internship Programs* ;
- b) Program Pentauliahan Profesional (*Certification*) ;
- c) *Bridging the GAP*; dan
- d) Program Keusahawanan yang lebih terancang dan holistik di bawah Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**SOALAN :**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk meluluskan pembinaan sebuah Pusat Tahfiz dan Sekolah Menengah Agama di Kota Samarahan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan pendidikan termasuk sekolah agama yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. Dalam proses menyediakan pembinaan sesebuah sekolah, beberapa syarat yang telah digariskan oleh Kerajaan perlu dipatuhi. Di samping itu, kemampuan kewangan negara juga diambil kira. Sehubungan dengan itu, KPM belum mempunyai perancangan untuk membina Pusat Tahfiz dan Sekolah Menengah Agama di Kota Samarahan, Sarawak. Walau bagaimanapun KPM bersedia mengkaji keperluan pembinaan SMKA di kawasan Parlimen tersebut pada masa hadapan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian mempunyai peruntukan untuk membina semula Pejabat Pelajaran Daerah Subis yang tidak selamat diduduki; dan
- (b) adakah Kementerian dapat menerima cadangan untuk memindahkan Pejabat Pelajaran Daerah Subis ke bangunan asrama SK Bekenu yang tidak diguna pada masa ini dan diubah suai melibat kos yang tidak begitu besar.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telahpun memohon peruntukan pembinaan semula Pejabat Pelajaran Daerah Subis, di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh di bawah *Rolling Plan* ke-4 bagi pelaksanaan tahun 2015. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.
- (b) KPM sentiasa mengambil berat akan keselesaan dan kelengkapan prasarana pendidikan untuk semua pihak. Sehubungan dengan itu, KPM tiada halangan berkaitan cadangan pemindahan Pejabat Pelajaran Daerah Subis ke bangunan asrama SK Bekenu yang tidak digunakan pada masa ini. Walau bagaimanapun, pihak Pejabat Pelajaran Daerah Subis mestilah membuat permohonan secara rasmi berdasarkan prosedur dan peraturan seperti yang telah ditetapkan oleh KPM.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]**

**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah enrolmen serta perbelanjaan tahunan bagi Institut-institut Pendidikan Guru (IPG) untuk tahun 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah enrolmen pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Institut Pendidikan Guru (IPG) mengikut tahun ialah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH ENROLMEN</b>
2005	1672
2006	3845
2007	7569
2008	11410
2009	16364
2010	21476
2011	23684
2012	22672

Perbelanjaan tahunan IPG pada tahun 2011 adalah sebanyak RM 869.94 juta. Manakala bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM868.13 juta.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]**

**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan untuk perkakasan ICT di bawah dasar PPSMI dan berapakah peratus perkakasan ICT yang sudah dilaporkan rosak atau tidak lagi digunakan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah kos perkakasan PPSMI adalah sebanyak RM2.6 billion. Untuk makluman, terdapat sejumlah 239,374 unit perkakasan yang berkeadaan baik dan masih digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala, sebanyak 112,784 unit (47.12%) perkakasan telah melangkaui tahap "*Beyond Economic Repair*" (BER) dan tidak ekonomi untuk diperbaiki.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]**

**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keputusan ujian 61,000 guru Bahasa Inggeris yang telah menduduki Cambridge Placement Test

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Ujian Penempatan Cambridge (CPT) dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap kemahiran berbahasa guru-guru bahasa Inggeris. Hasil ujian mendapati, 27.8 peratus daripada jumlah guru tersebut mencapai tahap kompetensi tertinggi berasaskan standard *Common European Framework Of References For Languages (CEFR)*, dan selebihnya melepasi tahap penguasaan bahasa Inggeris yang memuaskan.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]**

**SOALAN :**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci pecahan peruntukan sekolah mengikut aliran sekolah SK, SJK(C), SJK (T), Sekolah Vokasional dan Sekolah Agama Rakyat dari tahun 2008 hingga 2013.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyalurkan peruntukan dari tahun 2009 hingga 2013 bagi perbelanjaan mengurus kepada sekolah SK, SJKC, SJKT, Sekolah Vokasional dan Sekolah Agama Rakyat. Perincian **peruntukan belanja mengurus** dari tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti berikut:

<b>Jenis Sekolah</b>				
<b>Tahun</b>	<b>SK (RM)</b>	<b>SJKC (RM)</b>	<b>SJKT (RM)</b>	<b>S. VOKASIONAL (RM)</b>
2009	8,145,560,899	1,806,730,185	615,139,304	674,499,005
2010	5,622,783,156	1,176,595,576	456,728,370	484,763,900
2011	7,738,282,854	1,716,393,676	584,382,340	572,723,290
2012	11,996,516,050	1,716,393,676	660,346,311	684,938,100

Untuk makluman, Sekolah Agama Rakyat (SAR) bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia.